





SEJARAH

Tingkatan 1



1

SEJARAH
TINGKATAN 1





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan

seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

SEJARAH

Tingkatan 1

Buku Teks



Penulis

Mohd bin Samsudin
Azharudin bin Mohamed Dali
Sharifah Afidah binti Syed Hamid

Pereka Bentuk

Zainal Abidin bin Hasan

Editor

Abdul Ghani bin Abu
Hazimah binti Yusof
Md Shukuri bin Hamzah

Ilustrator

Rozlin Azrar bin Abd Azib



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2016



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

No. Siri Buku: 0059

KK 959-221-0102011-49-1119-30101
ISBN 978-983-49-1119-5

Cetakan Pertama 2016
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Times New Roman
Saiz Muka Taip Teks: 12/14 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.,
No. 1, 2, 4 & 6 Tingkat Kilang,
Kawasan Perindustrian Jelapang,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Penghargaan

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah,
Kementerian Pendidikan Malaysia
 - (i) YBhg. Datin Paduka Datuk Profesor Dr. Hajah Ramlah binti Adam
 - (ii) YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi bin Nik Abdul Rahman
 - (iii) YBhg. Profesor Dr. Ooi Keat Gin
 - (iv) YBhg. Profesor Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja
 - (v) YBhg. Profesor Madya Dr. Ismail bin Ali
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat,
Bahagian Buku Teks,
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat,
Bahagian Buku Teks,
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera,
Bahagian Buku Teks,
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu,
Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jawatankuasa Panel Pembaca Luar,
Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Teknologi Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Arkib Negara Malaysia
- Jabatan Muzium Malaysia
- Jabatan Warisan Negara
- Pusat Penyelidikan Arkeologi Global,
Universiti Sains Malaysia
- Jabatan Alam Sekitar
- Muzium Kesenian Islam Malaysia
- Kraftangan Malaysia
- Kedutaan Arab Saudi
- Kedutaan Itali
- Kedutaan Mesir
- Kedutaan Sepanyol
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

Kandungan

Pendahuluan	vi
Bab 1 Mengenali Sejarah	2
1.1 Pengertian Sejarah	4
1.2 Pengertian Sejarah Mengikut Pandangan Sejarawan	5
1.3 Masa Silam dan Ruang dalam Sejarah	6
1.4 Sumber Sejarah	8
1.5 Penyelidikan dalam Sejarah	10
1.6 Tafsiran dalam Sejarah	16
1.7 Kepentingan Mempelajari Sejarah	18
Kesimpulan	20
Pemahaman dan Pemikiran Kritis	21
Arif dan Peka Sejarah	23
Bab 2 Zaman Air Batu	24
2.1 Dunia Kita	26
2.2 Zaman Air Batu	30
2.3 Garis Masa Zaman Air Batu	32
2.4 Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir	34
2.5 Perubahan Zaman Air Batu Akhir	36
2.6 Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara	38
Kesimpulan	40
Pemahaman dan Pemikiran Kritis	41
Arif dan Peka Sejarah	43
Bab 3 Zaman Prasejarah	44
3.1 Maksud Zaman Prasejarah	46
3.2 Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia	48
3.3 Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah	52
3.4 Kesinambungan Sumbangan Zaman	
Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia	60
3.5 Zaman Prasejarah di Malaysia	64
Kesimpulan	70
Pemahaman dan Pemikiran Kritis	71
Arif dan Peka Sejarah	73
Bab 4 Mengenali Tamadun	74
4.1 Maksud Tamadun	76
4.2 Konsep Tamadun	78
4.3 Ciri-ciri Tamadun Awal Dunia	80
Kesimpulan	86
Pemahaman dan Pemikiran Kritis	87
Arif dan Peka Sejarah	89

Bab 5	Tamadun Awal Dunia	90
5.1	Empat Lokasi Tamadun Awal Dunia	92
	- Tamadun Mesopotamia	94
	- Tamadun Mesir Purba	98
	- Tamadun Indus	100
	- Tamadun Huang He	102
5.2	Perbandingan Sumbangan Tamadun Awal	104
	Kesimpulan	112
	Pemahaman dan Pemikiran Kritis	113
	Arif dan Peka Sejarah	115
Bab 6	Peningkatan Tamadun Yunani dan Rom	116
6.1	Tamadun Yunani	118
6.2	Peningkatan Pemerintahan dan Pentadbiran Tamadun Yunani	120
6.3	Tamadun Rom	127
6.4	Peningkatan Seni Bina dalam Tamadun Rom	128
	Kesimpulan	134
	Pemahaman dan Pemikiran Kritis	135
	Arif dan Peka Sejarah	137
Bab 7	Peningkatan Tamadun India dan China	138
7.1	Tamadun India	140
7.2	Tamadun China	146
	Kesimpulan	154
	Pemahaman dan Pemikiran Kritis	155
	Arif dan Peka Sejarah	157
Bab 8	Tamadun Islam dan Sumbangannya	158
8.1	Latar Belakang Masyarakat Arab Sebelum Kedatangan Islam	160
8.2	Kemunculan dan Perkembangan Tamadun Islam	165
8.3	Ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai Pemimpin	170
8.4	Sumbangan Tamadun Islam kepada Dunia	174
8.5	Sumbangan Tamadun Islam dalam Bidang Seni Bina	182
	Kesimpulan	186
	Pemahaman dan Pemikiran Kritis	187
	Arif dan Peka Sejarah	189
<i>Bibliografi</i>		190
<i>Indeks</i>		192

Pendahuluan

Buku Teks *Sejarah Tingkatan 1* Sekolah Menengah ini ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini mengandungi lapan bab berdasarkan tema Sejarah Kita dan Dunia. Standard kandungannya mengandungi Pengenalan Ilmu Sejarah, Zaman Air Batu, Zaman Prasejarah serta Tamadun Dunia dan Sumbangannya. Tamadun dunia dibahagikan kepada tiga bahagian utama untuk melihat sumbangannya, iaitu Tamadun Awal Dunia, Peningkatan Tamadun dan Tamadun Islam. Pengetahuan dan pemahaman tentang sejarah ini dipelajari secara kronologi supaya murid memahami proses perkembangan masyarakat dan dunia bagi membolehkan murid bersaing pada peringkat global.

Kandungan yang disediakan dalam buku teks ini juga menekankan kepelbagaiannya kaedah pembelajaran dan pengajaran, seperti pembelajaran berdasarkan inkuiri, kajian masa depan, kontekstual, kajian kes, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta mengaplikasikan Kemahiran Abad Ke-21. Selain itu, aspek yang turut ditekankan ialah Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) agar murid boleh memahami sesuatu peristiwa silam dari pelbagai perspektif secara mendalam dan meletakkan diri mereka dalam situasi seseorang tokoh atau peristiwa. Akhirnya, murid diharap akan dapat menghayati sejarah secara empati untuk membentuk jati diri yang mantap dan memiliki pemikiran yang terbuka.

Dalam usaha membudayakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), maka penyampaian kandungan dan latihan turut dipersembahkan dalam bentuk peta pemikiran. Elemen KBAT yang dijelmakan dalam kandungan, latihan, aktiviti dan penilaian diharap dapat melahirkan murid yang berupaya mengaplikasikan ilmu dan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

Bagi memudahkan guru dan murid menggunakan buku teks ini, maka beberapa ikon digunakan. Ikon diwujudkan dengan mengambil kira aktiviti yang disediakan oleh penulis. Yang berikut ialah ikon yang digunakan:

Rangsangan

Diletakkan pada setiap bab dan dipersembahkan dalam bentuk gambar. Berpandukan bahan rangsangan ini, diharap guru dapat mencungkil idea murid dan merangsang minat mereka untuk mempelajari halaman seterusnya.



Kemahiran Pemikiran Sejarah

Murid boleh menganalisis kesinambungan dan perubahan yang dialami manusia dengan menggunakan lima Kemahiran Pemikiran Sejarah, iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi.

BAB 3. Zaman Prasejarah

Sinopsis

Zaman Prasejarah merupakan zaman yang penting untuk tahap pembentukan peradaban dan kemajuan manusia. Perbaungan tentang zaman ini dimulakan dengan maklumat Zaman Prasejarah dan lokasi zaman tersebut. Perbaungan akan mengangkungi spek ciri kehidupan manusia Zaman Prasejarah. Seterusnya, perbaungan akan memfokuskan sumbangan zaman ini kepada kemajuan kehidupan manusia. Bab ini turut membincangkan tinggalan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia. Pemahaman terhadap Zaman Prasejarah menyedarkan kita bahwa tamadun dan sejarah manusia sentiasa mengalami perubahan dan kesinambungan.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Memahami maklumat Zaman Prasejarah.
2. Mengenal pasti Zaman Prasejarah.
3. Memahami ciri-ciri kehidupan Zaman Prasejarah.
4. Memahami kesinambungan sumbangan Zaman Prasejarah terhadap kemajuan kehidupan manusia.
5. Memahami tinggalan Zaman Prasejarah di Malaysia.

Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang akan anda dapat?

1. Menjelaskan keupayaan manusia Zaman Prasejarah menerokaan kelangsungan hidup.
2. Mencadangkan kepentingan memelihara dan memuliakan tinggalan Zaman Prasejarah.
3. Menjelaskan penghargaan terhadap kemajuan dalam masyarakat Zaman Prasejarah.
4. Melahirkan rasa bersyukur dalam memanfaatkan alam ciptaan Tuhan.

Elemen Kewarganegaraan dan Sivik

Diletakkan pada bahagian rangsangan setiap bab. Elemen ini dijelmakan secara tersurat dan tersirat sama ada dalam teks, soalan atau pelbagai bentuk aktiviti.

KBAT

Menunjukkan soalan berbentuk aras tinggi untuk merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. KBAT memfokuskan tahap pemikiran aplikasi, analisis, menilai dan mencipta.



Glosari

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami dalam teks bagi memberikan kefahaman kepada murid.

Penjelasan tersurat

Penjelasan tersirat

Aktiviti: TMK

Socia Pelestarian, laman lamaan web www.museum.sarawak.gov.my dan jawab soalan di bawah:

1. Kemunculan artifikat prasejarah yang ditemui di dalam Gua Niah.
2. Tinggalan manusia Gua Niah dibuat oleh manusia pada setiap Zaman Prasejarah.
3. Cadangkan langkah-langkah untuk merakam dan mempelajari tentang tinggalan Zaman Prasejarah bagi meningkatkan kehetusan sejarah negara kita.

Aktiviti: TMK

Tarik Zaman Prasejarah: Gobekli Tepe, Turki
Usia: 12,000 tahun

Ciri-ciri:

- Mengayuh tiang berjumlah 200 batang dan berukuran 20-200 buah batuan
- Setiap tiang mempunyai kelengkung-cana antara 10-15 meter dan beratnya 20 tan

Berdasarkan maklumat di atas dan maklumat yang dikumpulkan melalui Internet secara berterusan, tulis maklumat tentang maklumat kefahaman anda tentang kecergasan, kecemerlangan dan kebolehan manusia Zaman Prasejarah di Gobekli Tepe, Turki.

Kebijaksanaan manusia Zaman Prasejarah menggunakan kelebihan dan kekurangan untuk memfasilitasi sumber alam semula jadi sejauh Tuhan.

Pengumpulan Makanan

Zaman Paleolithik
Kegiatan mengumpulkan makanan yang mudah didapati dan aktiviti penting untuk mendapatkan makanan adalah mencari makanan. Mereka mengumpulkan buah-buahan, ikan, mamalia, bijirin dan paku-paku tumbuhan yang mudah diri dalam tanah.

Zaman Neolithik
Ketika manusia bertemu dengan teknologi pertanian dan pemerkasaan tanah, mereka mulai mengumpulkan makanan semakin banyak.

Zaman Mesolithik
Manusia pada zaman mesolithik juga mengumpulkan makanan. Mereka juga mengumpulkan buah-buahan, bijirin dan spuri yang ditemui di pinggir sungai dan laut.

Zaman Logar
Aktiviti pengumpulan makanan kompleks talai lagi dan talai logar yang berada dalam hutan dan perpaduan tanah berpasir. Kegiatan ini membantu manusia untuk mendapatkan makanan yang mereka perlukan.

Obah Budu
Membentuk Persekitaran Rata

Kepada han bahan:

1. Batu yang sesuai
2. Sekarang
3. Pengaruh
4. Talai
5. Dosa

Pihak bahu yang berbentuk bentuk dan simetri.

Pihak bahu yang berbentuk bentuk dan simetri.

Pihak bahu yang berbentuk bentuk dan simetri.

Alat bujang batu seperti tajam.

Pihak bahu yang berbentuk bentuk dan simetri.

Pihak bahu yang berbentuk bentuk dan simetri.

Masukan batu pada celah kayu.

Bar kayu dan batu dengan kuat.

Ekonomi

Sumbangan Tamadun Islam juga dapat dilihat dari segi ekonomi. Contohnya, memperkenalkan amalan ekonomi Islam, pengenalan Baitulmal, menggalakkan pembiagaan dan perdagangan serta memperluas pembinaan empangan dan kemudahan asas lain.

- Amalan ekonomi Islam**
Islam menekankan beberapa amalan dalam sistem ekonomi bagi mendidik jiwa manusia agar berdisiplin, amanah dan berjaya bersih.
- Mengadakan sistem zakat dan sistem wakaf untuk pembangunan umat Islam.
 - Mengadakan sistem mata wang dirham dan perak untuk menjalankan aktiviti ekonomi.
 - Mengadakan kuitian sistem cukai, laju bayaran dalam bentuk wang oleh seorang kerajaan atau negara bagi individu atau syarikat yang tujuan asalnya adalah untuk membayar segala keperluan negara. Sifatnya, cukai yang pernah dilaksanakan di negara Islam ialah cukai tunah (al-Kharaj), cukai perlindungan (al-Usyu'), cukai diri (ijzah al-Ru'us) dan cukai perdagangan (al-Ushu').
 - Melarang amalan riba kerana boleh menghancurkan konsep keadilan dalam masyarakat.
 - Mensejajarkan penjimatan dan penuntutan semasa berjaya, seperti mengurangkan timbangan, boros, kedekut, membazir, mengambil kelebihan berlipat kali ganda dan tidak amanah.
 - Menggalakkan manusia menghasilkan produk yang bermutu dan melakukan penyelidikan dalam membina ekonomi, contohnya dalam bidang pertanian, hukum syarak, seperti mengeluarkan zakat dan menjaga kebijakan masyarakat.
 - Mencuci kita berjimat cermat.



Bersedekah amalan mulia.

Glosari

Halal: dibenarkan menurut hukum Islam.
Riba: faidah berganda yang membekabkan dan diharapkan oleh Islam.

Amalan bersedekah

Amalan bersedekah mampu membentuk masyarakat yang sejahtera. Bincangkan.



Aktiviti

Menggambarkan beberapa aktiviti berdasarkan konsep pembelajaran akses kendiri dan pembelajaran luar bilik darjah bagi melahirkan murid yang kreatif dan saling bekerjasama. Antaranya termasuklah *i-Think*, cuba buat, inkirui, kajian kes, kontekstual, Kajian Masa Depan, Pendidikan Abad 21, Kemahiran Pemikiran Sejarah, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.




Cerna Minda

Merujuk kepada aras pengetahuan sedia ada murid, soalan diajukan secara mudah dan sederhana bagi membantu murid lebih memahami topik yang dipelajari.



Tahukah anda?

Mengandungi maklumat tambahan bagi membantu murid memahami sesuatu perkara dengan lebih jelas dan mendalam. Seterusnya murid digalak menggunakan pelbagai sumber lain untuk meneroka ilmu yang relevan dan mendalam.



QR Code

Imbas kod menggunakan alat peranti semasa untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain serta panduan menjawab soalan bagi menarik minat murid.



Kesimpulan

Diletakkan pada bahagian akhir setiap bab. Bahagian ini membantu murid untuk mengimbas kembali topik-topik yang telah dipelajari.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur pemahaman murid tentang kandungan yang dipelajari daripada bab tersebut. Penilaian ini disusun dari aras rendah ke aras tinggi bagi menggalakkan murid berfikir secara kritis.



Contoh Skema Jawapan



Arif dan Peka Sejarah

Terdapat tiga unsur yang ditekankan dalam halaman terakhir bab ini, iaitu nilai, patriotisme dan iktibar. Murid akan menilai kembali pembelajaran bab dan mengaitkan dengan tindakan terhadap diri sendiri dan tindakan sebagai warganegara. Murid akan berasa bangga dikenali sebagai anak Malaysia yang mempunyai identiti nasional.

Diharap segala usaha murni daripada pelbagai pihak dalam menerbitkan Buku Teks *Sejarah Tingkatan 1 Sekolah Menengah* ini dapat membantu guru dan murid mencapai matlamat dan objektif mata pelajaran Sejarah, KSSM serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**Mohd bin Samsudin
Azharudin bin Mohamed Dali
Sharifah Afidah binti Syed Hamid**

Sejarah Kita dan Dunia




Mengenali Sejarah



Sinopsis

Sejarah merupakan disiplin ilmu tentang peristiwa masa lampau. Penulisan sejarah adalah berdasarkan kepada kajian dan penyelidikan terhadap sumber sejarah. Kepelbagaiannya sumber dan kajian sejarah menyebabkan wujudnya pelbagai tafsiran dalam sejarah. Sejarah amat penting dalam memupuk semangat cinta akan negara demi meneruskan ketamadunan negara kita.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Memahami pengertian sejarah secara umum.
2. Memahami pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan, seperti Herodotus, E.H. Carr, Ibn Khaldun dan Muhd Yusof Ibrahim.
3. Mengenali konsep masa silam dan ruang dalam sejarah.
4. Memahami sumber sejarah.
5. Memahami kaedah penyelidikan sejarah.
6. Memahami pentafsiran sejarah.
7. Memahami kepentingan mempelajari sejarah.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan menghargai masa dalam kehidupan sehari-hari.
2. Merumuskan kepentingan menghargai peristiwa sejarah negara kita.
3. Menjanakan idea cara memelihara warisan negara kita.
4. Menerangkan kepentingan mengaplikasi ilmu sejarah dalam kehidupan.

Sejarah mampu mengukuhkan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)



Mesyuarat Durbar Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pertama yang diadakan di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapat:

1. Memahami kronologi dengan mengetahui konsep masa silam dalam sejarah.
2. Meneroka bukti melalui sumber primer dan sumber sekunder.
3. Membuat interpretasi atau tafsiran terhadap sesuatu peristiwa berdasarkan bukti.
4. Membuat imaginasi tentang sesuatu peristiwa sejarah secara visual dan empati.
5. Membuat rasionalisasi dan membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Pengenalan

Kita kerap mendengar ungkapan bahawa sejarah membawa banyak iktibar kepada kita. Apakah yang dimaksudkan dengan sejarah? Bagaimanakah kita mengukur masa silam dalam sejarah? Bagaimanakah pula kita dapat mengetahui sejarah lampau sesebuah masyarakat dan negara? Apabila mengetahui sesuatu peristiwa masa lampau, mengapakah masih wujud pelbagai tafsiran mengenainya? Semua persoalan ini akan terjawab dalam bab ini.

Secara umumnya, sejarah ialah peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Peristiwa masa lalu yang berlaku dalam kehidupan sesebuah masyarakat atau negara akan dikaji oleh sejarawan. Sejarawan merupakan ahli sejarah yang menyelidiki rekod-rekod lalu dan memuatkan dapatan kajian mereka seperti dalam bentuk buku, monograf atau makalah. Terdapat beberapa pengertian sejarah dari aspek bahasa seperti yang berikut:

Apakah Sejarah?

Dalam bahasa Melayu:

- istilah sejarah berasal daripada perkataan Arab, “syajaratun” yang bererti pokok. Sejarah juga dikaitkan dengan salasilah, riwayat, keturunan dan asal usul.

Kamus Dewan mendefinisikan sejarah sebagai:

- asal usul (keturunan), salasilah.
- peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat dan tambo.
- kajian atau pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang telah lalu.

Dalam bahasa Inggeris, sejarah ialah *history*:

- history* bererti cerita tentang seseorang. Perkataan ini berasal daripada bahasa Yunani, *historia* yang bererti penyelidikan.



Glosari

Iktibar: pengajaran.

Monograf: tulisan, huraihan, rencana.

Tafsiran: penjelasan, pengertian atau pendapat.

Tambo: riwayat dahulu kala.

1.2

Pengertian Sejarah Mengikut Pandangan Sejarawan

Kita juga boleh mengetahui dengan lebih mendalam pengertian sejarah mengikut pandangan beberapa orang sejarawan tersohor seperti yang berikut:



Herodotus

(Sumber: R. Suntharalingam,
Pensejarahan Barat, 1993, hlm. 9-10)

“Penceritaan tentang tindakan manusia yang penting dan mengagumkan serta sebab berlakunya sesuatu peristiwa”.

- Sejarawan yang mula menggunakan perkataan sejarah atau historia yang bermaksud “penyelidikan atau penyiasatan terhadap peristiwa silam mahupun sezaman”.
- Karyanya yang terkenal ialah *Histories* atau Sejarah Perang Parsi (*The Persian War*).
- Karyanya ini ditulis berdasarkan kajianya terhadap peristiwa yang benar berlaku.



E.H. Carr

- Sejarah merupakan tindak balas pembaca terhadap penulisan sejarah, iaitu fakta-fakta yang ditulis oleh sejarawan.
- Karyanya yang terkenal ialah *What is History?*

(Sumber: Ab. Rahman Haji Ismail (penterjemah),
Apakah Sejarah?, 1998, hlm. 8)

“Suatu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, suatu dialog yang tidak berkesudahan antara masa kini dengan masa lampau”.




Ibn Khaldun

“Sejarah membicarakan perkara tentang masyarakat manusia, peradaban dunia dan perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu”.

- Karyanya yang terkenal ialah *Muqaddimah* yang mengandungi enam bab.
- Menceritakan dan mengupas perihal kehidupan manusia bermula zaman primitif hingga kehidupan di bandar.

(Sumber: Muhd Yusof Ibrahim, *Pengertian Sejarah*, 1986, hlm. 143)




Khoo Kay Kim

“Sejarah merujuk kepada apa-apa yang pernah atau sudah berlaku. Sejarah mendorong kita lebih memahami apa-apa yang berlaku pada masa kini, di samping menjamin kesilapan yang sama tidak berulang. Sejarah ialah ibu kepada semua bidang”.

(Info tambahan yang diperoleh daripada temu bual pada 14 April 2016)

- Antara sejarawan tempatan tersohor yang mengkaji sejarah Malaysia.



Muhd Yusof Ibrahim

- Sejarawan tempatan yang mengkaji tentang ilmu dan disiplin sejarah.
- Antara karya beliau yang terkenal termasuklah *Sejarawan dan Persejarahan Melayu: Tradisi dan Transformasi*.

“Sejarah ialah masa lalu itu sendiri. Sejarah juga merupakan catatan ataupun rekod tentang sesuatu peristiwa yang berlaku pada suatu masa yang lalu”.

(Sumber: Muhd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah Falsafah, Pengertian, Kaedah dan Pensejarahan*, 2013, hlm. 9)



Jelaslah kepada kita bahawa pengertian sejarah dari aspek bahasa dan pandangan sejarawan merujuk tentang masyarakat dan peristiwa masa lalu yang diperoleh berdasarkan bukti. Sejarah mampu memberikan teladan dan pengajaran kepada kita.




Terdapat banyak pengertian sejarah. Rumuskan takrifan sejarah.

1.3

Masa Silam dan Ruang dalam Sejarah

Dalam mempelajari sejarah, kita akan merujuk kepada masa silam dan ruang yang luas dan tiada batasnya.

Masa silam merupakan rentetan peristiwa yang telah berlaku. Masa silam dikaji berdasarkan urutan masa yang dinamakan kronologi. Kronologi juga merujuk kepada rentetan peristiwa yang berlaku secara teratur mengikut urutan masa dari awal hingga yang terakhir dan bergerak mengikut satu garisan lurus. Ruang masa ini dapat dibahagikan kepada dekad (10 tahun), abad (100 tahun), dan alaf (1000 tahun). Konsep masa juga boleh diukur mengikut zaman, seperti Sebelum Masihi (SM) dan Masihi (M). Zaman Masihi bermula dengan kelahiran Nabi Isa AS.



Ruang dalam sejarah yang luas mendorong sejarawan membahagikan penulisan mereka kepada tema tertentu, seperti politik, ekonomi dan sosial. Hal ini bagi memudahkan sejarawan melakukan penyelidikan sebelum membuat penulisan sejarah. Dalam konteks sejarah Malaysia, ruang masa dibahagikan kepada beberapa tempoh masa. Contohnya, era Kesultanan Melayu Melaka, kemunculan kuasa-kuasa luar dan kemerdekaan negara.



Aktiviti

Membina Garis Masa Sejarah Keluarga Anda

Lakukan temu bual bersama-sama ibu dan ayah anda. Catatkan peristiwa bersejarah atau yang bermakna dalam keluarga anda, seperti perkenalan ibu dan ayah, tarikh perkahwinan, kelahiran ahli keluarga dan kematian. Bina satu garis masa yang paling menarik bagi menggambarkan semua peristiwa tersebut.



Cerna Minda

A



Bermulanya kerajaan Melaka.
(Sumber: Perbadanan Muzium Melaka)

B



Pengisytiharan Malaysia.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

C



Pendudukan Jepun di Tanah Melayu.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

D



Kedatangan Portugis ke Melaka.
(Sumber: Perbadanan Muzium Melaka)

E



Majlis menandatangani perjanjian kemerdekaan.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

1. Berdasarkan gambar A hingga E, bina peta pemikiran yang sesuai mengikut kronologi masa dengan tepat. *(i-Think)*
2. Pilih satu daripada gambar yang difikirkan bermakna kepada anda. Mengapakah anda menganggapnya amat bermakna?

Berdasarkan masa silam dan ruang dalam sejarah yang luas, sejarawan telah mengkhususkan bidang kajian mereka berdasarkan tema tertentu seperti politik, ekonomi dan sosial. Hal ini bagi menambahkan kepelbagaiannya dalam pengkajian dan penulisan sejarah.

Sumber sejarah terbahagi kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Sumber Sejarah

Sumber primer

- Sumber ini belum diolah atau diterbitkan
- Bersifat asli
- Belum ditafsir

Contoh:

- Fosil
- Artifak
- Bukan artifak
- Batu bersurat
- Keterangan lisan
- Dokumen rasmi
- Manuskrip
- Fail rasmi jabatan
- Surat peribadi
- Diari

Sumber sekunder

- Bahan yang telah diolah dan diterbitkan
- Bahan tersebar kepada umum

Contoh:

- Buku
- Akhbar
- Majalah
- Jurnal
- Ensiklopedia
- Risalah

Sejarah ditulis berdasarkan kajian terhadap sumber sejarah, iaitu sumber primer dan sumber sekunder yang membantu kita untuk mengetahui sesuatu peristiwa masa lalu.



Loceng Gangsa

Artifak merupakan peralatan ciptaan manusia yang digunakan untuk perburuan, pertanian dan perdagangan. Peralatan ini diperbuat daripada batu, kaca dan logam. Penemuan artifak loceng gangsa di Kampung Pencu, Muar, Johor boleh dijadikan sumber untuk melihat hubungan perdagangan dengan kerajaan Funan. Loceng ini dihasilkan sekitar 150 tahun Masihi, iaitu bersamaan dengan perluasan kuasa kerajaan Funan.


(Sumber: Muzium Negara)



Candi Lembah Bujang

Bukan Artifak merupakan data arkeologi berkaitan dengan budaya manusia yang terdapat di bawah tanah dan di atas permukaan tanah, seperti dinding gua, dinding kota dan struktur binaan. Penemuan candi Lembah Bujang boleh dijadikan sumber kajian bagi menunjukkan adanya pengaruh Hindu dan Buddha serta hubungan perdagangan antara India dengan Kedah.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, hlm. 94)



Ensiklopedia

Ensiklopedia merupakan satu daripada sumber sekunder. Bahan yang terkandung dalam ensiklopedia ini berdasarkan fakta dan sumber sejarah yang sahih. Contohnya, *The Encyclopedia of Malaysia* yang mengandungi beberapa tema seperti, sejarah awal, sejarah moden awal, arkitektur, laut dan tumbuh-tumbuhan.



Cerna Minda


A. Klasifikasikan bahan berikut kepada sumber primer atau sumber sekunder.



Manuskrip Sejarah Melayu




Artifak di Terumbu Mangsi Kudat, Sabah



Ensiklopedia



Rangka manusia di Gua Cha, Kelantan



Buku Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra



Diari



Jurnal

B. Santubong merupakan satu daripada tapak arkeologi di Sarawak. Di sini terdapat penemuan penting yang boleh dijadikan sumber primer, iaitu artifak arca Buddha dan artifak seramik barang perdagangan dari China (Dinasti Song dan Dinasti Tang).

1. Apakah kepentingan penemuan sumber primer ini?
2. Pada pendapat anda, adakah sumber primer sahaja mampu merungkai semua penyelidikan tentang sejarah Santubong ini? Berikan alasan anda.



(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 112)



Glosari

Arca: patung yang diperbuat daripada batu, kayu dan lain-lain yang dipahat dan menyerupai bentuk sesuatu.

Sumber sejarah amat penting dalam penyelidikan dan penulisan sejarah. Sumber primer perlu dikaji untuk mencari maklumat dan bukti sahih tentang sesuatu peristiwa. Sumber sekunder pula membantu untuk mencari maklumat dan membuat perbandingan dapatkan penyelidikan sejarah yang telah diterbitkan.

Dalam usaha menghasilkan penulisan sejarah, sejarawan dan ahli arkeologi mestilah berusaha mendapatkan sumber, mengkaji dan menganalisisnya. Hal ini boleh membantu untuk mendapatkan maklumat dan fakta bagi membolehkannya membuat tafsiran dan penulisan terhadap sesuatu peristiwa.

Terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh sejarawan semasa melakukan penyelidikan, iaitu kaedah bertulis, kaedah lisan dan kaedah arkeologi.

Kaedah Bertulis

Kaedah bertulis ialah kajian terhadap sesuatu peristiwa daripada maklumat pada sumber yang dipahat atau ditulis. Di Asia Tenggara, tulisan tertua dikesan di dinding gua, dipahat pada batu, ditulis pada kulit kayu, gading dan daun lontar. Kaedah bertulis juga boleh dilihat pada catatan harian seseorang, fail kerajaan dan catatan pengembalaan. Proses kaedah bertulis adalah seperti yang di bawah:

Mengenal pasti sumber bagi sesuatu peristiwa, tokoh atau institusi.

Contohnya, jika kita ingin membuat kajian tentang sejarah negara kita, sumber bertulis boleh didapati di negara kita, di Portugal dan di Belanda. Sumber bertulis ini juga terdapat dalam bahasa lain seperti Cina, Sanskrit dan Inggeris.

Mendapat dan mengesahkan sumber bertulis tersebut.

Penyelidik perlu ke tempat simpanan sumber seperti muzium, arkib atau perpustakaan. Kadangkala sejarawan akan mentafsir maklumat ini dengan bantuan ahli paleografi dan epigrafi.

Mengumpul dan menyimpan sumber yang diperoleh.

Bahan atau sumber rujukan yang telah didapati harus dikumpulkan di suatu tempat. Sumber hendaklah dicatat dan disimpan bagi memudahkan penyelidik membuat rujukan semula kelak.

Menggunakan peralatan yang sesuai (penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta peralatan arkeologi).

Penggunaan peralatan seperti komputer bagi menganalisis data dan sumber, menyunting penulisan, di samping menyusun bibliografi dan statistik.

Menganalisis.

Keupayaan menganalisis dan memberikan perspektif baharu terhadap sesuatu peristiwa sejarah sangatlah dihargai apabila sejarawan berupaya mengupas dan menjelaskan pertentangan yang wujud pada kajian lepas terhadap peristiwa yang sama. Dapatkan seseorang sejarawan perlu disebarluaskan bagi memperkuat teori, pemahaman dan penghayatan terhadap sesuatu peristiwa.



Glosari

Paleografi: ilmu mengkaji dan menganalisis tulisan kuno pada daun lontar, papirus, tanah liat atau batu.

Epigrafi: ilmu mempelajari tulisan yang terdapat pada tugu, bangunan dan prasasti.



Daun lontar.

Daun lontar digunakan untuk mencatatkan maklumat yang menjadi bahan penulisan dalam masyarakat tradisional di Asia Tenggara. Sumber catatan ini boleh membantu kita mengetahui sejarah masa lalu dalam pelbagai bidang seperti kebudayaan, keagamaan dan perubatan.



Tahukah Anda?

Logo Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Logo Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini menonjolkan unsur daun lontar yang terletak di tengah-tengah melambangkan bahan penulisan zaman dahulu kala. Logo ini dilukis oleh Hussien Enas pada tahun 1957.



Batu Bersurat Terengganu.


Kaedah bertulis juga membantu kita untuk menyelidiki sejarah negara. Misalnya, melalui penyelidikan terhadap prasasti atau batu bersurat. Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah bersamaan tahun 1303 Masihi menceritakan perihal hukum Islam. Hal ini menjadi bukti bahawa agama Islam sudah bertapak di negara kita lebih awal dari tarikh ini.



Aktiviti: TMK

Kajian dokumen melalui kaedah bertulis: Perjanjian Pangkor 1874.

Antara kandungan perjanjian ini termasuklah, “Sultan hendaklah menerima dan menyediakan sebuah kediaman yang sesuai untuk seorang Pegawai British yang dinamakan Residen, yang akan ditauliahkan ke istana Baginda, dan nasihatnya mestilah diminta dan diambil tindakan atas semua persoalan selain yang menyentuh agama Islam dan adat istiadat orang Melayu”.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

1. Dapatkan salinan dokumen di atas dengan melayari laman web www.arkib.gov.my.
2. Secara berkumpulan, jawab soalan yang berikut:
 - (a) Siapakah yang terlibat dalam perjanjian ini?
 - (b) Mengapakah perjanjian ini dimeterai?
 - (c) Pada pendapat anda, mengapakah dokumen ini ditulis dalam tulisan Jawi?
 - (d) Adakah anda bersetuju dengan kandungan perjanjian ini? Berikan alasan anda.

Kaedah Lisan

Kaedah lisan merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual. Tokoh yang dipilih untuk ditemu bual dikenali sebagai orang sumber. Orang sumber biasanya terdiri daripada mereka yang memberikan maklumat melalui pemerhatian dan pengalaman sendiri. Apabila kita menghargai orang sumber bererti kita menghargai sejarah lisan negara kita.



Kaedah lisan menggunakan teknik temu bual.

Terdapat tiga tahap dalam kaedah lisan:

Tahap Pertama: Persediaan

- Menentukan tokoh.
- Menentukan skop atau perkara yang akan ditemu bual.
- Memilih soalan yang bersifat pendekatan sejarah.

Tahap Kedua: Rakaman temu bual

- Membuat persediaan lengkap dengan mengetahui sebanyak mungkin perkara yang dikaji terutama dengan meneliti sumber bertulis dahulu.
- Meyakinkan tokoh untuk memberikan kerjasama dan menghargai tujuan pengkajian.

Tahap Ketiga: Memproses rakaman

- Membuat senarai dan menyalin atau menyunting rakaman.
- Menilai fakta-fakta dengan sumber bertulis.
- Menyimpan rakaman dengan baik.

Tahukah Anda?

Arkib Negara Malaysia telah menjalankan proses pendokumentasian sejarah lisan sejak tahun 1960-an. Laman Kenali Tokoh diwujudkan bagi memantapkan sejarah lisan di negara kita.

The screenshot shows the official website of Arkib Negara Malaysia (www.arkib.gov.my) with a focus on the 'Laman Kenali Tokoh' (Page to Know the Person) feature. The page displays a list of historical figures from various fields, each with a brief biography and a link to their profile. The figures listed include Sultan Iskandar, Abdul Aziz Bin Tengku Dato' Setia, Dato' Ahmad Barad, Dato' Mohamed Salleh (A. Samad Sesu), Tan Sri Dato Paduka Seri Hj. Ahmad Ghani, Tun Fatimah Bt Haj Hassan, Puan Hajah Hassan Hassan, Prof Dato Dr. Hood Salleh, Tan Sri Kamardan Ariffin bin Mohamed Yatim, Tun Mohammad Haniff bin Omar, Prof Emeritus Dato Dr. Nor Syazwan Khan, and Datuk Seri Annuar Musa. The page also features a search bar and navigation links for 'Halaman Utama', 'Arkib Negara', 'Penerjemah', 'Dokumen', 'Orang Awam', and 'Penyelidik'.

Kaedah Arkeologi

Kaedah arkeologi merupakan kaedah yang digunakan secara saintifik untuk mencari maklumat sejarah daripada bahan tinggalan sejarah. Antara bahan tinggalan sejarah yang ditemukan melalui kaedah gali cari atau ekskavasi termasuklah fosil, tembikar, bahan logam dan binaan daripada batu.

Sebagai warga Malaysia yang cinta akan negara, kita sewajarnya memelihara dan memulihara tapak arkeologi agar warisan ini dapat dinikmati oleh generasi seterusnya. Usaha penyelidikan dan langkah mendapatkan pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organisation - UNESCO*) serta memperkenalkan warisan negara kita ke peringkat antarabangsa haruslah didokong oleh semua pihak.

Pernahkah anda melihat aktiviti gali cari di tapak penemuan dan di makmal arkeologi?

Tahukah Anda?

Di Malaysia, terdapat banyak tapak arkeologi yang membanggakan kita dan diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia.



Tapak Warisan Dunia

Aktiviti Gali Cari di Tapak Penemuan



1 Perancangan grid sebelum kerja ekskavasi. Setiap petak diberikan nombor rujukan.

2 Menandakan kawasan berdasarkan pelan.

3 Ekskavasi dengan mencatatkan semua penemuan.



1. Warisan negara kita perlulah dipulihara. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
2. Nyatakan cara anda menghargai warisan negara.



Aktiviti

Adakan lawatan ke muzium yang berdekatan untuk menjayakan program 1Pelajar 1Muzium (1P1M) bagi memupuk kesedaran tentang sejarah negara kita.



1P1M



Glosari

Ekskavasi: proses mengumpulkan data dalam bidang arkeologi untuk memperoleh maklumat tentang masa lampau manusia. Aktiviti gali cari bermula dari permukaan tanah hingga tahap tanah asal.

Grid: penandaan kawasan di tapak arkeologi untuk aktiviti gali cari.

Kerja-kerja di Makmal Arkeologi




- 1 Pemunggahan dan pengisian. Pengisian biasanya mengikut jenis artifak atau lapisan tanah di tapak artifak dijumpai.

- 2 Pembersihan dilakukan sebelum dikaji.

Arkeologi Bawah Air

Arkeologi bawah air ialah kajian saintifik tentang sejarah peninggalan manusia yang terdampar di dasar laut, sungai atau tasik. Banyak kapal dagang yang melalui laluan laut di negara ini telah tenggelam. Kini segala khazanah warisan kapal karam ini perlu dikaji dan direkod. Kes kerosakan, kecurian dan penjualan artifak kapal karam merupakan isu dunia yang dibincangkan di UNESCO. Di Malaysia, arkeologi bawah air merupakan bidang kajian baharu dan semakin mendapat perhatian. Jabatan Warisan Negara dan beberapa buah universiti awam seperti Universiti Malaysia Sabah berperanan terhadap pembangunan bidang arkeologi bawah air.

Jelaslah bahawa dalam melakukan sesuatu penyelidikan sejarah kita perlu berusaha mendapatkan sumbernya. Ada masanya kita memerlukan lebih daripada satu kaedah, bergantung pada sumber yang diperlukan dan penyelidikan yang dilakukan. Ketigatiga kaedah ini mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri.



Gambar menunjukkan antara kaedah membuat kajian arkeologi bawah air. Kaedah ini hampir sama seperti di daratan. Bezanya kaedah ini menggunakan peralatan khusus bawah air yang biasanya dikendalikan oleh pakar dengan menggunakan teknologi dari luar negara kerana melibatkan kos yang tinggi.



- 3** Pengkatalogan bagi setiap artifak dengan nombor pengenalan.

- 4** Penganalisisan bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu artifak.



Cerna Minda

Bincangkan kepentingan kaedah arkeologi.



Aktiviti

Hasilkan buletin tentang tapak arkeologi di Malaysia.



Grid ekskavasi untuk merekod lokasi hasil penemuan dengan tepat.



Teknik gali cari di daratan telah diubah suai untuk kegiatan di dalam air. Kemajuan teknik ekskavasi di dalam air sentiasa berkembang.

Artifak diletakkan di atas bekas dan diangkat ke permukaan air dengan menggunakan beg, seperti belon berisi udara.

Tahukah Anda?

Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005, warisan kebudayaan di bawah air ditakrifkan sebagai kesan kewujudan manusia yang mempunyai ciri kebudayaan bersifat sejarah atau arkeologi yang sebahagiannya atau keseluruhannya di bawah air sekurang-kurangnya seratus tahun. Contohnya tapak, struktur bangunan, artifak, pesawat udara dan objek bersifat prasejarah.

Perisyiharan Zon yang Dilindungi
Di Malaysia, terdapat undang-undang yang melindungi warisan bawah air di bawah bidang kuasa Jabatan Warisan Negara.



Perairan Tanjung Tuan, Melaka.



Aktiviti

Perairan negara kita menjadi laluan utama perdagangan antarabangsa sejak dahulu. Secara berkumpulan, bincangkan usaha memelihara dan memulihara khazanah daripada kapal dagang yang telah tenggelam.

A

Apakah tafsiran dalam sejarah?

Tafsiran dalam sejarah bererti menerangkan atau mengulas sesuatu fakta sejarah berdasarkan sumber-sumber yang berkaitan dengannya.

B

Mengapakah wujud perbezaan tafsiran dalam sejarah?

Tafsiran tentang sesuatu peristiwa sejarah yang sama mungkin berbeza antara sejarawan. Perbezaan wujud disebabkan:

- pemilihan sumber yang pelbagai
- perbezaan pandangan
- perbezaan ideologi
- tujuan penulisan

Walau bagaimanapun, pentafsiran dan penerangan yang objektif atau tepat menjadi matlamat utama seseorang sejarawan.

C

Apakah kepentingan tafsiran dalam sejarah?

- Menggalakkan kita menggunakan pelbagai sumber dalam penulisan bagi menghasilkan kajian yang mempunyai bukti yang kukuh.
- Mengajak kita menilai sesuatu peristiwa yang sama tetapi dilihat dari sudut yang berbeza.
- Mendorong kita berfikiran terbuka dan kritis dalam mengkaji sesuatu peristiwa dengan menggunakan pelbagai sumber sejarah.

D

Apakah contoh tafsiran dalam sejarah?

Bagaimanakah kita mentafsir peristiwa penentangan Haji Mat Hasan bin Munas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan? Pengkaji tempatan melihat faktor kebangkitan beliau disebabkan oleh penentangan peraturan cukai tanah dan hasil hutan yang diperkenalkan oleh pihak British dan membebankan orang ramai. Bagi pengkaji Barat pula, kebangkitan Tok Janggut ini dianggap sebagai pemberontakan.



Cerna Minda

Mengapakah terdapat tafsiran yang berbeza dalam pengkajian atau penyelidikan sejarah?



Apakah kebaikan sesuatu peristiwa dilihat dari pelbagai sudut tafsiran?



Aktiviti



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Durbar bermaksud perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja-Raja Melayu dengan British. Durbar menjadi asas kepada pembentukan Majlis Raja-Raja pada masa kini. Mesyuarat Durbar dalam gambar di atas merupakan mesyuarat Majlis Raja-Raja dan Orang Besar-Besar Melayu yang pertama bagi membincangkan hal ehwal agama, adat-istiadat dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan orang Melayu. Mesyuarat ini diadakan pada bulan Julai 1897 di Kuala Kangsar, Perak. Gambar menunjukkan Raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu serta pegawai-pegawai British yang hadir.

Kewujudan Durbar ini memberikan kesedaran kepada setiap rakyat Malaysia agar lebih menghayati prinsip Rukun Negara yang kedua, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Berdasarkan gambar dan penyataan di atas, bincang secara berkumpulan dan jawab soalan di bawah:

1. Apakah maksud Durbar?
2. Apakah yang dapat anda tafsirkan berdasarkan gambar di atas?
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan penubuhan Durbar ketika itu?
4. Hubung kaitkan peranan Majlis Raja-Raja dengan prinsip Rukun Negara yang kedua, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.



Sejarah mampu memberikan kefahaman tentang masyarakat, negara dan dunia kepada kita. Melalui penyelidikan, penerokaan bukti dan empati pada peristiwa sejarah, unsur perpaduan dan semangat kebangsaan akan menjelma dalam diri kita. Oleh sebab itulah, kita perlu mengaplikasikan ilmu sejarah dalam kehidupan kita. Iktibar daripada peristiwa lalu akan mendorong kita untuk bertindak dengan lebih berhati-hati pada masa depan.

Mengenal asal usul

Dengan mempelajari sejarah, kita akan dapat mengenal asal usul keluarga dan negara kita. Di samping itu, kita dapat memahami adat istiadat, tradisi dan budaya bangsa kita.



Peristiwa darurat di negara kita pada tahun 1948 hingga tahun 1960 telah menyebabkan wujud keadaan kucar-kacir dan kemusnahan harta benda.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Memupuk patriotisme

Sejarah mengajar kita menghargai warisan negara untuk dihayati oleh generasi akan datang. Hal ini dapat menyemai rasa cinta akan negara dan menaikkan semangat patriotik.



Glosari

Empati: memahami perasaan orang lain.



Mengetahui sejarah membolehkan kita mengenal asal usul kita.

(Gambar Ihsan: Harvinder Kaur, Seremban, Negeri Sembilan)

Mengambil iktibar

Sejarah membawa pengajaran dan iktibar daripada peristiwa lalu. Mereka yang tidak mempelajari sejarah berkemungkinan akan mengulangi kesilapan masa lalu.



Sejarah mampu menyemarakkan semangat patriotik.

(Gambar Ihsan: Sharifah Afidah Syed Hamid, Kuala Terengganu, Terengganu)

Mengukuhkan perpaduan

Pengetahuan sejarah amat penting kepada generasi kini dalam meneruskan kesinambungan hubungan harmoni antara kaum di negara kita. Sejarah juga mampu menjadi sumber kesedaran kepada masyarakat dalam menjaga dan meneruskan adat resam dan tradisi kita.



Sejarah mampu mengukuhkan perpaduan.



Sejarah mengajak kita mempertahankan kegemilangan negara.

Mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah

Melalui sejarah, pemikiran kritis dan analitis dapat ditingkatkan. Di samping itu, kita dapat membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa. Sejarah juga akan mendorong seseorang memahami peristiwa sejarah secara lebih empati.

Membangunkan negara dan bangsa

Melalui sejarah kita dapat mengekalkan kegemilangan yang dicapai oleh negara. Kita juga akan lebih memahami budaya dahulu dan budaya kini untuk dijadikan perbandingan bagi membangunkan negara dan bangsa pada masa akan datang.



Rombongan Kemerdekaan menuju Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Jelaslah kepada kita bahawa dengan mempelajari sejarah, kita berupaya mendidik generasi akan datang mencintai negara, bersifat empati, di samping meneruskan kegemilangan tamadun bangsa Malaysia.



Hubung kaitkan mata pelajaran Sejarah dengan semangat cinta akan negara.



KPS

Bagaimanakah sejarah memupuk sikap empati?



Kesimpulan

Apakah yang telah anda pelajari?

Apakah Sejarah?

Dalam bahasa Melayu:

- istilah sejarah berasal daripada perkataan Arab, "sejaratun" yang bererti pokok. Sejarah juga dikaitkan dengan salasilah, riwayat, keturunan dan asal-usul.

Kamus Dewan mendefinisikan sejarah sebagai:

- asal-usul (keturunan), salasilah.
- peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lama, kisah, riwayat dan tambo.
- kajian atau pengetahuan tentang peristiwa-peristiwa yang telah lalu.


Dalam bahasa Inggeris, sejarah ialah *history*:

- *history* bererti cerita tentang seseorang. Perkataan ini berasal daripada bahasa Yunani, *istoria* yang bererti penyelidikan.

Pengertian sejarah dari aspek bahasa dan pandangan sejarawan adalah merujuk kepada peristiwa masa lalu dan membawa iktibar.



Masa Silam dan Ruang dalam Sejarah



Sumber Sejarah

Sumber ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.



Penyelidikan dalam Sejarah

Terdapat tiga kaedah dalam penyelidikan sejarah, iaitu kaedah bertulis, kaedah lisan dan kaedah arkeologi.



Tafsiran dalam Sejarah

Perbezaan tafsiran disebabkan oleh pemilihan sumber yang pelbagai, berbeza pandangan, ideologi dan tujuan penulisan. Namun, pentafsiran dan penerangan yang objektif atau tepat menjadi matlamat utama seseorang sejarawan.



Kepentingan Mempelajari Sejarah

Kepentingan mempelajari sejarah adalah untuk diri dan keluarga, menyemai patriotisme, memupuk perpaduan dan mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah.

Bab ini telah membawa kita mempelajari maksud sejarah secara umum dan berdasarkan pendapat beberapa orang sejarawan. Selain itu, kita juga mempelajari sumber sejarah dan kaedah penyelidikan dalam sejarah. Lebih menarik lagi apabila kita mempelajari tafsiran dalam sejarah yang mengajak kita berfikir dengan lebih kritis. Sememangnya, sejarah mampu membawa kita lebih mengenali diri, keluarga dan negara, di samping mengaplikasikan kemahiran sejarah bagi membangunkan negara kita. Bab ini juga memberikan panduan kepada kita untuk mempelajari perkembangan sejarah dunia dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Kaedah X

Mendapatkan maklumat daripada sumber yang dipahat pada batu.

1. Rajah di atas menunjukkan satu daripada kaedah penyelidikan dalam sejarah. Kaedah X ialah
 - A. kaedah lisan
 - B. kaedah bertulis
 - C. kaedah arkeologi
2. Apakah sebab berlaku perbezaan tafsiran dalam sejarah?
 - I Tujuan penulisan
 - II Perbezaan ideologi
 - III Keterangan lisan
 - IV Ketiadaan sumber
3. Berdasarkan satu peristiwa bersejarah pada diri anda, terangkan sebab peristiwa tersebut amat bermakna kepada anda.
4. Anda ingin menjadi ahli arkeologi. Pengetahuan tentang aktiviti gali cari di tapak dan makmal perlu anda kuasai. Untuk itu, susun semula aktiviti di bawah mengikut urutan kerja yang betul.

		Nomborkan mengikut urutan kerja
Di tapak kerja 	Menanda kawasan	<input type="text"/>
	Ekskavasi	<input type="text"/>
	Merancang grid	<input type="text"/>
Di makmal 	Mengkatalog	<input type="text"/>
	Membersih	<input type="text"/>
	Mengisih	<input type="text"/>
	Menganalisis	<input type="text"/>

5. Berdasarkan pengetahuan anda, bincangkan penyelesaian bagi situasi di bawah.

SITUASI 1	Swee Lan ingin menyelidik kejayaan Dr. Farah Hani Imran dalam bidang gimnastik berirama dan kejayaan cemerlangnya dalam pelajaran dan kerjaya. Nyatakan kaedah yang sesuai digunakan oleh Swee Lan.
SITUASI 2	Rajesh ingin menyelidik kehebatan tokoh bola sepak negara Datuk Santokh Singh. Nyatakan kaedah yang sesuai dilakukan olehnya.
SITUASI 3	Embok Sirih ingin menyimpan gambar-gambar lamanya dalam album bergambar. Nyatakan kebaikan menyimpan gambar-gambar lama dari sudut sejarah.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Sumber sejarah memberikan maklumat dan bukti tentang sesuatu peristiwa. Berdasarkan sumber-sumber yang diberikan, jawab soalan yang berikut.

Sumber 1:

Buku

Pada bulan Disember 1944, inflasi semakin meningkat. Namun begitu, tempat-tempat hiburan dan panggung wayang masih dipenuhi oleh orang ramai. Begitu juga perkhidmatan penyediaan makanan tidak pernah lengang. Ipoh menjadi tempat termurah menjual beras berbanding dengan tempat lain di Malaya. Dalam tempoh dua tahun pendudukan Jepun, Singapura merupakan tempat paling mahal menjual bahan makanan, iaitu 200 hingga 300 peratus lebih tinggi berbanding dengan di Ipoh sehingga menyebabkan banyak keluarga yang berhijrah ke utara.

Inflasi menyulitkan pekerja makan gaji, orang bersara dan guru-guru. Namun, penjaja jalanan, artisan, buruh dan profesional tidak terkesan. Mereka terus menaikkan harga berdasarkan kos sara hidup semasa.

(Sumber: Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*. Kuala Lumpur: Federal Publication Sdn. Bhd., 1976, hlm. 44-45)

Sumber 2:

Lisan

“Mula-mula saya dengar bandar-bandar utama kita dibom. Kemudian, baru Jepun datang. Mereka merampas makanan terutama beras daripada orang Cina. Mereka jarang-jarang sekali mengganggu penduduk peribumi tetapi kami tetap takut kepada mereka. Mereka juga membuka sekolah baru, mengajar bahasa dan lagu Jepun. Jepun juga mengamalkan undang-undang yang ketat, jika melanggar undang-undang akan dikenakan hukuman yang berat. Saya masih ingat, kami menyembunyikan makanan daripada mereka. Lagipun sumber makanan sangat terhad ketika itu. Kami bercucuk tanam untuk mendapatkan makanan atau mencari hasil hutan termasuklah sagu. Malah pakaian diperbuat daripada kulit pokok tekalong.”

(Orang Sumber: Nujing ak Ngajin, 71 tahun, Kampung Kandis Lama, Bau, Sarawak)

Sumber 3:

Internet

<http://www.arkib.gov.my/web/guest/getir-perjuangan-kemerdekaan>

Serangan tentera Jepun ke Tanah Melayu pada bulan Disember 1941 dan pendudukan Jepun secara keseluruhan di Tanah Melayu bermula bulan Februari 1942 hingga bulan September 1945 telah meninggalkan kesan dan pengalaman yang pahit kepada seluruh penduduk di negara ini. Mereka menjadi lebih peka dan sedar terhadap persekitaran dan perkembangan yang berlaku. Jepun turut menyemaikan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk Tanah Melayu supaya membenci British melalui cerapan ideologi “Asia untuk Asia”.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

- Berdasarkan sumber di atas, klasifikasikan yang manakah sumber primer dan sumber sekunder?
- Lakarkan peta pemikiran yang sesuai bagi membandingkan sumber primer dan sumber sekunder.



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Memahami sejarah dapat membentuk warganegara yang mempunyai jati diri dan keperibadian yang mulia.
- Semangat patriotik seseorang dapat dilihat daripada kepatuhan terhadap norma dan undang-undang negara.
- Sejarah boleh dijadikan iktibar dan pengajaran untuk kehidupan pada masa akan datang.

Diri dan keluarga

Lebih menyayangi diri dan keluarga melalui cara hidup yang baik.

Negara

Mengetahui sejarah dapat meningkatkan patriotisme, mengukuhkan perpaduan dan menjadikan kita patuh kepada Rukun Negara.

Cantiknya bangunan bersejarah ini. Saya pernah melawatnya dahulu bersama-sama dengan keluarga. Kami berazam untuk menjaga warisan budaya negara.

Malaysia mementingkan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Untuk itu, kita perlulah menyokong usaha murni demi kepentingan warisan dan sejarah negara kita.



Zaman Air Batu



Sinopsis

Dunia pada hari ini wujud kesan daripada perubahan fizikal bumi yang berlaku semenjak jutaan tahun dahulu. Perubahan fizikal bumi dipengaruhi oleh iklim. Pada awalnya, bumi mengalami suhu yang amat sejuk. Bumi pada masa itu dikenali sebagai Zaman Air Batu yang wujud dalam garis masa antara 2.5 juta tahun hingga 10,000 tahun. Perubahan suhu bumi yang sejuk kepada panas menyebabkan berlakunya kecairan air batu. Perubahan ini menyebabkan bumi mengalami beberapa tahap peralihan zaman yang menyebabkan suhu bumi berada pada suhu hari ini. Bumi juga mengalami banyak perubahan dan perkembangan hidupan seperti yang wujud sehingga hari ini.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Mengenali Dunia Kita.
2. Mengenali Zaman Air Batu.
3. Memahami garis masa Zaman Air Batu.
4. Memahami ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir.
5. Memahami perubahan Zaman Air Batu.
6. Memahami perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapat?

1. Menjelaskan kepentingan bersyukur dengan ciptaan Tuhan.
2. Menyatakan kepentingan sikap yang perlu diamalkan dalam menjaga alam sekitar.
3. Menghubungkaitkan kepentingan masa lalu, kini dan masa depan dalam kehidupan.
4. Menjelaskan kepentingan usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.



Air batu melitupi sebahagian kawasan bumi.



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi, iaitu urutan waktu dan peristiwa sejarah berkaitan kewujudan Zaman Air Batu.
2. Meneroka bukti dengan mengenal pasti dan membuat kajian terhadap bukti-bukti tinggalan Zaman Air Batu.
3. Membuat tafsiran berkaitan perkembangan Zaman Air Batu dan kepentingannya kepada manusia.
4. Membuat imaginasi tentang kewujudan dan rupa bentuk fizikal Zaman Air Batu.
5. Membuat rasionalisasi terhadap kesan Zaman Air Batu kepada keadaan dunia hari ini.

Pengenalan

Pengetahuan tentang sejarah bukan sahaja membolehkan kita mengenali diri kita tetapi juga memahami tentang dunia. Dunia merupakan bumi tempat tinggal kita dan tempat tinggal berjuta-juta hidupan yang lain. Bumi pada hari ini telah melalui pelbagai perubahan yang memberikan kesan terhadap rupa bentuk fizikal, iklim, cuaca, hidupan yang ada dan kedalaman lautan.

Kemajuan ilmu sains dan teknologi telah membantu manusia untuk mengetahui sejarah yang berlaku kepada bumi semenjak jutaan tahun dahulu. Pengetahuan dalam bidang paleontologi, kimia, arkeologi, geologi dan fizik membantu kita membuat penyelidikan tentang perubahan yang berlaku kepada bumi.



Glosari

Geologi: berasal daripada dua perkataan Greek, iaitu *geo* yang bermaksud bumi dan *logia* yang bermaksud sains. Oleh itu, geologi merujuk bidang ilmu yang mengkaji pembentukan bumi.

Paleontologi: bidang ilmu yang mengkaji organisme yang pernah hidup di bumi, sisa atau fosil yang telah terawet dalam sedimen binatang, tumbuhan dan bentuk-bentuk hidupan purbakala.

Peta menunjukkan bumi diselaputi salji di bahagian Kutub Utara dan Kutub Selatan sekitar 17,000 tahun dahulu.

(Sumber: <http://theresilientearth.com>
Dicapai pada 1 September 2016)


Bison occidentalis
merupakan binatang
yang terdapat
di Amerika Utara
pada Zaman Air Batu.



Ahli sains menjangkakan bahawa usia bumi melebihi 4.6 bilion tahun. Bumi telah mengalami perubahan dari segi iklim dan fizikal semenjak bumi mula terbentuk.




Harimau bertaring panjang.



Petunjuk

- | | |
|-------|---------------------------|
| White | Kawasan dilitupi air batu |
| Green | Kawasan daratan |
| Blue | Lautan |

Terdapat binatang yang berbulu tebal seperti mamot dan harimau bertaring panjang.




Woolly Mammoth
merupakan binatang
yang hidup pada
Zaman Pleistosen.




Sloth

Gambaran binatang berbulu tebal pada Zaman Air Batu.

Pembentukan Fizikal Bumi




1. Bumi 650 juta tahun dahulu. Tiada hidupan.



2. Bumi 390 juta tahun dahulu. Air laut masih tawar. Wujud hidupan seperti ikan dan amfibia.



3. Bumi 195 juta tahun dahulu. Zaman Juraskik dan hidupan utama ialah dinosaur.



4. Bumi 94 juta tahun. Dinosaur mengalami kepupusan. Rupa bentuk benua mula kelihatan.



5. Bumi 18,000 tahun dahulu. Kebanyakan binatang telah wujud seperti kuda, badak sumbu, anjing, dan kucing. Paras air laut meningkat.



6. Bumi pada hari ini.

(Sumber: <http://www.scotese.com>
Dicapai pada 1 September 2016)

Iklim telah mempengaruhi perubahan bentuk fizikal bumi menjadi daratan dan lautan. Daratan terdiri daripada gunung, banjaran dan bukit, tanah pamah, lembah dan sungai. Lautan pula terdiri daripada laut, selat dan teluk.

Lautan merupakan kawasan air masin yang meliputi 71 peratus bentuk muka bumi. Terdapat lima lautan di dunia, iaitu Lautan Pasifik, Lautan Atlantik, Lautan Hindi, Lautan Selatan dan Lautan Artik.

Selat pula merupakan kawasan perairan sempit yang memisahkan dua kawasan daratan, manakala teluk merupakan bahagian perairan laut yang menghalang ke daratan dan kawasannya dibatasi oleh daratan. Ahli-ahli sains telah membahagikan kawasan daratan kepada beberapa buah benua.



Peta menunjukkan kawasan benua dan lautan.

(Sumber: <http://enchantdelearning.com> Dicapai pada 1 September 2016)

Kita perlu bersyukur dengan keunikan bumi dan dunia kita. Di samping itu, kita harus memelihara alam sekitar supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.



Cerna Minda

Nyatakan daratan dan lautan yang wujud akibat daripada kecairan air batu.



Sejauh manakah suhu memainkan peranan dalam pembentukan air batu yang menutupi bumi?

Zaman terpenting yang memberikan kesan kepada perubahan bentuk fizikal bumi seperti yang ada pada hari ini ialah Zaman Air Batu. Zaman Air Batu ialah garis masa geologi yang menunjukkan suhu bumi menurun. Suhu bumi menurun pada tahap membeku dalam jangka masa yang lama. Sebahagian besar bumi khususnya di bahagian Kutub Utara dan Kutub Selatan diliputi oleh air batu tebal yang dikenali sebagai lapisan ais. Lapisan ais ini menyebabkan kawasan air batu menjadi luas di kawasan kutub dan pergunungan.

Pada akhir Zaman Air Batu, bumi mengalami proses pengglasieran, iaitu kecairan air batu. Terdapat sekurang-kurangnya tiga tahap berlakunya glasier. Tahap pertama ialah 900 hingga 600 juta tahun dahulu; tahap kedua, 250 hingga 80,000 juta tahun; dan tahap ketiga 10,000 juta tahun.

Perubahan iklim dunia kepada suhu panas telah menyebabkan berakhirnya Zaman Air Batu.

Zaman
Air Batu



Tahap Zaman Air Batu

Zaman Air Batu terbahagi kepada empat tahap zaman, iaitu Zaman Miosen, Zaman Pliosen, Zaman Pleistosen dan Zaman Holosen.

1

Zaman Miosen dipercayai berlaku antara 23 juta hingga 5 juta tahun dahulu. Gunung-ganang yang ada pada hari ini telah terbentuk secara fizikal. Mamalia telah wujud dan berkembang di bumi, begitu juga dengan hidupan di laut dan di air. Suhu dunia panas dan kering.

2

Zaman Pliosen dipercayai berlaku antara 5.3 juta hingga 2.6 juta tahun dahulu. Ahli sains menyatakan pada zaman inilah berlaku penyejukan global Zaman Miosen yang lebih panas. Penyejukan dan pengeringan alam sekitar global menyumbang kepada penyebaran besar padang rumput dan savana pada masa itu. Jambatan darat Panama antara Amerika Utara dan Amerika Selatan terbentuk dan mendorong penghijrahan tumbuhan dan haiwan ke habitat baharu. Dataran tinggi terbentuk pada zaman ini, seperti di Colorado, Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Grand Canyon.

3

Zaman Pleistosen berlaku antara 2.5 juta hingga 10,000 tahun dahulu. Pada zaman ini, glasier utama berlaku sebanyak 11 kali. Manusia telah mengetahui cara membuat api. Kebanyakan binatang yang wujud pada ketika itu masih kekal hingga kini. Manusia dipercayai telah sampai ke Australia melalui jalan darat dari Asia Tenggara (Pentas Sunda) sekitar 50,000 tahun dahulu.



Gambar menunjukkan salji melitupi kawasan pergunungan. Pada Zaman Air Batu, salji menjadi mampat membentuk air batu. Proses ini memakan masa jutaan tahun.

Zaman Air Batu yang berlaku semenjak jutaan tahun dahulu memberikan kesan besar terhadap bentuk fizikal muka bumi dan kehidupan yang ada. Kebolehan manusia khususnya ahli-ahli sains telah membantu kita mengetahui sejarah bumi dan kehidupannya pada masa lalu. Pengetahuan ini juga penting bagi memandu manusia menghadapi cabaran kehidupan pada masa depan.

4

Zaman Holosen ialah zaman yang bermula sejak 10,000 tahun dahulu hingga kini. Berlaku kemajuan dalam kehidupan manusia. Manusia telah mengetahui cara mendapatkan makanan melalui aktiviti pertanian. Roda dan tulisan kuneiform dicipta kira-kira 5,500 tahun dahulu. Setelah itu, tamadun manusia terus berkembang dalam bidang keagamaan, pendidikan, pentadbiran dan undang-undang.



Tahukah Anda?

Milutin Milankovitch (1879-1958) merupakan sarjana sains berbangsa Serbia yang terkenal dengan Teori Milankovitch. Menurut teori ini, pusingan bumi mengelilingi matahari menyebabkan berlakunya pelbagai perkembangan pada Zaman Air Batu. Setiap kali bumi menghampiri matahari, suhu bumi menjadi panas dan menyebabkan berlakunya kecairan air batu.




Milutin Milankovitch



2.3


Garis Masa Zaman Air Batu

Seperti yang anda pelajari dalam unit sebelum ini, Zaman Air Batu terbahagi kepada empat tahap zaman, iaitu Zaman Miosen, Zaman Pliosen, Zaman Pleistosen dan Zaman Holosen. Berdasarkan garis masa Zaman Air Batu di bawah, kita dapat melihat tempoh masa setiap tahap zaman tersebut.



Rajah garis masa Zaman Air Batu.

Ahli paleontologi yang mengkaji sejarah bumi berpendapat bahawa hidupan di bumi bermula semenjak 545 juta tahun dahulu. Kewujudan hidupan seperti kepelbagaiannya spesies binatang berkait rapat dengan perubahan iklim dan peringkat zaman yang dilalui seperti dalam garis masa di bawah. Berdasarkan garis masa di bawah dapat dilihat perkembangan dan evolusi hidupan dan binatang mengikut perkembangan tempoh masa.



Kewujudan hidupan mengikut garis masa.



Cerna Minda

Zaman
Air Batu



Senaraikan tempoh masa Zaman Air Batu mengikut garis masa.



Aktiviti




Berdasarkan gambar di sebelah, buat pembentangan kumpulan dengan menjawab soalan yang berikut:

1. Bagaimanakah hidupan menyesuaikan diri pada Zaman Air Batu?
2. Bagaimanakah faktor iklim mempengaruhi kehidupan manusia?



Cerna Minda



Berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber, susun semula mengikut urutan masa hidupan dan binatang di atas.



Hyracotherium



Deinotherium

12,000 tahun



Aktiviti

Berdasarkan maklumat daripada pelbagai sumber, hasilkan poster berkaitan tempoh masa kehidupan dinosaurus secara berkumpulan.

2.4

Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir


Bumi mengalami cuaca panas bermula 8,500 tahun dahulu. Suhu dunia meningkat dan menyebabkan berlaku kecairan air batu. Proses ini dinamakan pengglasieran yang memberikan kesan besar terhadap rupa bentuk fizikal bumi.

Kecairan air batu menyebabkan paras air laut dunia meningkat. Kesannya bukit-bukau dan kawasan tanah tinggi mulai terbentuk seperti tasik dan pulau. Pembentukan tasik dan pulau telah memisahkan haiwan dan tumbuhan di kawasan yang berbeza. Maka berakhirlah Zaman Air Batu Akhir.

Perubahan cuaca yang tidak lagi sejuk memberikan kesan terhadap aktiviti manusia. Manusia mula menjalankan aktiviti pertanian dan pengeluaran bahan makanan. Perkembangan perindustrian, aktiviti pembakaran terbuka, penebangan pokok dan pembakaran minyak daripada enjin kenderaan telah meningkatkan suhu dunia.

Terdapat ahli sains yang menjangkakan berlaku peningkatan suhu dunia sekurang-kurangnya sembilan darjah Celsius setiap 50 tahun. Peningkatan suhu dunia boleh menyebabkan kenaikan paras air laut. Oleh itu, kita perlu mencari tenaga alternatif bagi mengatasi peningkatan suhu dunia demi menjaga alam sekitar.

Zaman Air Batu Akhir mempunyai ciri-ciri khusus yang dapat membezakannya dengan zaman-zaman lain. Ciri-ciri ini dapat dilihat seperti yang berikut:



Jambatan darat Zaman Air Batu dan migrasi binatang mamalia.

Permukaan air laut membeku. Paras air laut rendah. Pulau-pulau bersambung dengan tanah besar dan memudahkan manusia serta binatang bermigrasi.

Aras Laut

Kehidupan Manusia


Terdapat manusia yang tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk. Mereka hidup secara nomad dan memburu binatang.



Permukaan air laut yang membeku menyebabkan sebahagian besar bumi dilitupi salji.



Binatang seperti mamot berbulu, badak, kuda, dan singa tinggal di kawasan tanah pamah yang sejuk.



Tumbuhan utama ialah rumput dan tumbuhan renek yang menjalar.



Suhu dunia terlalu sejuk. Dunia dipenuhi oleh salji terutamanya di kawasan kutub dan benua Eropah.



1. Apakah kesan jika suhu dunia semakin meningkat?
2. Cadangkan langkah-langkah untuk menjaga alam sekitar.

Suhu merupakan ciri penting Zaman Air Batu Akhir. Walaupun benua di utara dan benua di selatan masih lagi sejuk, namun di benua Asia, suhu mulai panas. Keadaan ini membolehkan manusia berhijrah ke benua Asia yang sebelum ini bersuhu sejuk. Selain itu, bentuk muka bumi juga mengalami perubahan. Kecairan air batu menyebabkan kawasan tanah rendah ditenggelami oleh air dan membentuk tasik. Kecairan air batu menyebabkan paras air laut meningkat seperti pada hari ini.

Perubahan Zaman Air Batu Akhir

Perubahan suhu yang meningkat pada Zaman Air Batu Akhir memberikan kesan terhadap bentuk fizikal dan hidupan di bumi.

Glasier telah menukarkan wajah dan bentuk fizikal bumi. Air batu yang cair dari kawasan tanah tinggi dan gunung akan membawa bersama-sama batu dan tanah semasa menuruni tanah tinggi. Lebihan air yang dibawa akan melimpahi laut dan kawasan tanah tinggi.



Keadaan glasier di Alaska.




Pulau yang mengalami kenaikan aras laut.

Kecairan air batu telah membentuk tasik-tasik air tawar, seperti Great Lakes di Kanada dan Tasik Dayang Bunting di Malaysia. Bentuk saliran sungai juga berubah kepada bentuk yang ada pada hari ini.




Tasik Dayang Bunting.

Binatang Zaman Air Batu.



Pada zaman ini berlaku kepupusan binatang yang hidup pada Zaman Pleistosen. Antara binatang yang pupus termasuklah mamot, *sloth* dan harimau bertaring.

Pada Zaman Air Batu Akhir yang dikenali sebagai Zaman Holosen, perubahan iklim telah memberikan kesan besar terhadap kehidupan manusia kerana mereka perlu menyesuaikan aktiviti harian dengan perubahan iklim. Manusia bergerak keluar dari benua Afrika dan secara beransur-ansur mendiami benua Eropah dan benua Asia. Pergerakan ini dipengaruhi oleh suhu di Asia dan Eropah yang tidak lagi terlalu sejuk. Pada Zaman Air Batu Akhir, suhu bumi adalah seperti pada hari ini.



Peta menunjukkan suhu panas yang melalui laut mempengaruhi kecairan air batu.

Bumi mula mengalami perubahan iklim daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk. Kegiatan radiasi bumi merupakan penyebab utama kepada peningkatan suhu bumi.



Radiasi bumi yang berlaku daripada sinaran matahari dan pemanasan yang berlaku kepada bumi.

Pemahaman yang tepat tentang iklim masa lalu terutamanya pada Zaman Air Batu dan sejarah manusia sangat penting sebagai langkah pertama ke arah menangani perubahan iklim. Pada hari ini, manusia berusaha bersama-sama dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar dan mengurus hal ehwal menjaga bumi daripada berlaku kemusnahan.




Pemanasan alam sekitar yang berlaku di dunia perlu dikawal bagi mengelakkan peningkatan aras laut. Bincangkan.

Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara

Perkembangan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir memberikan kesan yang sama di Asia Tenggara. Dua kesan penting ialah kenaikan paras air laut di Pentas Sunda dan pergerakan manusia di sekitarnya. Perubahan paras air laut yang aktif berlaku pada 17,000 hingga 20,000 tahun dahulu. Sejak tempoh tersebut aras laut telah naik antara 100 hingga 120 meter.

Ketika itu, Pentas Sunda merupakan daratan yang mempunyai kawasan tanah rendah di antara pulau-pulau yang wujud pada hari ini. Kepulauan Sumatera, Jawa dan Borneo berada di atas Pentas Sunda. Kawasan yang dihubungkan melalui daratan seluas lebih 3.2 juta kilometer persegi yang menyatukan Burma (Myanmar), Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam, Semenanjung Tanah Melayu, Borneo dan Singapura.



Peta menunjukkan rupa bentuk Asia Tenggara sebelum Zaman Holosen.

(Sumber: Robert Hall dan Christopher K. Morley. *Continent-Ocean Interactions Within East Asian Marginal Seas*, New York: American Geophysical Union, 2004, hlm. 25)

Sebelum 10,000 tahun dahulu, Asia Tenggara merupakan kawasan tanah yang luas terbentang yang menghubungkan kawasan daratan dengan kepulauan. Gugusan tanah ini dikenali sebagai Pentas Sunda. Pentas Sunda merupakan tunjang kebenuaan di Asia Tenggara. Keadaan ini menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara mempunyai ciri-ciri fizikal dan hidupan yang hampir sama. Manusia yang tinggal di rantau Asia Tenggara khususnya di kawasan Pentas Sunda berkongsi tamadun yang sama seperti kepercayaan, asal usul keturunan, bahasa, budaya dan masyarakat. Sebagai contoh, penduduk di Malaysia, Indonesia, selatan Thailand dan selatan Filipina berkongsi bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu.

Tahukah Anda?

Kecairan air batu pada peringkat akhir Zaman Holosen menyebabkan terjadinya sungai dan tasik di Asia Tenggara. Sungai yang terbentuk telah mengalirkan air ke dalam tasik dan ke laut. Antara sungai terbesar termasuklah Sungai Sunda Utara. Aliran sungai yang mengalir telah menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai. Perkembangan ini mempengaruhi pembentukan Selat Melaka, Teluk Siam dan Laut Jawa.

Keluasan Pentas Sunda melebihi 3.2 juta kilometer persegi. Bentuk fizikal tanah pamah ini berlaku pada Zaman Pleistosen yang mempunyai paras air laut yang rendah. Pada ketika itu, daratan boleh dilalui oleh manusia dengan cara berjalan kaki.



Peta menunjukkan rupa bentuk Asia Tenggara pada hari ini.

Perubahan yang berlaku di kawasan Asia Tenggara pada Zaman Air Batu Akhir khususnya peringkat akhir Zaman Holosen memberikan kesan kepada bentuk fizikal dan hidupan di kawasan ini. Kawasan Asia Tenggara telah dihuni oleh kumpulan mamalia bersaiz sederhana dan besar. Asia Tenggara merupakan kawasan tumpuan mamalia kerana kawasan ini didiami oleh sebanyak 13 peratus mamalia dunia. Walau bagaimanapun, beberapa binatang seperti *stegodon* (gajah) dan *pachycrocuta* (hyena atau dubuk) bersaiz besar telah pupus.

Cerna Minda

Nyatakan kesan kecairan air batu pada Zaman Akhir Holosen.



Pengetahuan tentang perubahan dan sebab berlakunya Zaman Air Batu membantu meningkatkan pemahaman kita tentang perkara yang berlaku kepada bumi dan hidupan. Hal ini dapat memupuk sikap sayang akan alam sekitar dan memelihara bumi.



Kesimpulan

Dunia Kita

Bumi mengalami Zaman Air Batu yang lama. Suhu bumi pada zaman ini terlalu sejuk dan mengehadkan kegiatan manusia.

Zaman Air Batu dan Garis Masa

Empat Zaman Air Batu utama ialah Miosen (23 juta tahun), Pliosen (5 juta tahun), Pleistosen (2.5 juta tahun) dan Holosen (10,000 tahun).

Ciri-ciri Zaman Air Batu Akhir

Suhu dunia sejuk. Air batu yang menutupi bumi berlaku dalam tempoh yang panjang, wujud hidupan, pengaruh pusingan orbit dan gunung berapi.

Perubahan Zaman Air Batu Akhir

Perubahan Zaman Air Batu melibatkan iklim, glasier, bentuk fizikal bumi dan kesan kepada manusia dan haiwan.

Kesan Perubahan Zaman Air Batu di Asia Tenggara

Kesan perubahan di Asia Tenggara ialah tenggelamnya Pentas Sunda dan keadaan bumi adalah seperti bentuk yang ada pada hari ini.

Bab ini telah menjelaskan tentang Zaman Air Batu yang berlaku kepada bumi. Perubahan yang berlaku kepada Zaman Air Batu telah memberikan kesan fizikal kepada rupa bentuk bumi yang boleh dilihat pada hari ini. Perubahan yang ketara turut berlaku di Asia Tenggara yang menyebabkan tenggelamnya Pentas Sunda. Perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu turut mempengaruhi kehidupan manusia. Perkembangan kehidupan manusia yang lebih kompleks dalam menghadapi cabaran alam sekitar dikaji dalam bab yang seterusnya.




Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Berjuta-juta tahun dahulu bumi telah mengalami beberapa perubahan. Perubahan ketika itu memberikan kesan kepada
 - I hidupan
 - II perbandaran
 - III kegiatan ekonomi
 - IV rupa bentuk fizikal bumi
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
2. Apakah yang berlaku pada Zaman Air Batu?
 - I Suhu bumi menurun
 - II Paras air batu menurun
 - III Lapisan air batu menjadi nipis
 - IV Keluasan air batu meningkat
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
3. Dataran tinggi Grand Canyon di Amerika Syarikat dipercayai wujud pada zaman
 - A. Miosen
 - B. Pliosen
 - C. Pleistosen
 - D. Holosen
4. Senaraikan bidang ilmu yang membantu manusia mengetahui sejarah yang berlaku kepada bumi semenjak jutaan tahun dahulu.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Imej gambar menunjukkan perbandingan kawasan Kutub Utara bumi di antara 18,000 tahun dahulu dan hari ini.



- (a) Berdasarkan gambar di Kutub Utara, apakah yang boleh anda rumuskan tentang perkembangan Zaman Air Batu?
- (b) Pada pandangan anda, mengapa kehidupan 18,000 tahun dahulu lebih mencabar berbanding dengan hari ini?
6. Apakah perkembangan yang berlaku pada Zaman Pleistosen?
7. Terangkan faktor-faktor yang membolehkan manusia berhijrah ke benua Eropah pada Zaman Air Batu Akhir.
8. Mengapakah kita perlu mengekalkan kelestarian alam sekitar?
9. Pada pendapat anda, mengapakah berlaku kepupusan haiwan yang hidup semasa Zaman Pleistosen pada Zaman Air Batu Akhir?
10. Bincangkan kesan kecairan air batu terhadap perubahan fizikal muka bumi di Asia Tenggara.



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Apabila mempelajari sejarah pembentukan fizikal dunia, kita memperoleh ilmu pengetahuan dan mewujudkan kesedaran untuk memelihara alam sekitar.
- Pengetahuan tentang perkembangan Zaman Air Batu telah mendidik dan menyedarkan kita supaya bersyukur dengan ciptaan Tuhan.
- Perubahan yang berlaku kepada dunia dan manusia semenjak Zaman Air Batu dapat memupuk sikap bertanggungjawab kepada pemuliharaan warisan dunia.

Diri dan Keluarga

Sentiasa mengingatkan diri tentang kepentingan menjaga alam sekitar, seperti menjaga kebersihan rumah dan berjimat ketika menggunakan kemudahan elektrik dan air.

Negara

- Sentiasa memupuk kesedaran menjaga persekitaran yang bersih dan menjaga alam sekitar dengan tidak membuang sampah dan merosakkan kemudahan awam.
- Menjaga kebersihan sungai, sekolah dan pusat kemudahan awam.
- Sentiasa peka untuk menjimatkan tenaga yang digunakan bagi kemudahan awam.



Usaha memelihara dan memulihara alam sekitar seperti menjaga sungai amat penting bagi memastikan kesejahteraan dan keselesaan kehidupan.

Zaman Prasejarah



Sinopsis

Zaman Prasejarah merupakan zaman yang melihat tahap perubahan pencapaian dan kemajuan manusia. Perbincangan tentang zaman ini dimulakan dengan maksud Zaman Prasejarah dan lokasi zaman tersebut. Perbincangan akan merangkumi aspek ciri kehidupan manusia Zaman Prasejarah. Seterusnya, perbincangan akan memfokuskan sumbangan zaman ini kepada kemajuan kehidupan manusia. Bab ini turut membincangkan tinggalan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia. Pemahaman terhadap Zaman Prasejarah menyedarkan kita bahawa tamadun dan sejarah manusia sentiasa mengalami perubahan dan kesinambungan.



Apakah yang akan anda pelajari?


1. Memahami maksud Zaman Prasejarah.
2. Mengenal lokasi Zaman Prasejarah.
3. Memahami ciri-ciri kehidupan Zaman Prasejarah.
4. Memahami kesinambungan sumbangan Zaman Prasejarah terhadap kemajuan kehidupan manusia.
5. Memahami bukti tinggalan Zaman Prasejarah di Malaysia.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang akan anda dapat?

1. Menjelaskan keupayaan manusia Zaman Prasejarah meneruskan kelangsungan hidup.
2. Mencadangkan kepentingan memelihara dan memulihara tinggalan Zaman Prasejarah.
3. Menjelaskan penghargaan terhadap kemajuan dalam masyarakat Zaman Prasejarah.
4. Melahirkan rasa bersyukur dalam memanfaatkan alam ciptaan Tuhan.





Gua Niah, Sarawak.



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang akan anda dapati:

1. Memahami kronologi Zaman Prasejarah berdasarkan corak kemajuan kehidupan manusia zaman itu.
2. Meneroka bukti kewujudan manusia Zaman Prasejarah berdasarkan penemuan tinggalan mereka.
3. Membuat interpretasi terhadap kewujudan manusia Zaman Prasejarah berdasarkan bukti tinggalan mereka.
4. Membuat imaginasi tentang kehidupan Zaman Prasejarah.
5. Membuat rasionalisasi terhadap lokasi Zaman Prasejarah yang menjadi warisan generasi hari ini.

3.1


Maksud Zaman Prasejarah

Zaman Prasejarah bermaksud zaman sebelum manusia mengetahui dan mengenal tulisan. Zaman ini pula boleh dibahagikan kepada dua, iaitu Zaman Batu dan Zaman Logam.

Zaman Batu

Zaman Batu merujuk kepada penggunaan teknologi batu dalam kehidupan harian manusia pada zaman tersebut. Terdapat tiga tahap Zaman Batu, iaitu Zaman Paleolitik, Mesolitik dan Neolitik. Zaman Paleolitik juga dikenali sebagai Zaman Batu Lama, Zaman Mesolitik sebagai Zaman Batu Pertengahan dan Zaman Neolitik pula sebagai Zaman Batu Baru.

- Zaman Paleolitik dianggap sebagai zaman yang serba mencabar kerana manusia perlu meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan menggunakan teknologi batu yang serba ringkas. Selain peralatan batu, mereka menggunakan peralatan yang diperbuat daripada tulang binatang dalam aktiviti harian mereka.
- Zaman Mesolitik pula memperlihatkan cara hidup yang semakin berkembang. Cuaca zaman ini tidak terlalu sejuk. Manusia pada zaman ini bukan sahaja memburu binatang tetapi menangkap ikan sebagai sumber makanan mereka.
- Zaman Neolitik pula menunjukkan tahap perkembangan teknologi serta corak kehidupan yang lebih baik. Pada zaman ini, wujud kawasan petempatan yang mengamalkan aktiviti bercucuk tanam, membuat tembikar dan menternak binatang.



Zaman
Prasejarah

Ilustrasi kegiatan memburu binatang pada Zaman Prasejarah.

(Sumber: dailymail.co.uk/sciencetech/article-3732832/stone-age-missiles-prehistoric-hunters-planned-ahead-Throwing-rocks-effective-weapons-early-humans.html Dicapai pada 1 September 2016)



Tahukah Anda?

Zaman Prasejarah turut dikenali sebagai *nirleka* dalam bahasa Sanskrit. *Nirleka* merupakan gabungan dua perkataan, iaitu *nir* yang bermaksud tidak ada dan *leka* yang bermaksud tulisan.

Zaman Logam

Zaman Logam merujuk kepada penggunaan teknologi gangsa dan besi. Pada zaman ini, manusia telah melakukan inovasi logam besi dan gangsa dalam peralatan mereka. Manusia zaman ini sudah mula melakukan aktiviti pelayaran. Mereka menjalankan aktiviti pertukaran barang dan peralatan berdasarkan gangsa yang dapat dikesan bertaburan di rantau Asia Tenggara. Peralatan besi seperti kapak, tulang mawas, beliung dan mata lembing merupakan antara jenis peralatan besi yang digunakan oleh manusia ketika ini untuk memburu, bertani dan menjalankan aktiviti harian mereka.



Kapak besi bersoket.



Tulang mawas.



Pisau bersoket.

Peralatan yang diperbuat daripada besi.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 39)

Tempoh Masa Zaman Prasejarah

Zaman Paleolitik	2.5 juta tahun – 8,000 SM
Zaman Mesolitik	12,000 – 4,000 SM
Zaman Neolitik	10,000 – 2,000 SM
Zaman Logam	3,500 SM – 500 M

(Sumber: Roshen Dalal, *The Compact Timeline History of the World*, Cambridge: Worthpress, 2010, hlm. 8)



Cerna Minda

Mengapa Zaman Neolitik turut dikenali sebagai Zaman Batu Baru?




Pada pendapat anda, bagaimanakah pengetahuan menggunakan api mempengaruhi kehidupan manusia Zaman Prasejarah?

Memahami Zaman Prasejarah membolehkan kita mengetahui sejarah dan tamadun manusia berkembang dalam satu tempoh yang sangat panjang. Pelbagai tahap perubahan perlu dilalui merentas masa yang berbeza-beza. Perkembangan ini menjadikan manusia semakin matang dan bertanggungjawab dalam tindakan mereka. Inovasi dalam peralatan serta penggunaan api sejak Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam telah membantu manusia memperbaik tahap kehidupan mereka. Meskipun api dikesan telah digunakan sejak satu juta hingga 1.5 juta tahun yang lalu, namun pengetahuan membuat api dan menggunakananya secara berkesan hanya berlaku sekitar 10,000 SM.

3.2

Lokasi Zaman Prasejarah di Dunia


Zaman Prasejarah berlaku di seluruh dunia. Kewujudan lokasi prasejarah diketahui melalui penemuan tinggalan manusia sama ada artifak atau ekofak. Lokasi prasejarah ini wujud di dua kawasan, iaitu di kawasan terdedah seperti di lembah sungai dan di kawasan tertutup seperti di dalam gua. Selain itu, lokasi prasejarah boleh ditentukan sama ada wujud di darat atau di dalam air. Fungsi lokasi dan tapak ini pula terbahagi kepada tapak petempatan, perkuburan, bandar, kawasan perburuan atau pembuatan alatan batu. Lokasi dan tapak Zaman Prasejarah yang berikut merupakan tapak yang terkenal dan diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organisation* - UNESCO) yang terdapat di seluruh dunia.




Gua Chauvet, Perancis

Tapak prasejarah ini terletak di Perancis yang diduduki oleh manusia silih berganti antara 30,000 SM hingga 27,000 SM. Lukisan di dalam gua ini membuktikan penglibatan masyarakat prasejarah dalam aktiviti memburu binatang.

Altamira, Sepanyol
Bukti lukisan yang ditemukan di dalam gua Altamira menunjukkan kewujudan manusia Zaman Mesolitik. Mereka hidup antara 35,000 hingga 11,000 SM.



Lukisan gua di Altamira, Sepanyol.



Glosari

Ekofak: bukti tinggalan data arkeologi yang menjadi petunjuk wujudnya kegiatan budaya manusia di sesuatu kawasan seperti bekas pembakaran, debunga tumbuhan, sisa kerang, arang dan tulang binatang.



Zaman
Prasejarah

Catal Huyuk, Turki
Diduduki oleh manusia Zaman Prasejarah antara 7,100 – 600 SM. Aktiviti utama termasuklah pertanian, terutamanya penanaman barli dan gandum.





Stonehenge, Britain

Dibina antara 3,700 hingga 1,600 SM. Binaan ini dikaitkan dengan upacara ritual dan tempat mengkaji bintang.



Tapak prasejarah di Bhimbetka, India.

Bhimbetka, India

Tapak prasejarah di Bhimbetka, di bahagian tengah India ini berusia 30,000 SM. Bukti di tapak ini menunjukkan kehidupan manusia prasejarah di India.



Peta lokasi Zaman Prasejarah di seluruh dunia.



Tapak penemuan *Peking Man*, Zhoukoudian, China.

Zhoukoudian, China
Tapak ini berusia antara 18,000 hingga 11,000 SM dan ditemukan rangka manusia yang dinamakan *Peking Man*.

Gobekli Tepe, Turki

Tapak ini diduduki oleh manusia pada 12,000 SM. Ahli arkeologi berpendapat binaan batu di tapak ini mempunyai kaitan dengan upacara ritual.



Shahr-i-Shokta, Iran.



Apakah yang boleh anda tafsirkan pada lukisan binatang yang terdapat di dalam gua di Chauvet, Perancis dan Altamira, Sepanyol?

Lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara

Pelbagai lokasi Zaman Prasejarah turut ditemukan di Asia Tenggara. Tinggalan manusia yang ditemukan di lokasi-lokasi ini menunjukkan keupayaan manusia ketika itu menjalani kehidupan seharian mereka. Penemuan ini turut membuktikan ketinggian pencapaian mereka setanding dengan manusia Zaman Prasejarah di kawasan lain.



Ban Chiang, Thailand
Lokasi ini merupakan tapak Zaman Neolitik dan Zaman Logam, berusia antara 3,600 hingga 500 SM. Manusia di Ban Chiang menjalankan aktiviti pertanian, pembuatan logam, tekstil, tembikar tanah dan kegiatan menternak binatang.



Peralatan batu yang ditemui di Bukit Bunoh, Lenggong, Perak.

Lenggong, Malaysia
Lokasi ini merupakan antara tapak Zaman Prasejarah terpenting di rantau Asia Tenggara yang menunjukkan kehidupan manusia merentas Zaman Paleolitik, Hoabinhian dan Neolitik. Rangka *Perak Man* yang berusia antara 11,000 hingga 10,000 SM merupakan bukti paling penting menunjukkan kehidupan manusia Zaman Prasejarah di negara ini.

**Gua Liang Bua, Pulau Flores
Indonesia**

Lokasi ini penting kerana penemuan fosil dan sisa tulang yang berusia antara 94,000 hingga 12,000 SM yang dinamakan sebagai *Flores Man* atau *Homo Floresiensis*. Tapak ini juga menunjukkan kehidupan manusia sejak Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam.



Peta lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara.



Gua Padah-lin, Myanmar
Lokasi ini merupakan tempat tinggal manusia Zaman Prasejarah antara 13,000 SM hingga 11,000 SM.



Sa Hyun, Vietnam
Lokasi ini merupakan tapak Zaman Besi yang paling menonjol di Asia Tenggara. Berusia antara 1000 SM hingga 200 M. Aktiviti utama ialah pembuatan tembikar.



Gua Tabon, Filipina
Lokasi ini merupakan tapak Zaman Prasejarah yang penting di Filipina yang dianggarkan berusia 47,000 SM. Tinggalan rangka manusia berusia antara 22,000 hingga 24,000 tahun yang lalu ditemui di sini.



Aktiviti

Berdasarkan sumber Internet, bincangkan kepentingan Lenggong, Perak, Malaysia terhadap Zaman Prasejarah di Asia Tenggara.

Penemuan lokasi-lokasi Zaman Prasejarah di Asia Tenggara akan membolehkan kita mengetahui kehidupan manusia zaman itu. Pemeliharaan dan pemuliharaannya sangat penting bagi memastikan generasi akan datang mengetahui serta memahami sejarah dan tamadun yang telah dilalui oleh manusia ketika itu.

3.3

Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

Kehidupan manusia Zaman Prasejarah mempunyai ciri-ciri tertentu. Ciri yang paling menonjol dapat dilihat pada tempat kediaman, peralatan, aktiviti pengumpulan makanan, kegiatan ekonomi, organisasi sosial, kepercayaan, serta kesenian dan kebudayaan.

Tempat Kediaman




Gua Niah, Sarawak.

Zaman Paleolitik

Tumpuan utama petempatan ialah gua dan lubang bawah tanah. Selain itu, mereka berlindung di bawah pokok dan tempat berlindung yang diperbuat daripada ranting kayu.

Zaman Neolitik

Manusia zaman ini tinggal secara menetap di kawasan petempatan terutamanya di kawasan lembah sungai dan di pesisiran pantai. Mereka telah membina rumah yang diperbuat daripada batu, tanah liat dan kayu.



Ilustrasi rumah masyarakat Neolitik di Ban Kao, Thailand.



Gua Franchthi, Greece.

Zaman Mesolitik

Manusia zaman ini masih mendiami gua, dan lubang bawah tanah serta tempat berlindung yang diperbuat daripada ranting kayu. Tumpuan petempatan mereka di pinggir sungai dan laut bagi memudahkan mereka mendapatkan bekalan air dan makanan.

Zaman Logam

Manusia telah menetap dan membina tempat kediaman mereka dengan lebih baik. Binaannya diperbuat daripada batu, tanah liat dan kayu serta lebih tersusun. Selain kawasan lembah sungai dan pesisiran pantai, mereka juga tinggal di kawasan tanah tinggi.



Petempatan Bena, Flores, Indonesia.



Mengapakah berlaku perubahan tempat kediaman masyarakat Zaman Prasejarah?

Peralatan



Zaman Paleolitik

Manusia pada masa ini membuat peralatan daripada batu, kayu dan tulang haiwan. Peralatan ini pula dalam bentuk sedia ada, ringkas dan kasar pembuatannya.



Zaman Mesolitik

Peralatan Zaman Mesolitik masih diperbuat daripada kayu, batu dan tulang haiwan. Namun, pembuatannya lebih halus dan kemas. Terdapat juga alatan lebih kecil yang dikenali sebagai mikrolit. Mereka juga menggunakan panah semasa memburu binatang dan menggunakan perangkap untuk menangkap ikan.

Zaman Neolitik

Peralatan zaman ini lebih halus dan kemas. Terdapat pelbagai peralatan termasuklah alat menggali dan roda.



Tahukah Anda?

Mikrolit merupakan artifak batu kecil yang nipis yang sisinya tajam bergerigi.



Bagaimakah manusia Zaman Prasejarah memanfaatkan alam sekitar untuk kelangsungan kehidupan mereka?

Zaman Logam

Manusia telah mampu mencipta peralatan yang diperbuat daripada logam. Pembuatan ini berlaku seiring dengan pengetahuan manusia tentang teknologi peleburan serta pembuatan acuan. Pada Zaman Logam ini, manusia memiliki tahap kehidupan yang lebih tinggi berbanding dengan Zaman Batu. Peralatan zaman ini terdiri daripada tembaga, gangsa dan besi.



Cerna Minda

Bandingkan ciri-ciri peralatan manusia Zaman Paleolitik dan Zaman Neolitik.


Pengumpulan Makanan

Zaman Paleolitik

Kegiatan mengumpulkan makanan merupakan aktiviti paling penting untuk mendapatkan makanan selain memburu binatang. Mereka mengumpulkan buah-buahan, cendawan, bijiran dan pucuk tumbuhan yang tumbuh liar di dalam hutan.

Zaman Mesolitik


Manusia pada zaman ini masih menjalankan aktiviti mengumpulkan makanan. Mereka juga mengumpulkan kerang dan siput yang ditemui di pinggir sungai dan laut.



Tompokan kulit siput dan kerang Zaman Mesolitik di Sumatera, Indonesia.

Zaman Neolitik

Kemampuan manusia untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan menyebabkan aktiviti mengumpulan makanan semakin berkurangan.



Aktiviti pertanian.

Zaman Logam

Aktiviti pengumpulan makanan hampir tidak lagi dilakukan kerana kemajuan yang berlaku dalam bidang pertanian, penternakan dan perdagangan tukar barang. Kegiatan ini membolehkan mereka memperoleh makanan yang mencukupi.



Aktiviti menukar barang dagangan atau sistem barter pada Zaman Logam.

Cuba Buat

Membuat Peralatan Batu

Keperluan bahan:

1. Batu yang sesuai
2. Sebatang kayu yang sesuai
3. Pengasah
4. Tali
5. Pisau

1



Pilih batu yang bersesuaian bentuk dan saiznya.

2



Pilih sebatang kayu yang sederhana saiz dan panjangnya.

3



Belah hujung kayu dengan menggunakan pisau.

4



Asah hujung batu supaya tajam.

5



Masukkan batu pada celah kayu.

6



Ikat kayu dan batu dengan kuat.

Kegiatan Ekonomi



Manusia Zaman Paleolitik berkongsi makanan.

Zaman Paleolitik

Manusia zaman ini bergantung sepenuhnya pada sumber alam semula jadi. Mereka hidup secara nomad untuk mencari makanan dan dikongsi bersama. Aktiviti ekonomi mereka bersifat sara diri.



Lukisan gua di Gua Lascaux, Montignac, Perancis yang menunjukkan aktiviti memburu binatang.

Zaman Mesolitik

Manusia pada zaman ini masih lagi mengutip hasil hutan, memburu binatang dan menangkap ikan. Perkongsian makanan masih berlaku.

Zaman Neolitik


Manusia tidak lagi menjadi pengguna sumber alam, sebaliknya mereka menghasilkan makanan melalui kegiatan pertanian dan penternakan. Aktiviti perdagangan dengan menggunakan sistem barter dan pengkhususan kerja telah bermula.



Gambar lukisan gua di Gua Magura, Bulgaria menunjukkan manusia menjalankan aktiviti penternakan.

Zaman Logam

Aktiviti pertanian, penternakan dan perdagangan pertukaran barang merupakan aktiviti utama penduduk. Selain itu, aktiviti pembuatan dan pertukangan turut berkembang.



Pertukaran barang tanduk badak dengan gading gajah.

Cerna Minda

Nyatakan kesan apabila manusia mula tahu bercucuk tanam dan menternak binatang.



Bandingkan aktiviti ekonomi manusia prasejarah dengan masyarakat hari ini.



Glosari

Nomad: kaum yang selalu berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat lain.

Organisasi Sosial



Kehidupan manusia Zaman Paleolitik.

Zaman Paleolitik

Manusia zaman ini hidup dalam kelompok kecil yang terdiri daripada gabungan beberapa keluarga dan masih hidup dalam keadaan nomad.



Kehidupan manusia Zaman Mesolitik.

Zaman Mesolitik

Pada zaman ini, manusia masih lagi hidup dalam kelompok kecil. Mereka juga masih lagi hidup secara nomad dan belum mempunyai sebuah organisasi sosial yang tersusun.

Zaman Neolitik

Pada zaman ini, manusia hidup menetap dan telah mewujudkan sistem sosial yang lebih baik. Terdapat ketua yang dipilih daripada kalangan mereka dan bermulanya pembahagian dalam sosial, iaitu adanya kelas atasan atau pemimpin dan kelas bawahan.

Kemunculan organisasi ini membolehkan aturan kehidupan yang lebih baik dibentuk.



Kehidupan manusia Zaman Neolitik.

Zaman Logam

Kehidupan manusia zaman ini lebih tersusun. Pemimpin bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang timbul dan membentuk aturan kehidupan agar diikuti oleh setiap anggota masyarakat. Kadaan ini membawa kepada pembentukan sistem pentadbiran.



Gambaran kehidupan manusia Zaman Logam di Ban Chiang, Thailand.



Glosari

Organisasi Sosial: pola hubungan yang dibentuk oleh masyarakat hasil kerjasama antara ahli atau keluarga bagi mencapai matlamat bersama.



Cerna Minda

Mengapakah manusia pada peringkat awal hidup secara nomad?



Mengapakah pemimpin diperlukan dalam sebuah organisasi sosial?


Kepercayaan



Kepercayaan manusia terhadap kuasa alam.

Zaman Paleolitik

Manusia pada zaman ini mengamalkan animisme dan kepercayaan alam semula jadi yang menentukan kehidupan mereka. Mereka percaya pada kuasa alam semula jadi seperti petir, kilat, angin, hujan dan matahari. Selain itu, setiap objek yang terdapat di sekeliling mereka seperti pokok, batu, bukit, sungai dan laut dipercayai mempunyai kuasa.



Manusia masih percaya kepada kuasa alam, termasuk pokok dan matahari.

Zaman Mesolitik

Manusia pada zaman ini masih mengamalkan kepercayaan animisme.

Zaman Neolitik

Manusia pada zaman ini melakukan ritual bagi mewujudkan perdamaian dengan kuasa alam dan amalan penyembahan mula dilakukan. Wujud kepercayaan kehidupan selepas mati dan mayat akan diuruskan dengan teliti serta dikebumikan dengan sempurna.



Tempat diadakan upacara ritual di Gobekli Tepe, Turki.

Zaman Logam

Penyembahan manusia terhadap kuasa alam semakin jelas. Binaan khusus telah diwujudkan bagi upacara ritual dan menyempurnakan kepercayaan mereka.



Kubur Zaman Logam di selatan India.



Glosari

Animisme: kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai kuasa dan semangat yang mampu menentukan kehidupan manusia.

Ritual: tatacara dalam upacara keagamaan.


Kesenian dan Kebudayaan



Lukisan di Gua Chauvet, Perancis.

Zaman Paleolitik

Manusia pada zaman ini telah menghasilkan lukisan gua. Lukisan ini pula bersifat realisme.



Lukisan di dinding gua di Altamira, Sepanyol (16,500 – 12,000 SM).

Zaman Mesolitik

Lukisan gua masih merupakan antara ciri kesenian yang wujud pada zaman ini.

Zaman Neolitik

Selain lukisan gua, kesenian manusia zaman ini turut dapat dilihat melalui corak yang menghiasi permukaan tembikar. Pola geometri merupakan pola utama yang dikenali sebagai simbolisme.



Tembikar yang mempunyai bentuk pola geometri.

Zaman Logam

Manusia zaman ini amat mementingkan nilai estetika yang ditemukan pada peralatan mereka seperti gendang gangsa yang mempunyai pola hiasan yang menarik.



Hiasan pada gendang gangsa.



Glosari

Estetika: kecantikan atau keindahan yang dikaitkan dengan bidang seni.


Geometri: corak yang berdasarkan garis-garis yang menghiasi objek tertentu.

Realisme: aliran sastera dan seni yang menggambarkan kisah hidup sebenar (bukan khayalan).

Simbolisme: lambang yang menggambarkan sesuatu perkara atau erti tertentu.



Aktiviti: TMK



Secara berkumpulan, layari laman web www.museum.sarawak.gov.my dan jawab soalan di bawah:

1. Senaraikan artifak prasejarah yang dijumpai di dalam Gua Niah.
2. Buktikan bahawa Gua Niah dihuni oleh manusia pada setiap Zaman Prasejarah.
3. Cadangkan langkah-langkah untuk menarik perhatian pelancong mengunjungi Gua Niah bagi mengetahui kehebatan sejarah negara kita.



Aktiviti


Tapak Zaman Prasejarah: Gobekli Tepe, Turki

Usia: 12,000 tahun

Ciri-ciri:

- Mempunyai tiang berjumlah 200 batang dan berbentuk bulatan.
- Terdapat 20 buah bulatan.
- Setiap tiang mempunyai ketinggian enam meter dengan berat kira-kira 20 tan.

Berdasarkan maklumat di atas dan maklumat yang dikumpulkan melalui Internet secara berkumpulan, buat pembentangan berkaitan kefahaman anda tentang kepercayaan, kesenian dan kebudayaan manusia Zaman Prasejarah di Gobekli Tepe, Turki.



Kebijaksanaan manusia Zaman Prasejarah menyesuaikan kehidupan dengan persekitaran haruslah dihargai. Oleh itu, kita harus bersyukur untuk memanfaatkan sumber alam semula jadi ciptaan Tuhan.

Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia

Tanpa kita sedari, manusia Zaman Prasejarah banyak mewariskan penemuan dan aktiviti mereka kepada tamadun manusia. Mereka telah mencipta dan melakukan pelbagai kegiatan yang masih dapat ditemui dalam kehidupan manusia hari ini.

Aktiviti pertanian, memburu dan menternak binatang, pembuatan peralatan dan tembikar, ideofak serta monumen dan seni bina merupakan antara aktiviti yang telah dilakukan oleh masyarakat sejak Zaman Prasejarah dan masih lagi diteruskan hingga hari ini.

Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian giat dijalankan bermula pada Zaman Neolitik. Antara jenis tanaman termasuklah padi, gandum dan barli. Aktiviti pertanian menjadi sumber makanan penting kepada manusia hingga membolehkan mereka tinggal secara menetap. Aktiviti ini terus diamalkan oleh manusia dan menjadi pekerjaan yang penting sehingga hari ini. Manusia menjalankan aktiviti pertanian sara diri secara kecil-kecilan untuk memenuhi keperluan sendiri. Namun begitu, pada zaman moden, aktiviti pertanian telah menjadi aktiviti komersial apabila hasil pertanian mula dijual. Aktiviti pertanian dilakukan secara besar-besaran dalam bentuk ladang dengan menggunakan peralatan moden.



Pertanian Zaman Prasejarah untuk keperluan makanan.



Pertanian sara diri dilakukan di kawasan kampung untuk keperluan sendiri.



Pertanian komersial dilakukan secara besar-besaran untuk tujuan jualan.



Glosari

Ideofak: hasil tinggalan manusia Zaman Prasejarah yang berkaitan dengan ideologi atau kepercayaan.

Komersial: hal berkaitan dengan perniagaan atau perdagangan.

Monumen: bangunan yang dibina untuk memperingati seseorang tokoh ternama atau sesuatu peristiwa penting.

Memburu Binatang

Aktiviti memburu binatang merupakan aktiviti paling tua yang diamalkan oleh manusia untuk mendapatkan makanan. Pada Zaman Prasejarah, aktiviti memburu binatang dilakukan menggunakan senjata yang diperbuat daripada batu, tulang, kayu, gangsa dan besi. Selain itu, tombak dan panah digunakan bagi aktiviti memburu. Bagi sesetengah manusia, mereka menggunakan sumpit untuk aktiviti memburu. Amalan ini masih diamalkan sehingga kini. Pada zaman moden, aktiviti memburu dijalankan sebagai hobi dengan menggunakan senjata yang lebih canggih, berlesen dan berdaftar. Kini, aktiviti memburu perlu mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa. Di negara kita, lesen berburu binatang dikeluarkan oleh Perhilitan (Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara).



Imej aktiviti memburu Zaman Prasejarah di Lascaux, Perancis.



Memburu dengan sumpitan masih diamalkan sehingga kini.



Memburu binatang merupakan hobi sebahagian daripada manusia hari ini.

Menternak Binatang

Sejak Zaman Neolitik, manusia telah mempunyai kemahiran menternak binatang. Aktiviti ini membolehkan mereka mendapatkan sumber makanan secara berterusan. Pada zaman moden, penternakan binatang dijalankan secara komersial bagi menampung keperluan daging dan tenusu bagi sesebuah negara.



Gambaran penternakan binatang Zaman Neolitik di Gua Altamira, Sepanyol.



Penternakan berbentuk sara diri.



Penternakan lembu secara komersial di Kundasang, Sabah, Malaysia.

Peralatan

Peralatan manusia Zaman Prasejarah diperbuat daripada batu, kayu dan tulang haiwan yang digunakan untuk pelbagai kegunaan dalam kehidupan mereka. Peningkatan pengetahuan manusia tentang campuran logam, acuan dan suhu pembakaran telah membolehkan peralatan gangsa dan besi dicipta bagi menggantikan peralatan batu dan kayu. Peralatan gangsa dan besi merupakan hasil ciptaan inovasi yang banyak membantu kehidupan manusia sehingga hari ini. Antaranya termasuklah pedang, parang, tombak, cangkul, keris dan kapak. Pembuatan peralatan besi ini terus kekal dalam sejarah dan tamadun manusia. Peralatan pada zaman moden berubah apabila mesin dan jentera mula digunakan. Aktiviti memotong dan menghiris daging tidak lagi menggunakan peralatan batu maupun besi, sebaliknya menggunakan mesin terutamanya dalam aktiviti komersial.



Peralatan Zaman Batu.



Peralatan besi seperti parang dan keris.



Mesin memotong dan menghiris daging.

Tembikar

Manusia Zaman Prasejarah mempunyai pengetahuan dan kemahiran membuat tembikar yang dijadikan bekas makanan dan peralatan masakan. Kedua-dua pengetahuan ini masih diamalkan hingga hari ini. Pada Zaman Prasejarah, tembikar turut dijadikan peralatan dalam upacara ritual. Tembikar buatan China seperti tembikar Dinasti Ming serta buatan Vietnam pernah menjadi komoditi perdagangan yang penting pada abad ke-14 dan ke-15 Masihi. Pembuatan tembikar terus kekal sehingga kini dan menjadi industri yang sangat penting. Pembuatan labu sayong merupakan industri yang penting di Kuala Kangsar, Perak.



Replika tembikar berkaki tiga Zaman Hoabinhian yang ditemukan di Bukit Keplu, Kedah, Malaysia.



Tembikar dari Delta Sungai Merah, Vietnam bertarikh abad ke-15 Masihi yang ditemukan di Pulau Jawa, Indonesia.



Industri labu sayong di Kuala Kangsar, Perak.

Ideofak

Manusia Zaman Prasejarah percaya bahawa kematian bukan penamat kepada kehidupan. Mereka amat menghormati mayat. Pelbagai kaedah pengebumian mayat dilakukan dan kebiasaannya mayat akan dikebumikan bersama-sama dengan pelbagai peralatan. Di Gua Cha, Kelantan, kepala mayat diletakkan di atas “bantal” batu. Mayat juga disertai dengan bahan makanan dan terdapat ritual yang menampakkan kedudukan istimewa seseorang. Di Sabah, terdapat sesetengah masyarakat yang memasukkan mayat ke dalam keranda kayu dan disimpan di dalam gua batu kapur. Sehingga kini, penghormatan terhadap mayat masih terus diamalkan mengikut agama masing-masing.

Pengebumian memanjang di Gua Cha, Kelantan, Malaysia.
(Sumber:
Muzium Negara)



Keranda kayu di Pantai Timur, Sabah, Malaysia.
(Sumber: Jabatan Warisan Negara)



Kawasan perkuburan tentera Komanwel di Taiping, Perak, Malaysia.

Monumen dan Seni Bina

Sejak Zaman Neolitik, manusia mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk membina monumen dan binaan yang digunakan untuk pelbagai tujuan. Binaan ini sebahagiannya masih kekal sebagai warisan sejarah untuk diwarisi oleh generasi akan datang. Pada zaman moden, kemampuan manusia membina binaan yang mengagumkan terus meningkat, seperti Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC).



Struktur megalitik berusia 3,700 SM di Ggantija, Malta.



Angkor Wat, Kemboja



Menara Berkembar Kuala Lumpur.

Perubahan dan kesinambungan merupakan aspek penting dalam perkembangan Zaman Prasejarah yang merangkumi Zaman Batu dan Zaman Logam. Perubahan inilah yang membawa kesan besar terhadap kehidupan manusia hingga memasuki zaman berikutnya. Sehingga zaman moden, sebahagian daripada asas kehidupan manusia prasejarah sama ada dalam bentuk kemahiran, idea atau tindakan terus berlaku. Oleh itu, kita perlu menghargai pencapaian manusia Zaman Prasejarah yang telah melahirkan pelbagai idea dan tindakan yang berguna kepada manusia hingga kini.

3.5

Zaman Prasejarah di Malaysia

Negara kita juga tidak terkecuali melalui Zaman Prasejarah. Penemuan tinggalan manusia Zaman Prasejarah menunjukkan sejak 40,000 tahun yang lalu, manusia telah menetap di negara ini. Tempoh itu dikenali sebagai Zaman Paleolitik. Setelah zaman itu, manusia melalui kehidupan pada Zaman Mesolitik. Di Asia Tenggara, Zaman Mesolitik dikenali sebagai Zaman Hoabinhian. Hal ini demikian kerana unsur-unsur Zaman Mesolitik sebagaimana yang ditemukan di Eropah tidak ditemukan di Asia Tenggara. Sebaliknya, penggunaan alatan kerikil repih yang digunakan pada Zaman Paleolitik lebih banyak ditemukan. Zaman ini juga dikenali sebagai Zaman Epi-Paleolitik. Zaman ini diikuti dengan Zaman Neolitik.

Lokasi Zaman Prasejarah



(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 25)



Tahukah Anda?



Madeleine Colani merupakan ahli arkeologi Perancis yang telah memperkenalkan istilah Hoabinhian pada Zaman Prasejarah Asia Tenggara pada tahun 1932. Hoabinhian diambil sempena nama satu tempat di utara Vietnam, iaitu Hoa-binh.

Kewujudan Zaman Prasejarah di negara ini dibuktikan melalui penemuan lokasi-lokasi tinggalan manusia ketika itu. Lokasi tersebut wujud dalam dua keadaan, iaitu di kawasan gua dan di kawasan terbuka.


Kewujudan Zaman Prasejarah di negara ini dapat dilihat melalui pelbagai bukti, seperti peralatan batu dan logam, tembikar dan manik, lukisan gua dan ukiran batu.

Zaman	Tapak
40,000 SM Paleolitik	<ul style="list-style-type: none"> Tingkayu, Sabah Gua Niah, Sarawak Kota Tampang, Perak Lembah Mansuli, Sabah
12,000 SM – 2,800 SM Mesolitik (Hoabinhian)	<ul style="list-style-type: none"> Jenderam Hilir, Selangor Gua Madai, Sabah Gua Cha, Ulu Kelantan Bukit Tegun Lembu, Perlis
2,800 SM – 500 SM Neolitik	<ul style="list-style-type: none"> Gua Kecil, Pahang Sungai Tembeling, Pahang Lubang Angin, Sarawak Gua Tapadong, Sabah Jenderam Hilir, Selangor
500 SM – 500 M Logam	<ul style="list-style-type: none"> Sungai Tembeling, Pahang Lembah Bernam, Selangor

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 25)



Kemunculan Tamadun Awal



Kajian Kes



Peralatan yang dijumpai di Sungai Tembeling, Pahang.



Peralatan yang dijumpai di Raub, Pahang.



Loceng gangsa dijumpai di Kampung Pencu, Muar, Johor.



Peralatan yang dijumpai di Klang, Selangor.

Peralatan di atas menjadi asas kepada penciptaan peralatan masa kini. Bincangkan.

Teknologi

Selain lokasi, bukti penting yang menunjukkan kewujudan Zaman Prasejarah di Malaysia ialah penemuan pelbagai jenis peralatan. Penemuan ini menunjukkan manusia prasejarah di negara ini mempunyai kemahiran menghasilkan peralatan batu dan logam. Peralatan ini digunakan dalam kehidupan harian mereka untuk memotong, menetak atau memecahkan tulang. Penemuan di Kota Tampan, Perak dan Tingkayu, Sabah menunjukkan wujud bengkel membuat peralatan batu. Peralatan batu Zaman Neolitik di Hulu Perak menunjukkan manusia telah mampu menggilap alatan tersebut. Peralatan logam yang ditemukan di Klang, Selangor membuktikan kewujudan Zaman Logam di negara ini.

Zaman Paleolitik



Peralatan batu yang ditemukan di Kota Tampan, Perak.

Zaman Mesolitik (Hoabinhian)



Peralatan batu yang telah dilincinkan ditemukan di Gua Senyum, Pahang.

Zaman Neolitik



Peralatan batu Zaman Neolitik yang ditemukan di Hulu Perak, Perak.

Zaman Logam



Peralatan logam yang ditemukan di Klang,

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 39)

Tembikar dan Manik

Kewujudan Zaman Prasejarah di Malaysia seterusnya dibuktikan dengan kemahiran pembuatan tembikar dan manik. Penemuan pelbagai jenis tembikar seperti yang ditemukan di Gua Niah, Sarawak menunjukkan manusia prasejarah di negara ini telah melakukan inovasi yang hebat. Tembikar ini mempunyai pelbagai bentuk, saiz dan corak hiasan. Selain tembikar, pelbagai jenis manik telah ditemukan, seperti di Kuala Selinsing, Perak dan di Lembah Bernam, Selangor.




Tembikar yang ditemukan di Gua Niah, Sarawak.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 32)



Manik yang ditemukan di Kuala Selinsing, Perak.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 35)



Manik yang ditemukan di Lembah Bernam, Selangor.

(Sumber: Muzium Sultan Alam Shah, Selangor)

Lukisan Gua dan Ukiran Batu

Bukti paling ketara tentang kewujudan manusia Zaman Prasejarah di Malaysia ialah penemuan lukisan gua dan ukiran batu. Lukisan gua dan ukiran batu ini merupakan cara komunikasi untuk menyampaikan maklumat tentang kehidupan mereka. Selain itu, lukisan dan ukiran menggambarkan kehidupan harian manusia, seperti aktiviti memburu dan amalan ritual. Lukisan gua ini biasanya menggunakan arang dan oker merah.



Lukisan gua di Gua Niah, Sarawak.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, 1998, hlm. 43)

Ukiran Batu

Ukiran batu banyak ditemukan di Sabah dan Sarawak, sementara di Semenanjung Malaysia, hanya ditemukan di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Kewujudan ukiran batu mempunyai kaitan dengan budaya megalit.



Ukiran batu di Kelabit Highlands, Sarawak, yang dikenali sebagai Batu Patung.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, hlm. 40)



Ukiran pada batu megalit di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan.



Cerna Minda

Dengan melayari Internet, jawab soalan di bawah:

- Namakan negeri bagi tapak Zaman Prasejarah yang ditemukan lukisan gua seperti yang disenaraikan di bawah.

Tapak Lukisan Gua	Negeri
Gua Tambun	
Gua Badak	
Gua Kelawar	
Gua Batu Luas	
Gua Sireh	
Gua Batu Puteh	
Lobang Ringen	
Hagop Bilo	

- Namakan negeri yang ditemukan ukiran batu seperti yang disenaraikan di bawah.

Tapak Ukiran Batu	Negeri
Lemuyun	
Pa Sia	
Long Semadoh	
Ba Kelalan	
Pa Lungan	
Pa Bengar	
Pa Ramudu	
Long Banga	
Long Omok	
Sungai Jaong	
Pengkalan Kempas	




Glosari

Oker merah (hematit): bahan pewarna merah yang diperoleh daripada batu kawi atau batu lada. Budaya megalit: budaya berdasarkan penggunaan batu-batu bersaiz besar.

Ekonomi

Bukti-bukti tinggalan yang ditemukan di tapak-tapak Zaman Prasejarah di Malaysia menunjukkan terdapat tiga bentuk aktiviti masyarakat ini dalam bidang ekonomi.

Aktiviti memburu dan memungut hasil hutan merupakan aktiviti paling penting yang dijalankan oleh masyarakat Zaman Paleolitik hingga Zaman Haobinhian. Aktiviti ini berbentuk sara diri sepenuhnya.



Gambaran manusia Zaman Prasejarah menjalankan aktiviti perburuan.

Aktiviti penanaman padi dijalankan oleh manusia Zaman Neolitik. Antara tapak prasejarah yang penting termasuklah di pinggir sungai dan lembah yang subur, seperti di Hulu Tembeling, Pahang; Jenderam Hilir, Selangor; dan Lembah Nenggiri, Ulu Kelantan. Terdapat juga peralatan yang dikaitkan dengan aktiviti penanaman padi, iaitu “Pisau Tembeling” di Pahang. Pisau ini dikatakan digunakan ketika menuai padi. Lebihan padi pula menjadi barang pertukaran dalam masyarakat ketika itu.



Pisau Tembeling.



Peta kawasan penanaman padi pada Zaman Prasejarah di Malaysia.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia of Malaysia: Early History*, Singapura: Archipelago Press, hlm. 48)

Kegiatan perdagangan melalui sistem pertukaran barang berlaku sama ada melalui laluan daratan atau maritim. Antara barang dagangan yang penting termasuklah loceng dan gendang gangsa.



Loceng gangsa yang ditemukan di Klang, Selangor.

(Sumber: Muzium Sultan Alam Shah, Selangor)



Aktiviti: TMK

Dengan bantuan guru sejarah anda, layari laman web Muzium Arkeologi Lenggong bagi mencari bukti kewujudan Zaman Prasejarah di negara ini.

Kepercayaan

Bukti tinggalan masyarakat Zaman Prasejarah di negara kita juga ditemukan melalui penemuan ideofak di beberapa tapak perkuburan. Masyarakat zaman tersebut mengamalkan kepercayaan dan memberikan penghormatan kepada orang mati. Bukti penemuan ideofak ini menjelaskan cara hidup masyarakat ketika itu.

Pengebumian
Memanjang
Gua Cha, Kelantan.



(Sumber: Muzium Negara)

Pengebumian Melentur
Gua Gunung Runtu, Perak.



(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi
Nik Abdul Rahman (ed.), *Encyclopedia
of Malaysia: Early History*, Singapura:
Archipelago Press, hlm. 54)

Pengebumian Keranda
Kayu
Pantai Timur, Sabah.



(Sumber: Jabatan Warisan Negara)

Kubur Kepingen Batu
Lembah Bernam, Selangor.



(Sumber: Muzium Negara)

Pengebumian Perahu
Kuala Selinsing, Perak.



(Sumber: Muzium Negara)

Pengebumian Tempayan
Terdapat di Sabah,
Sarawak dan Kampung
Limbongan, Terengganu.



(Sumber: Muzium Negara)

Selain itu, kepercayaan masyarakat Zaman Prasejarah di Malaysia turut ditunjukkan melalui budaya megalit. Budaya megalit merujuk kepada kewujudan batu besar yang tersusun rapi dipercayai mempunyai kaitan dengan amalan kepercayaan dan ritual.

Bukti penemuan sejarah seperti yang dibincangkan menunjukkan kewujudan Zaman Prasejarah di negara kita. Sejak 40,000 tahun yang lalu, negara kita telah melalui pelbagai tahap Zaman Prasejarah sebelum menempuh Zaman Sejarah. Hal ini menunjukkan kepentingan negara kita dalam perkembangan sejarah dan tamadun manusia.



Replika batu megalit
Pengkalan Kempas,
Negeri Sembilan.
(Sumber: Muzium Negara)



Aktiviti: KPS

Rasionalkan penemuan pelbagai jenis pengebumian di atas.



Kesimpulan



Zaman Prasejarah

- Zaman Prasejarah merupakan zaman sebelum manusia mengenali tulisan.
- Zaman ini terbahagi kepada Zaman Batu dan Zaman Logam.



Lokasi Zaman Prasejarah

- Lokasi Zaman Prasejarah boleh ditemui di seluruh dunia. Penetapan lokasi ini sebagai lokasi prasejarah ditentukan melalui penemuan tinggalan manusia sama ada artifak atau ekofak.



Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

- Kehidupan manusia Zaman Prasejarah mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan dapat diperhatikan melalui tempat kediaman mereka, peralatan yang dibuat dan digunakan, cara mereka mengumpulkan makanan, kegiatan ekonomi, organisasi sosial, kesenian dan kebudayaan.



Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah terhadap Kemajuan Kehidupan Manusia

- Pelbagai aktiviti yang pernah dilakukan oleh manusia Zaman Prasejarah seperti pertanian, memburu dan menternak binatang, membuat peralatan, membuat tembikar, amalan kepercayaan dan membina monumen didapati terus dilakukan oleh manusia hari ini. Hal ini bermakna, aktiviti manusia sejak Zaman Prasejarah itu berterusan hingga hari ini.



Zaman Prasejarah di Malaysia

- Sebagaimana kawasan-kawasan lain di dunia, Malaysia tidak terkecuali daripada melalui Zaman Prasejarah. Kehidupan manusia Zaman Prasejarah dapat ditemui di pelbagai lokasi di negara ini seperti di Lenggong (Perak), Lembah Mansuli (Sabah), Gua Niah (Sarawak) dan Gua Cha (Kelantan).

Bab ini telah menjelaskan tentang kepentingan Zaman Prasejarah dalam perkembangan tamadun manusia. Perubahan yang berlaku sejak Zaman Paleolitik hingga Zaman Logam menunjukkan kemampuan manusia meneruskan kelangsungan mereka dalam pelbagai keadaan. Pengalaman serta keupayaan manusia melakukan inovasi serta menyesuaikan diri dengan alam sekeliling menjadi asas penting yang membolehkan mereka meneruskan kehidupan. Kemahiran dan kebolehan dalam menggunakan sumber semula jadi ciptaan Tuhan membolehkan peralatan yang digunakan menjadi semakin baik dari semasa ke semasa. Tapak prasejarah dan bukti tinggalan manusia prasejarah boleh ditemukan di pelbagai lokasi di seluruh dunia termasuk negara kita. Kepentingan zaman ini wajar dikekalkan melalui usaha pemeliharaan dan pemuliharaan. Zaman ini menjadi titik perubahan kepada pembinaan tamadun awal dunia yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Dalam perkembangan Zaman Prasejarah di Asia Tenggara, Zaman Hoabinhian merujuk kepada zaman ...
 - A. Mesolitik
 - B. Paleolitik
 - C. Neolitik
 - D. Logam
2. Yang manakah lokasi Zaman Prasejarah terletak di Malaysia?
 - I. Ban Chiang
 - II. Hagop Bilo
 - III. Gua Liang Bua
 - IV. Bukit Tegun Lembu
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II dan IV
 - D. I dan IV
3. Rangka manusia yang ditemukan di X berusia antara 11,000 hingga 10,000 tahun dan menjadi bukti penting tentang kewujudan manusia prasejarah di negara ini. Di manakah X?
 - A. Gua Niah
 - B. Gua Cha
 - C. Lenggong
 - D. Jenderam Hilir

Mayat dikebumikan bersama-sama pelbagai peralatan.

4. Mengapakah manusia prasejarah bertindak sedemikian?
 - A. Menggambarkan kedudukan seseorang semasa hidup.
 - B. Mempercayai kehidupan selepas mati.
 - C. Membuktikan keunikan amalan ritual.
 - D. Memberikan penghormatan terakhir.
5. (a) Nyatakan lokasi tapak-tapak Zaman Prasejarah yang terdapat di dunia.
(b) Pada pendapat anda, apakah kepentingan lukisan gua pada Zaman Prasejarah?
(c) Nyatakan keistimewaan tapak Zaman Prasejarah di Lenggong, Perak.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Lukiskan peralatan yang digunakan dalam kehidupan manusia Zaman Prasejarah.

Zaman Paleolitik	Zaman Logam

7. Bezakan Zaman Prasejarah mengikut aspek yang berikut:

Aspek/Zaman	Paleolitik	Mesolitik	Neolitik	Logam
Tempat Kediaman				
Kegiatan Ekonomi				
Kesenian dan Kebudayaan				



Zaman Mesolitik



Zaman Neolitik

8. (a) Berdasarkan ilustrasi di atas, apakah yang anda boleh rumuskan berkaitan corak kehidupan masyarakat Zaman Mesolitik dan Zaman Neolitik?
(b) Apakah cabaran yang terpaksa dilalui oleh masyarakat kedua-dua zaman tersebut?
(c) Bagaimanakah mereka menghadapi cabaran tersebut?



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pengetahuan tentang Zaman Prasejarah mendidik kita bersikap tabah menghadapi cabaran bagi menjadi warganegara yang baik dan berdaya tahan.
- Apabila kita mengetahui peristiwa masa lalu, khususnya Zaman Prasejarah di negara kita, maka akan wujud rasa bangga terhadap sejarah, tradisi dan budaya negara.
- Dengan mempelajari Zaman Prasejarah, kita dapat memupuk sikap rajin, gigih, kreatif dan inovatif bagi menjadi warganegara yang bertanggungjawab untuk membina negara yang cemerlang.

Diri dan keluarga

Mengetahui kepentingan setiap ahli keluarga bersikap kreatif dan inovatif bagi meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga.

Negara

Memahami kepentingan Zaman Prasejarah dapat memberikan inspirasi dan mendidik kita untuk sentiasa bersikap kreatif dan inovatif, khususnya mereka cipta untuk memastikan kecemerlangan negara pada masa hadapan.



Pertandingan reka cipta memupuk persaingan yang sihat untuk menjana idea-idea yang kreatif dan inovatif.

(Gambar Ihsan: Sharifah Afidah Syed Hamid, Kuala Terengganu, Terengganu)



Sinopsis

Tamadun merupakan proses meningkatkan kemajuan kehidupan manusia menjadi lebih baik. Pada umumnya, bahasa Yunani, bahasa Inggeris dan bahasa Arab menakrifkan tamadun sebagai pencapaian kemajuan manusia. Tamadun awal manusia bermula di lembah sungai dan terus berkembang sehingga hari ini. Pertambahan jumlah penduduk yang ramai di kawasan lembah sungai telah menyebabkan pembukaan bandar. Oleh itu, manusia telah melakukan inovasi dengan menggunakan kreativiti untuk menambah baik kehidupan mereka.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Memahami maksud tamadun mengikut bahasa Yunani, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.
2. Mengenali konsep tamadun mengikut pandangan Islam dan Barat.
3. Memahami ciri-ciri tamadun awal dunia.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menerangkan kepentingan kepimpinan dalam pembinaan sesuatu tamadun.
2. Menerangkan nilai yang boleh dipelajari daripada sumbangan tamadun awal.
3. Menjelaskan keperluan menghargai sumbangan tamadun awal dunia dalam kehidupan manusia.
4. Membincangkan kepentingan sumbangan tamadun awal sebagai pencetus inovasi.



Patung di pintu masuk tempat ibadat Hatshepsut di Luxor.

(Sumber: Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, *Tamadun Mesir*, Shah Alam: Karisma Pub., 2009, hlm. 77)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi, iaitu urutan waktu dan peristiwa sejarah berkaitan kewujudan tamadun awal dunia.
2. Meneroka bukti dengan mengenal pasti dan membuat kajian terhadap bukti-bukti tinggalan tamadun awal dunia.
3. Membuat tafsiran tentang perkembangan tamadun dan kepentingannya kepada manusia.
4. Membuat imaginasi tentang kewujudan dan rupa bentuk fizikal dan pemikiran tamadun awal.
5. Membuat rasionalisasi terhadap kewujudan dan rupa bentuk tamadun awal mengikut kawasan.

Pengenalan

Pada umumnya, tamadun ditakrifkan sebagai suatu pencapaian tertinggi oleh sesuatu masyarakat dalam pelbagai bidang. Antaranya termasuklah kegiatan pertanian dan perdagangan, sistem pemerintahan, pembentukan bandar, pengkhususan pekerjaan, teknologi, organisasi sosial, agama dan kepercayaan, tulisan dan penyimpanan rekod, serta kesenian dan kesusasteraan. Perubahan kehidupan manusia ini didorong oleh daya inovasi sesuatu masyarakat.

Maksud tamadun dalam bahasa Yunani

Dari segi pengertian bahasa, perkataan tamadun (*civilisation*) diambil daripada perkataan Yunani, iaitu “*civitas*” yang bermaksud bandar atau kota. Tahap kemajuan dalam kehidupan masyarakat dicapai dalam bidang kebudayaan, sains, industri dan sistem kerajaan.

Maksud tamadun dalam bahasa Inggeris

Dalam bahasa Inggeris, tamadun disebut *civilisation*, iaitu tahap pembangunan manusia dan organisasi yang dianggap paling maju. Tahap pembangunan tersebut merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan kebolehan manusia atau organisasi.

Maksud tamadun dalam bahasa Arab

Perkataan tamadun dalam bahasa Arab ialah *mudun*, *madain* dan *madana*, yang bermaksud tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar. Istilah lain yang sama pengertiannya ialah *hadharah* dan *hadari*. *Hadharah* bermaksud kawasan, daerah, bandar, kota, kampung dan kawasan yang digunakan untuk bercucuk tanam. *Hadari* pula bermaksud tanah atau rumah yang didiami oleh masyarakat, tahap kemajuan dan memperoleh kekayaan.

Maksud tamadun dalam bahasa Melayu

Dalam bahasa Melayu, tamadun bermaksud suatu peradaban yang merujuk kepada pencapaian kemajuan masyarakat dari segi kebendaan serta perkembangan pemikiran meliputi bidang sosial, budaya, politik dan lain-lain yang tinggi. Kemajuan kebendaan merujuk kepada pencapaian dalam penciptaan seni bina seperti bangunan dan empangan serta sistem ekonomi, seperti percukaian dan kewangan; dan hasil cipta seperti membuat kertas, lukisan dan ukiran. Tamadun penting bagi membina kemajuan dan kemodenan kehidupan manusia yang teratur dalam sesebuah sistem masyarakat.



Binaan piramid dan sfinks di Mesir merupakan seni bina yang mengagumkan yang menjadi tanda kemunculan tamadun awal dunia.



Mengenali
Tamatudun



The Art of the Ancient Near East menunjukkan ketinggian hasil kesenian masyarakat di Babylon.

Walaupun terdapat perbezaan maksud tamadun menurut bahasa Yunani, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Melayu, tetapi terdapat persamaan yang jelas, iaitu kemajuan yang dicapai oleh masyarakat untuk membina kehidupan yang lebih baik dan kompleks.



Cerna Minda

Bandingkan maksud perkataan tamadun dalam bahasa Yunani, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Sudut Pandangan Islam

Konsep tamadun dalam Islam dibina atas kerangka Islam sebagai al-Din (cara hidup). Tamadun mengikut pandangan Islam merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah yang berasaskan nilai dalam pendidikan seperti yang disarankan oleh al-Quran dan hadis serta ajaran Nabi Muhammad SAW.

Ibn Khaldun ialah tokoh awal yang membincarkan tentang konsep tamadun Islam. Beliau memperkenalkan konsep tamadun, iaitu “umran” dan “hadharah” yang digunakan dalam bukunya yang bertajuk *Muqqadimah*. “Hadharah” mengandungi prinsip-prinsip nilai meliputi aspek akidah, syarak, akhlak, falsafah, kebudayaan dan peradaban. “Madaniyyah” pula lebih menjurus kepada aspek kebendaan dalam kehidupan dan lebih bersifat umum kepada semua manusia. Kedua-duanya bermaksud perbandaran dan tamadun. Istilah “hadharah” dan “madaniyyah” ini lebih menepati konsep tamadun dalam Islam dan berpusat kepada wahyu.



Universiti Al-Azhar, Mesir.



Ibn Khaldun pernah menjadi hakim dan ahli akademik di Universiti Al-Azhar, Mesir.



Tahukah Anda?

- Sarjana teragung Islam, iaitu Ibn Khaldun merupakan sarjana sejarah pertama yang membincangkan tentang peraturan pemerintahan yang berkaitan dengan kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas pula berpendapat tamadun ialah keadaan kehidupan insan bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya. Beliau menulis pelbagai buku dalam bidang pemikiran dan peradaban. Antaranya termasuklah *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* dan *Historical Fact and Fiction*.



Syed Muhammad Naquib Al-Attas.



Buku *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*.

Sudut Pandangan Barat


Dalam tradisi Barat, istilah “civilisation” digunakan bagi menggambarkan tahap sesuatu masyarakat atau budaya yang kompleks. Lazimnya, masyarakat bertamadun diukur melalui pencapaian ilmu dan teknologi, ekonomi, struktur politik, kemasyarakatan dan petempatan di kawasan perbandaran.

Bagi masyarakat Barat, tamadun dikaitkan dengan pembangunan lahiriah terutamanya dalam bidang kebudayaan seperti kesenian, penulisan, undang-undang dan perbandaran.

Arnold J. Toynbee menjelaskan tamadun sebagai suatu sistem masyarakat yang memperkasakan sistem politik, ekonomi, sosial serta kesenian dan kebudayaan.



Arnold J. Toynbee.



Buku karya Arnold J. Toynbee.

Konsep tamadun meliputi semua pencapaian kehidupan masyarakat dalam bidang sosial dan budaya serta pemikiran.



Rumuskan konsep tamadun.

Ciri-ciri Tamadun Awal Dunia

Tamadun awal dunia lahir di lembah sungai, iaitu di Lembah Sungai Tigris dan Euphrates, Sungai Nil, Sungai Indus dan Sungai Huang He. Ciri-ciri tamadun awal dunia ialah pencapaian yang hebat dalam bidang pertanian dan perdagangan, sistem pemerintahan, pembentukan bandar, pengkhususan pekerjaan, teknologi, organisasi sosial, agama dan kepercayaan, tulisan dan penyimpanan rekod, serta kesenian dan kesusasteraan.

1 Pertanian dan Perdagangan

2 Sistem Pemerintahan

Ciri-ciri
Tamadun
Awal Dunia

3 Pembentukan Bandar

Organisasi Sosial

Teknologi

9 Kesenian dan Kesusasteraan

8 Tulisan dan Penyimpanan Rekod

7 Agama dan Kepercayaan


4 Pengkhususan Pekerjaan

6

5

1. Pertanian dan Perdagangan

Kehidupan masyarakat tamadun awal mulai berkembang apabila terdapat kegiatan pertanian. Penciptaan pelbagai peralatan, pembinaan saliran, penciptaan kincir angin dan pembinaan teres di tanah tinggi telah menggalakkan kegiatan pertanian dalam kalangan masyarakat. Perkembangan ini seterusnya telah mewujudkan kegiatan perdagangan. Pertama, perdagangan tempatan, iaitu masyarakat yang tinggal di kota mendapatkan makanan dan barang pertanian dengan menukar barang kraf tangan dan perkhidmatan termasuklah kegiatan keagamaan. Kedua, perdagangan jarak jauh. Masyarakat dari kawasan tamadun yang berbeza bertukar-tukar barang dengan penduduk yang mempunyai bahan mentah, seperti logam, emas dan besi. Berlaku kegiatan perdagangan antara masyarakat Sumer dengan Mesir dan antara masyarakat Sumer dengan Mohenjo-Daro.



Ilustrasi menunjukkan kegiatan perdagangan pada zaman Mesir Purba.

2. Sistem Pemerintahan

Kerajaan telah dibentuk untuk mengurus pemerintahan kota yang berkembang pesat kesan daripada pembentukan bandar. Pada peringkat awal, pemerintahan negara-kota diketuai oleh pendeta tetapi kemudiannya raja mengambil alih peranan sebagai pemerintah. Raja telah dibantu oleh pegawai daripada golongan bangsawan dan pendeta memerintah negara-kota. Selain itu, bagi melicinkan urusan pentadbiran negara, undang-undang telah dibentuk.




Cerna Minda

Nyatakan ciri-ciri tamadun awal dunia.

3. Pembentukan Bandar

Perkembangan dalam bidang pertanian menyebabkan manusia mula membina petempatan kekal. Kewujudan petempatan kekal di sesebuah kawasan bermula dengan kampung. Apabila berlaku pertambahan penduduk, kawasan kampung berkembang dan disatukan membentuk bandar. Bandar mempunyai jumlah penduduk yang lebih ramai dan mempunyai pelbagai latar belakang. Antara ciri bandar termasuklah:

- Pelan susun atur bangunan dan petempatan yang tersusun. Rumah kediaman mempunyai kemudahan pergi, bilik mandi dan tandas.
- Kemudahan prasarana yang teratur dan sistematik seperti pasar, rumah ibadat dan kawasan kediaman.
- Pembinaan sistem perparitan dan pembetungan.
- Pembinaan kota untuk berlindung daripada serangan orang luar dan menjadi kawasan sempadan.



Gambaran sebuah bandar pada zaman Tamadun Indus.

Pada peringkat awal, bandar menjadi pusat kegiatan politik, ekonomi dan kebudayaan bagi kawasan sekitarnya. Kemudian, bandar berkembang menjadi institusi sosial dan ekonomi yang tersusun, yang menjadi asas kepada kelahiran tamadun awal dunia.

Bandar pertama dibina pada tahun 4,000 SM. Kota-kota utama pada peringkat tamadun awal ialah Ur dan Uruk berhampiran Sungai Tigris dan Euphrates, Memphis di Sungai Nil, Mohenjo-Daro di Sungai Indus dan Anyang di Sungai Huang He.

4. Pengkhususan Pekerjaan

Perkembangan pesat bandar telah meningkatkan jumlah penduduk. Hal ini secara tidak langsung telah mewujudkan pengkhususan dalam bidang pekerjaan. Terdapat lebih banyak peluang pekerjaan baharu, seperti pengutip cukai, jurutera yang mengawal sistem pengairan sungai, tentera, petani yang bekerja di sawah, dan mereka yang bekerja dalam bidang pentadbiran.

Kumpulan artisan pula menumpukan masa mereka dalam kerja mengukir, menempa besi dan tembikar. Selain itu, saudagar dan pedagang bertukar-tukar barang yang dihasilkan oleh golongan artisan.



Cerna Minda

Apakah peranan bandar dalam tamadun awal dunia?



Huraikan keperluan pengkhususan pekerjaan dalam tamadun awal.


5. Teknologi

Kemahiran dalam bidang teknologi oleh masyarakat tamadun awal telah menghasilkan penciptaan barang dan monumen serta hasil pertukangan. Hasil ciptaan ini telah memberikan keselesaan kepada masyarakat. Tamadun Mesopotamia terkenal dengan Taman Tergantung Babylon. Tamadun Mesir Purba pula terkenal dengan pembinaan piramid dan sfinks, manakala Tamadun Indus terkenal dengan pembinaan negara-kota Mohenjo-Daro. Penggunaan teknologi dalam pembuatan logam tembaga, gangsa dan besi pula menghasilkan peralatan seperti bajak untuk pertanian. Selain itu, penciptaan roda telah membantu penggunaan kereta kuda dan kereta lembu untuk tujuan mengangkut hasil pertanian dan perhubungan penduduk.

6. Organisasi Sosial

Dalam masyarakat Mesir Purba, kemunculan institusi dan golongan pekerja telah mewujudkan kelas sosial. Kelas sosial berasaskan jenis pekerjaan, kekayaan dan pengaruh. Pada peringkat tamadun awal, pemerintah, firaun, golongan agama dan golongan bangsawan berada pada kedudukan tertinggi dalam susunan masyarakat.

Golongan saudagar dan artisan berada dalam kelas kedua. Di bawah mereka ialah golongan petani dan pekerja yang tidak berkemahiran. Golongan hamba berada pada kedudukan paling rendah. Hamba terdiri daripada dua kumpulan, iaitu hamba perang dan hamba yang dijual.



Susunan struktur sosial pada zaman Mesir Purba.

(Sumber: Troy D. Allen. *The Ancient Egyptian Family: Kinship and Social Structure*, London: Routledge, 2003, hlm. 74)



Aktiviti

Lakonkan situasi kegiatan ekonomi masyarakat pada zaman Mesir Purba seperti gambar di atas.

7. Agama dan Kepercayaan

Masyarakat tamadun awal mempercayai banyak tuhan. Antara tuhan yang disembah termasuklah tuhan bulan, matahari, ibu dan sungai. Terdapat institusi agama yang mengurus upacara keagamaan, seperti korban binatang atau mempersempahkan makanan kepada kuasa roh. Dalam hal ini, tempat ibadat yang besar dibina sebagai tanda menghormati tuhan. Di Mesir misalnya, penduduk mempercayai kehidupan selepas kematian.



Lakaran daripada *Book of the Dead* yang menunjukkan orang yang mati bersama-sama isterinya memerhatikan penimbang keadilan sedang menimbang perlakuannya semasa hidup.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 15)

8. Tulisan dan Penyimpanan Rekod

Sistem tulisan mula lahir kira-kira 5,000 tahun lalu. Penciptaan tulisan penting bagi membezakan kehidupan Zaman Prasejarah dan sejarah. Kemudian, manusia mencipta sistem tulisan yang lebih baik menggunakan abstrak simbol bagi mewakili pelbagai bentuk idea. Kelahiran tulisan membolehkan manusia menyimpan rekod dan perkara penting tentang masyarakat dan diri mereka. Tulisan pertama menggunakan sistem piktograf atau simbol gambar.

Bentuk piktograf dalam tulisan kuneiform yang digunakan semasa Tamadun Mesopotamia.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 69)



Tulisan zaman Dinasti Shang pada tulang haiwan.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 7)



Cerna Minda

Apakah kepentingan tulisan kepada kehidupan manusia?

9. Kesenian dan Kesusasteraan

Masyarakat pada zaman tamadun awal melahirkan hasil sastera dan seni bina yang mengagumkan. Gaya dan teknik yang digunakan oleh artis menggambarkan setiap budaya tamadun masing-masing.

Artis menghasilkan ciptaan berupa patung dan lukisan tuhan dan dewa, pahlawan dan pemerintah. Apabila penggunaan tembaga meluas, patung-patung dicipta menggunakan tembaga.



Ciptaan ukiran pada gelas dengan kehalusan seni.

(Sumber: Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, *Tamadun Mesir*, Shah Alam: Karisma Pub., 2009, hlm. 84)



Aktiviti



Berdasarkan gambar tempat ibadat Hatshepsut, Luxor di sebelah, layari laman web secara berkumpulan dan jawab soalan yang berikut:

1. Apakah struktur binaan tempat ibadat ini?
2. Jelaskan peranan tempat ibadat kepada masyarakat pada ketika itu?



Ciri-ciri tamadun awal dunia

memaparkan kehebatan pencapaian tamadun-tamadun dalam semua bidang kehidupan. Hal ini adalah asas pencapaian tertinggi manusia sehingga digelarkan tamadun hebat. Kemajuan pemikiran menyumbang kepada hasil cipta idea dalam kalangan masyarakat untuk membina tamadun yang lebih tinggi. Hasil cipta telah membantu manusia membina kehidupan yang lebih baik terutamanya dalam pembinaan bangunan dan teknologi pertanian. Kewujudan tamadun awal dunia menjadi pencetus inovasi kepada masyarakat pada hari ini.



Kesimpulan



Mengenali Tamadun

Tamadun bermaksud pencapaian yang tinggi dalam semua aspek kehidupan yang meningkatkan kehidupan manusia menjadi lebih maju.



Konsep Tamadun

Konsep tamadun dalam Islam merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah. Konsep tamadun Barat pula merujuk kepada pembangunan lahiriah terutamanya dalam bidang kebudayaan seperti kesenian, penulisan, undang-undang dan perbandaran.



Ciri-ciri Tamadun Awal

1. Pertanian dan perdagangan.
2. Sistem pemerintahan.
3. Pembentukan bandar.
4. Pengkhususan pekerjaan.
5. Teknologi.
6. Organisasi sosial.
7. Agama dan kepercayaan.
8. Tulisan dan penyimpanan rekod.
9. Kesenian dan kesusasteraan.

Bab ini telah menjelaskan maksud tamadun, konsep tamadun dan ciri-ciri tamadun awal dunia. Apabila memahami perkara ini, kita dapat mengetahui lebih lanjut pembinaan tamadun yang dibina oleh masyarakat dahulu. Bab seterusnya pula akan membincangkan perkembangan tamadun awal dunia yang bermula di lembah sungai.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Perkataan “civitas” bermaksud
 - A. bandar
 - B. tatasusila
 - C. kesejahteraan
 - D. kemajuan rohani
2. Tamadun mengikut pandangan Islam ialah
 - I. pembangunan rohaniah
 - II. pembangunan lahiriah
 - III. kemajuan kebudayaan
 - IV. kehidupan yang makmur
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
3. Mengapakah kewujudan bandar dikatakan asas kepada kelahiran tamadun awal dunia?
 - A. Bermulanya sistem tulisan.
 - B. Pusat pembentukan keagamaan.
 - C. Tempat pembangunan sosioekonomi.
 - D. Kewujudan masyarakat bertatasusila.
4. Yang manakah tuhan yang disembah oleh masyarakat tamadun awal?
 - I. Tuhan batu
 - II. Tuhan bulan
 - III. Tuhan sungai
 - IV. Tuhan air
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
5. Bezakan konsep tamadun mengikut pandangan Islam dan Barat?
6. Tamadun dalam bahasa Yunani membawa maksud pencapaian yang tinggi dalam kehidupan, sains, industri dan sistem kerajaan. Bincangkan pernyataan ini.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

7. Terangkan ciri-ciri tamadun awal dunia.

Ciri-ciri tamadun	Penerangan
Pertanian dan Perdagangan	
Sistem Pemerintahan	
Pembentukan Bandar	
Pengkhususan Pekerjaan	
Teknologi	
Organisasi Sosial	
Agama dan Kepercayaan	
Tulisan dan Penyimpanan Rekod	
Kesenian dan Kesusasteraan	

8. Hubung kaitkan pembentukan bandar dengan sistem pemerintahan yang membawa kepada kemajuan sesebuah tamadun.
9. Bagaimanakah faktor alam semula jadi mempengaruhi perkembangan pembinaan tamadun manusia?



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Memahami tamadun membolehkan kita mengenali masyarakat yang bertamadun, iaitu masyarakat yang mengamalkan tatasusila dan kehidupan beradab. Oleh itu, kita perlu sentiasa berilmu dan beramal untuk kepentingan negara.
- Pengetahuan tentang pembentukan tamadun manusia mendidik kita supaya sentiasa berilmu dan berketerampilan seterusnya melibatkan diri dalam pembangunan negara.
- Kesungguhan manusia menggunakan kebijaksanaan untuk kelangsungan hidup bertamadun mendidik kita supaya menghargai sumbangan khazanah masa lalu.

Diri dan keluarga

Sikap menghormati pendapat sesama ahli keluarga amat penting supaya kesepakatan dapat dicapai demi kelangsungan dan kesejahteraan keluarga. Selain itu, kita perlu melengkapkan diri dengan pembangunan kerohanian.

Negara

Kita perlu sentiasa berusaha memupuk kesedaran cinta akan warisan negara. Bagi memupuk semangat ini, kita perlu sentiasa mengamalkan sikap berkerjasama dan saling bersefahaman sesama ahli masyarakat.



Putrajaya merupakan mercu tanda pembinaan tamadun negara kita yang hebat.

Tamadun Awal Dunia



Sinopsis

Tamadun Awal Dunia bermula di Mesopotamia, Mesir Purba, Lembah Indus dan Huang He. Keempat-empat tamadun ini terletak di kawasan lembah sungai yang mempengaruhi perkembangan setiap tamadun tersebut. Interaksi manusia dengan cabaran alam sekitar telah membawa kepada peningkatan cara hidup. Masyarakat dalam tamadun awal dunia ini membuktikan manusia mampu membina negara-kota dan hidup di bawah sistem berkerajaan yang menjadi asas kepada perkembangan tamadun manusia pada hari ini.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Mengenali empat lokasi pembentukan tamadun awal dunia.
2. Memahami sumbangan tamadun awal dunia.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang akan anda dapat?

1. Menerangkan kepentingan kepemimpinan dalam pembinaan sesuatu tamadun.
2. Menerangkan nilai yang boleh dipelajari daripada sumbangan tamadun awal.
3. Menjelaskan keperluan menghargai sumbangan tamadun awal dunia dalam kehidupan manusia.
4. Membincangkan kepentingan sumbangan tamadun awal sebagai pencetus inovasi.



Kuil Isis, Aswan, Mesir.

(Sumber: <http://www.egyptlandofeternity.com/images/philae/PhilaeTempleEgypt.jpg>
Dicapai pada 1 September 2016)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi, iaitu urutan waktu dan peristiwa sejarah berkaitan keempat-empat tamadun awal dunia.
2. Meneroka bukti lokasi keempat-empat tamadun awal dunia.
3. Membuat interpretasi sumbangan tamadun awal dunia terhadap masyarakat hari ini.
4. Membuat imaginasi tentang pembentukan tamadun awal.
5. Membuat rasionalisasi kepentingan lokasi tamadun awal dunia.

Pengenalan

Terdapat empat tamadun awal manusia di dunia, iaitu Tamadun Mesopotamia, Tamadun Mesir Purba, Tamadun Indus dan Tamadun Huang He (Hwang Ho). Keempat-keempat tamadun ini bermula dan berkembang di kawasan lembah sungai yang memainkan peranan penting dalam pembentukan tamadun awal dunia. Kepentingan sungai kepada manusia pada masa itu ialah membekalkan air bagi tanaman, membuat kawasan petempatan dan menjadi alat perhubungan. Lokasi keempat-empat tamadun tersebut dapat dilihat melalui peta di bawah.



Peta menunjukkan lokasi empat tamadun awal dunia.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 6)



Aktiviti



Berdasarkan gambar di atas, buat pembentangan berkumpulan dengan menjawab soalan di bawah:

1. Nyatakan kepentingan sungai pada masa ini.
2. Mengapakah kita perlu melestarikan sungai?
3. Cadangkan usaha untuk memelihara dan memulihara sungai.



Aktiviti

Hasilkan poster “Cintailah Sungai Kita” secara berkumpulan berdasarkan pelbagai sumber.



Cerna Minda

1. Nyatakan lokasi keempat-empat tamadun awal dunia.
2. Apakah kegunaan sungai kepada tamadun awal?

Perkembangan Empat Tamadun Awal Dunia

Tamadun Mesopotamia, Mesir Purba, Indus dan Huang He terletak di kawasan strategik, iaitu di lembah sungai yang menjadi faktor penting kepada perkembangan pesat keempat-empat tamadun ini.

Tamadun Mesopotamia

- Tamadun Mesopotamia merupakan tamadun terawal dunia yang terletak di barat daya Asia. Mesopotamia bermaksud tanah di antara dua sungai, iaitu Sungai Tigris dan Sungai Euphrates yang mengalir dari kawasan pergunungan Turki sehingga tanah pamah di Iraq.
- Tamadun ini telah berkembang dari petempatan awal Zaman Neolitik antara tahun 5,000 SM hingga 700 SM. Pada sekitar tahun 3,500 SM, wilayah Mesopotamia telah berkembang menjadi pusat tamadun awal.
- Terdapat beberapa kerajaan dalam tamadun ini. Antaranya termasuklah Sumeria, Babylon, Akkad, Chaldea dan Asyria.
- Kerajaan terawal ialah kerajaan Sumeria yang bermula pada tahun 3,500 SM dan kerajaan yang terakhir ialah Chaldea yang runtuh pada tahun 539 SM.
- Tamadun di Mesopotamia bermula di wilayah selatan, iaitu Sumer. Orang Sumeria telah berhijrah ke wilayah ini dan membina petempatan serta menjalankan aktiviti pertanian melalui kerja menebus guna tanah dengan membina sistem pengairan yang membolehkan mereka mengawal pengaliran air sungai. Mereka juga berjaya membina sistem perbandaran.


Ciri Utama Kerajaan Sumer



Cerna Minda

Bagaimakah masyarakat Mesopotamia mengawal pengaliran air sungai?

Di Lembah Sungai Tigris dan Sungai Euphrates, terdapat kawasan subur yang luas dalam oasis di tengah-tengah gurun dan gunung. Kawasan ini dipanggil Bulan Sabit Subur, iaitu terletak di antara Laut Mediterranean dan Teluk Parsi. Kawasan ini telah berkembang menjadi sebuah bandar yang besar. Struktur bandar ini dibina daripada tanah liat yang dijadikan bata. Tempat ibadat dibina di setiap pusat bandar. Binaannya berbentuk piramid yang dipanggil zigurat. Bagi tujuan pertahanan, dinding besar dibina mengelilingi setiap bandar.



Ilustrasi menunjukkan perbandaran Tamadun Mesopotamia.



Peta menunjukkan kawasan bulan sabit subur (*Fertile Crescent*).
(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 59)



Aktiviti: TMK

Layari Internet secara berkumpulan dan jawab soalan yang berikut:

1. Kumpulkan maklumat tentang kerajaan-kerajaan yang terdapat dalam Tamadun Mesopotamia.
2. Bagaimanakah Lembah Bulan Sabit menyumbang kepada perkembangan Tamadun Mesopotamia?



Apakah kelebihan Tamadun Mesopotamia?



Tamadun
Mesopotamia


Kajian Masa Depan

Petempatan awal yang berbentuk perkampungan ini berkembang secara evolusi kepada bandar dan seterusnya kepada beberapa buah negara-kota. Gambar di bawah menunjukkan pembentukan sebuah negara-kota dalam Tamadun Mesopotamia, iaitu Negara-Kota Ur. Negara-kota ini berperanan sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan. Penduduknya berjumlah 30,000 orang. Terletak di Sungai Euphrates berhampiran Teluk Parsi, Ur menjadi tempat pertemuan pedagang dari jauh seperti India.

Pada hari ini, kawasan Mesopotamia melibatkan Iraq, Syria, Turki dan Iran termasuk kawasan sempadan Turki-Syria dan sempadan Iran-Iraq.

Berdasarkan gambar Negara-Kota Ur, jawab soalan di bawah dengan membuat pembentangan secara berkumpulan:

1. Adakah bandar ini bandar terancang? Berikan pendapat anda.
2. Sekiranya anda diberikan peluang merancang bandar, lakarkan bandar masa depan.




Negara-Kota Ur.



Aktiviti



Kuil Isis, Aswan, Mesir terkenal dengan keindahan nilai estetika dan kesenian halus. Secara berkumpulan, buat perbandingan antara kuil Isis dengan bangunan kesenian yang mempunyai nilai estetika yang sama di Malaysia.



Tamadun Mesir Purba


Tamadun Mesir Purba terletak di kawasan lembah Sungai Nil. Sungai Nil merupakan sungai terpanjang di dunia dengan kepanjangan sejauh 6,650 kilometer. Piramid dan Firaun merupakan tinggalan terkenal tamadun ini. Terdapat tiga tahap pemerintahan kerajaan dalam tamadun Mesir Purba, iaitu kerajaan purba, kerajaan pertengahan dan kerajaan baru.

Mengapakah Mesir dikatakan Hadiah Sungai Nil?

Menurut Herodotus (484-432M), Mesir dikatakan Hadiah Sungai Nil (*The Gift of The Nile*) kerana Sungai Nil yang membanjiri kawasan sekitarnya setiap tahun membawa lumpur berwarna hitam yang subur untuk pertanian.

Kawasan yang subur ini terletak di Lembah Nil yang merupakan antara kawasan lembah yang terbesar di dunia. Sungai Nil juga membekalkan sumber makanan terutamanya ikan kepada penduduk selain menjadi sumber perhubungan dan pengangkutan terpenting. Kepentingan Sungai Nil mempengaruhi petempatan di kawasan ini yang kemudian berkembang menjadi negara-kota.

Tamadun
Mesir Purba



Petunjuk

- [Green Box] Kerajaan Purba
- [Pink Box] Kerajaan Pertengahan
- [Purple Box] Kerajaan Baru

Peta Sungai Nil dalam Tamadun Mesir Purba.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 14)

Kerajaan Purba

Petempatan terawal di Mesir Purba bermula dengan perkampungan petani pada tahun 5,000 SM. Perkampungan ini membentuk dua buah kerajaan. Kerajaan utara terletak di hilir Sungai Nil melibatkan kawasan Lembah Sungai Nil. Suhu kawasan ini lebih sejuk berbanding dengan di selatan. Kerajaan di selatan terletak di hulu Sungai Nil. Kawasan ini merupakan kawasan yang terbentang luas berhadapan dengan padang pasir.

Kedua-dua kerajaan Mesir Purba telah disatukan sekitar tahun 3,100 SM oleh Raja Mennes yang menawan kerajaan utara. Raja Mennes telah membuka bandar Memphis yang kemudian menjadi ibu kota kerajaannya. Perkembangan kerajaan purba mencapai kemuncak pada tahun 2,650 SM.

Kerajaan Pertengahan

Kerajaan kedua dikenali sebagai Kerajaan Pertengahan yang bermula sekitar tahun 2,100–1,650 SM. Pada zaman ini berlaku perkembangan bidang kesusastraan dan ukiran. Kerajaan Pertengahan meluas hingga selatan Sungai Nil.

Kekuatan raja telah membawa kestabilan dan kemakmuran ekonomi. Ibu kota kerajaan ini ialah Thebes. Pemerintahnya telah menggalakkan kegiatan perdagangan menggunakan jalan sungai. Kerajaan Pertengahan telah mengadakan hubungan perdagangan dengan Nubia yang terletak di bahagian selatan Mesir.

Para pedagang yang melalui jalan perdagangan Mesir menghadapi ancaman serangan penjahat. Raja Mesir bertindak menghantar tentera bagi melindungi pedagang, manakala penduduk Mesir membina kubu di sepanjang Sungai Nil. Mereka juga mengambil alih kuasa kota Nubia.

Kerajaan Baru

Kerajaan Baru muncul apabila golongan bangsawan memerintah Mesir. Pemerintahnya digelar Firaun yang telah membentuk pasukan tentera yang kuat bagi mematahkan serangan orang luar.

Raja yang terkenal semasa zaman Kerajaan Baru Mesir ialah Ramses. Ramses telah membina banyak monumen terkenal berupa berhala. Zaman kejatuhan kerajaan baharu Mesir bermula apabila Ramses II memerintah dari tahun 1,279 – 1,213 SM.



Cerna Minda

1. Nyatakan lokasi Tamadun Mesir Purba.
2. Apakah kelebihan Sungai Nil?



Aktiviti: TMK


Layari Internet dan kumpulkan maklumat tentang pemerintahan kerajaan baharu dalam Tamadun Mesir Purba secara berkumpulan.

Tamadun Indus

Tamadun Indus terletak di Lembah Sungai Indus, iaitu di bahagian barat laut dan utara India. Kawasan ini dikelilingi oleh Banjaran Makran, pergunungan Baluchistan, Punjab dan Rajasthan di bahagian timur, serta Kathiawar dan Gujarat di bahagian tenggara.

Tamadun ini bermula pada tahun 2,500 SM. Di bahagian barat laut India, terdapat penduduk yang mengamalkan kehidupan secara nomad. Mereka telah membentuk petempatan kekal di sepanjang Lembah Sungai Indus.

Lembah Sungai Indus mempunyai dua musim yang ekstrem. Musim hujan yang membawa banjir dan musim kering yang membawa kemarau. Kedua-dua musim ini menyebabkan tanaman musnah.



Peta menunjukkan kawasan Lembah Sungai Indus.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 21)



Cerna Minda

Di manakah terletaknya Tamadun Indus?



Bagaimanakah peningkatan hasil pertanian boleh menyebabkan pertambahan jumlah penduduk?

Banjir pula berlaku di luar jangkaan penduduk. Sungai kadangkala berubah arah aliran. Pusingan musim kering dan hujan pula tidak menentu. Cuaca kering dan keadaan kemarau ini menyebabkan kemusnahan tanaman. Hujan lebat yang berterusan menyebabkan berlakunya banjir yang memusnahkan kawasan petempatan.

Penduduk Lembah Sungai Indus bergiat aktif dalam pertanian. Mereka menanam pokok gandum, barli dan kapas. Dalam masa yang sama wujud kegiatan lain, seperti pembuatan barang daripada kapas dan besi. Hubungan perdagangan berlaku antara penduduk Lembah Sungai Indus dengan penduduk di bahagian selatan Mesopotamia. Kawasan ini kemudian berkembang menjadi bandar.



Tamadun
Indus



Binaan bangunan Mohenjo-Daro.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 33)

Terdapat dua buah bandar terancang terkenal yang dibina dalam tamadun ini, iaitu Mohenjo-Daro dan bandar Harappa. Pada masa ini, jurutera telah mencipta sistem paip dan pembentungan yang canggih. Menjelang tahun 1,750 SM, Tamadun Indus mula mengalami kemerosotan. Ahli sejarah berusaha mencari sebab kemerosotan tamadun ini.

Pada tahun 1970-an, ahli sejarah menemukan punca kemerosotan ini. Imej satelit menunjukkan terdapat pergerakan plat bumi yang menyebabkan berlakunya gempa bumi dan banjir. Selain itu, serangan orang Aryan mempercepat keruntuhan kerajaan Tamadun Indus.

Tahukah Anda?

Perancangan bandar Harappa membuktikan penduduknya telah mencapai tahap tamadun yang tinggi. Kotanya dikelilingi oleh dinding batu yang tebal sepanjang 4.8 kilometer. Dinding ini dibina bagi mengelakkan banjir. Di dalam kota dibina benteng bagi melindungi keluarga diraja.

Jalan raya dibina selebar 30 kaki. Dinding memisahkan daerah perumahan antara satu sama lain. Rumah pula pelbagai saiz, ada yang dibina setinggi tiga tingkat.

Aktiviti: TMK

Layari Internet dan dengan menggunakan pelbagai sumber, kumpulkan maklumat tentang Tamadun Indus dengan lebih lanjut.



Berdasarkan pelbagai sumber,uraikan keistimewaan bandar terancang Mohenjo-Daro.

Tamadun Huang He

Tamadun Huang He terbina di kedudukan dua sungai utama yang mengalir dari kawasan pergunungan di sebelah barat ke Lautan Pasifik. Sungai Huang He atau dikenali juga sebagai Sungai Kuning terletak di kawasan utara negara China, manakala Sungai Yangtze di bahagian tengah China mengalir ke timur hingga ke Laut Kuning. Huang He bermaksud Sungai Kuning yang menyimpan banyak lumpur kekuningan yang subur.

Seperti tamadun awal yang lain, sungai menjadi nadi utama dalam pembentukan Tamadun Huang He. Masyarakat awal China telah membina petempatan dan menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan binatang selain mengumpul hasil hutan dan berburu di sepanjang Sungai Huang He. Penduduk di kawasan ini turut menghadapi banjir disebabkan oleh limpahan air Sungai Huang He yang menenggelamkan keseluruhan kampung. Hal ini ditambah pula dengan kedudukan geografi tamadun ini yang terpencil, menyebabkan penduduk awal tamadun ini hanya dapat menghasilkan makanan sendiri dan tidak berdagang dengan orang luar.



(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 221)



Cerna Minda

1. Nyatakan lokasi Tamadun Huang He.
2. Nyatakan tiga buah kerajaan awal China.



Tamadun
Huang He

Tamadun Huang He telah bermula kira-kira 4,000 SM. Terdapat tiga kerajaan awal, iaitu Xia 2,205 – 1,766 SM, Shang 1,766 – 1,050 SM dan Zhou 1,050–256 SM. Perkembangan petempatan kerajaan awal ini telah melahirkan beberapa buah bandar Huang He, antaranya termasuklah Anyang. Bandar ini merupakan pusat kerajaan Dinasti Shang. Semasa Dinasti Zhou, tamadun ini tersebar hingga ke bahagian selatan Sungai Yangtze. Antara aktiviti utama tamadun ini selain pertanian termasuklah membuat tembikar, membina kapal, menghasilkan varnis, sutera, sulaman dan ukiran.

Kemajuan aktiviti pertanian dalam tamadun ini telah membawa kepada penghasilan ciptaan daripada kayu dan logam yang digunakan sebagai peralatan pertanian.



Sungai Huang He memacu perkembangan tamadun awal manusia di China.

(Sumber: <http://edugeography.com> Dicapai pada 1 September 2016)

Pembentukan tamadun awal dunia yang bermula di kawasan lembangan sungai telah berkembang menjadi bandar. Pertambahan jumlah penduduk menyebabkan kegiatan ekonomi yang berasaskan hasil pertanian berkembang dalam bidang lain. Pembukaan bandar telah mewujudkan sistem pemerintahan, sistem pentadbiran, sistem pengairan dan kegiatan perdagangan. Hal ini memakmurkan dan menjadikan kehidupan manusia bertambah baik.



Aktiviti: TMK

Layari Internet dan kumpulkan maklumat secara berkumpulan tentang keistimewaan Sungai Huang He.

Perbandingan Sumbangan Tamadun Awal

Empat tamadun awal dunia telah memberikan sumbangan besar kepada pemodenan kehidupan masyarakat pada hari ini. Peningkatan tamadun melalui reka cipta dalam pelbagai bidang telah meningkatkan nilai kehidupan manusia sejagat. Setiap tamadun awal dunia ini mempunyai kelebihan dalam bidang masing-masing. Hal ini dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah:

Perbandingan sumbangan tamadun awal yang penting

Aspek Tamadun	Tamadun Mesopotamia	Tamadun Mesir Purba
Pemerintahan dan Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> Negara-kota diperintah oleh raja. Negara-kota bersatu membentuk empayar yang pertama. Lahirnya undang-undang dikenali sebagai Kod Hammurabi. 	<ul style="list-style-type: none"> Firaun memerintah negara seperti kuasa tuhan. Raja berkuasa mutlak. Raja mempunyai pandangan kehidupan selepas mati. Mereka menghormati mayat untuk dikebumikan.
Kegiatan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Ekonomi ditadbir secara berpusat oleh golongan agama dan raja. Kerajaan menentukan jumlah tanaman dan bilangan petani. Wujud pekerjaan seperti pegawai, petani, jurukira dan hamba. 	<ul style="list-style-type: none"> Pertanian merupakan kegiatan utama. Majoriti penduduk ialah petani. Petani membayar sewa tanah kepada raja. Terdapat kegiatan perdagangan.
Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> Adanya sistem tali air. Reka cipta berasaskan gangsa. Ciptaan roda, sauh dan bajak. Sistem nombor berasaskan 60. Kalendar 12 bulan. Mencipta emas. Mencipta kertas daripada papirus. 	<ul style="list-style-type: none"> Kemajuan matematik dan geometri. Kemahiran dalam bidang perubatan. Pembinaan terusan dan pengairan. 365 hari dalam kalendar tahunan. Penciptaan kertas.



Zigurat merupakan tempat beribadat dalam Tamadun Mesopotamia.
(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 10)



Ilustrasi Taman Tergantung Babylon yang dibina pada abad keenam Sebelum Masihi.
(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 15)

Tamadun Indus	Tamadun Huang He
<ul style="list-style-type: none">Teraju pemerintahan dipegang oleh golongan pendeta.Golongan pendeta mempunyai pengaruh dalam bidang keagamaan dan pentadbiran.	<ul style="list-style-type: none">Sistem politik berasaskan negara-kota.Masyarakat dan keluarga merupakan unsur penting.Pembahagian kelas sosial.Kuasa raja datang dari syurga.Raja berkuasa dalam bidang ekonomi, politik dan agama.
<ul style="list-style-type: none">Sistem ekonomi bersepada yang berasaskan pertanian.Tanaman utama ialah gandum dan barli.Haiwan ternakan seperti lembu dan kambing.Terdapat kegiatan tenunan kain dan kerja logam.Kegiatan perdagangan berkembang.	<ul style="list-style-type: none">Tumpuan utama ialah pertanian sekoi dan tanaman padi.Tanaman utama ialah gandum dan barli.Haiwan ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan babi.
<ul style="list-style-type: none">Kota dibina mengikut grid yang tepat.Adanya sistem perparitan dan pembetungan.365 hari dalam kalendar tahunan.Penciptaan kertas.	<ul style="list-style-type: none">Hasil cipta sutera.Penciptaan peralatan daripada besi.Penciptaan wang syiling.Peningkatan pengangkutan jalan dan terusan.Penciptaan kompas magnetik.

Aspek Tamadun	Tamadun Mesopotamia	Tamadun Mesir Purba
Kesenian dan Kesusasteraan	<ul style="list-style-type: none"> • Tulisan dikenali sebagai kuneiform. • Penduduk menukilkan puisi. • Rekaan patung untuk mengingati pemimpin. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tulisan hieroglif. • Lakaran hasil kesenian terdapat: <ul style="list-style-type: none"> - di tembok batu sebagai lukisan dinding - di kawasan perkuburan
Binaan Bangunan dan Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> • Zigurat yang berfungsi sebagai rumah ibadat. • Taman Tergantung Babylon. 	<ul style="list-style-type: none"> • Piramid • Sfinks • Tempat ibadat



Sfinks.



Piramid dibina sebagai kawasan perkuburan raja Mesir. Ribuan pekerja terlibat dalam pembinaan piramid.

Tamadun Indus	Tamadun Huang He
<ul style="list-style-type: none"> • Adanya tulisan piktograf. • Penghasilan balang yang mempunyai ukiran geometri dan motif alam. 	<ul style="list-style-type: none"> • Adanya penulisan berasal daripada piktograf. • Hasil cipta puisi yang romantik. • Lirik diolah dalam pelbagai bentuk tradisi masyarakat. • Hasil kesenian dilukis pada tembikar.
<ul style="list-style-type: none"> • Kolam mandi besar. • Kota dibina mengikut grid yang tepat. • Jelapang • Sistem paip dan pembetungan. • Dewan perhimpunan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan seni bina monumen. • Bandar pertama dibina pada zaman Dinasti Shang. • Kajian ahli arkeologi mendapati istana dan tempat ibadat dibina di tengah-tengah bandar.



Sistem pembentungan dalam Tamadun Indus.



Kawasan Perkuburan Diraja Shang dalam Tamadun Huang He terdapat pelbagai objek yang diperbuat daripada gangsa.

Keempat-empat tamadun awal dunia mempunyai persamaan dan perbezaan dalam sumbangan terhadap perkembangan kehidupan manusia. Bahagian seterusnya akan memperincikan sumbangan tamadun awal dari aspek pemerintahan dan pentadbiran, kegiatan ekonomi, teknologi, serta kesenian dan kesusasteraan.

Pemerintahan dan Pentadbiran

Tamadun Mesopotamia Kerajaan Mesopotamia terkenal kerana mempunyai kerajaan yang kukuh di bawah pemerintah yang bernama Hammurabi. Hammurabi telah membina bangunan dan memperbaik sistem pungutan cukai serta meningkatkan kegiatan perdagangan. Usaha ini telah membawa kemakmuran kepada Empayar Babylon. Hammurabi juga terkenal kerana mewujudkan undang-undang yang dikenali sebagai Kod Undang-undang Hammurabi yang mengandungi kira-kira 282 perkara yang merangkumi hal perdagangan, kecurian, denda dan hukuman.



Kod Undang-Undang Hammurabi



Kod Undang-undang Hammurabi yang dipahat.



Tamadun Mesir Purba

Di Mesir Purba, raja dikenali sebagai Firaun yang berperanan membentuk kestabilan dan kemakmuran ekonomi. Firaun telah menggalakkan kegiatan perdagangan menggunakan jalan sungai. Apabila pedagang menghadapi ancaman serangan penjahat, raja Mesir telah bertindak menghantar tentera bagi melindungi pedagang. Langkah ini telah berjaya mewujudkan keamanan di Mesir Purba.

Tamadun Indus

Sistem pemerintahan Lembah Sungai Indus diterajui oleh golongan pendeta. Kajian yang dijalankan oleh ahli arkeologi menunjukkan tidak terdapat bukti kewujudan pemerintahan beraja di Lembah Sungai Indus. Oleh itu, golongan pendeta mempunyai pengaruh dalam bidang keagamaan dan pentadbiran.

Tamadun Huang He

Tamadun ini mementingkan peranan raja sebagai pemerintah yang membawa mandat daripada syurga. Sistem pemerintahannya berdasarkan kepada dinasti. Dalam kepercayaan masyarakat China, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada tuhan untuk memerintah.




Cerna Minda

1. Apakah peranan raja dalam Tamadun Mesir Purba?
2. Dari manakah raja dalam Tamadun Huang He mendapat mandat?

Kegiatan Ekonomi

Tamadun Mesopotamia

Kegiatan ekonomi atau pengkhususan pekerjaan berlaku apabila wujudnya lebahan hasil pertanian. Masyarakat yang sebelum ini bekerja sebagai petani telah bertukar pekerjaan menjadi peniaga, pedagang dan artisan. Aktiviti perdagangan telah meluas sehingga ke kawasan Lembah Indus. Terdapat pengusaha tekstil, barang tembikar dan alat keperluan harian. Selain itu, pertambahan penduduk menyebabkan peningkatan permintaan tukang rumah bagi pembinaan rumah.



Peta menunjukkan laluan perdagangan Mesir Purba.

(Sumber: Gloria K. Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 14)

Tamadun Indus

Pelbagai kegiatan ekonomi dijalankan seperti perdagangan, pertanian, pertukangan dan pembuatan. Aktiviti perdagangan turut dijalankan dengan pedagang dari Mesopotamia. Antara hasil perdagangan yang penting termasuklah emas, gading gajah, manik dan hasil pertanian. Petani pula menjalankan aktiviti bercucuk tanam terutamanya bagi tanaman makanan seperti barli dan kacang. Selain itu, terdapat penduduk menjadi artisan yang terlibat dalam penghasilan barang logam dan tembikar.



Bagaimakah masyarakat pada zaman tamadun awal melakukan kegiatan perdagangan?

Tamadun Mesir Purba

Wujud pengkhususan pekerjaan dalam bidang penenunan dan pembuatan barang tembikar dan peralatan harian. Eksport utama ialah tekstil dan kertas. Di samping itu, terdapat kegiatan perlombongan emas.

Sungai Nil yang lebar dan dalam membolehkan kapal-kapal dagang menyusurinya dan berlabuh di pelabuhan-pelabuhan seperti Thebes, Memphis dan Elephantine.

Tamadun Huang He

Dalam aspek ekonomi, tamadun ini telah memberikan banyak sumbangan. Masyarakat dalam tamadun ini juga amat prihatin terhadap pembangunan pertanian. Terusan dibina untuk mengairi kawasan pertanian. Pembangunan dalam pertanian juga membawa kemajuan dalam teknologi pembajakan dan penciptaan cangkul dan sabit. Petani juga menggunakan batas untuk tujuan penanaman.

Teknologi

Tamadun Mesopotamia

Sumbangan tertinggi masyarakat Sumer dalam Tamadun Mesopotamia ialah penciptaan tulisan, penciptaan roda, bidang perubatan, bidang astronomi dan bidang matematik. Tamadun ini menggunakan sistem nombor berasaskan 60. Mereka membahagikan masa kepada 60 minit. Mereka juga membahagikan bulatan kepada 360 darjah. Selain itu, mereka mencipta formula bagi mengira pelbagai bentuk geometri, bulatan dan segi tiga. Ahli-ahli astronomi Mesopotamia pula mencerap pergerakan bulan, planet dan bintang.



Tulisan kuneiform.

Tamadun Indus

Masyarakat Lembah Indus mencapai kebolehan mengukur sukanan panjang dan masa dengan tepat. Mereka merupakan masyarakat terawal yang mencipta sistem menyukat berat dan sukanan. Batu-bata yang dibina mengikut ukuran saiz yang tepat. Kebolehan lain yang dimiliki oleh masyarakat ini ialah mencipta tembaga, gangsa dan timah. Kemuncak pencapaian tamadun ini dapat dilihat melalui pembinaan bandar terancang di Mohenjo-Daro yang sistematik.



Bagaimakah ciptaan alatan pertanian dapat meningkatkan tamadun manusia?

Tamadun Mesir Purba

Masyarakat zaman Mesir Purba juga melakukan reka cipta sains dan teknologi. Hasil cipta yang terkemuka adalah dalam bidang astronomi, matematik, perubatan, bahasa dan seni bina. Masyarakat zaman ini merupakan antara masyarakat yang terawal menulis dan menyimpan rekod sesuatu peristiwa. Bentuk penulisan terawal dikenali sebagai hieroglif. Orang Mesir Purba menghasilkan kertas yang dipanggil papirus dan mencipta dakwat hitam. Tulisan di atas papirus adalah untuk menulis teks agama dan dokumen penting.



Tulisan hieroglif oleh masyarakat Mesir Purba.

Tamadun Huang He

Masyarakat Tamadun Huang He mencipta tulisan daripada lukisan. Selain itu, mereka mencipta alat-alat pertanian daripada kayu dan besi. Penghasilan alat pertanian banyak membantu petani dalam kegiatan pertanian, khususnya penanaman padi. Masyarakat tamadun ini juga terlibat dalam penciptaan benang sutera, mata wang syiling dan penciptaan kompas magnetik.

ox	goat, sheep	tree	moon	earth	water	field	heaven	to pray
Simbol purba	牛	羊	木	月	土	水	天	祝
Aksara moden	牛	羊	木	月	土	水	田	天

Perkembangan karektor tulisan China.

Kesenian dan Kesusasteraan

Tamadun Mesopotamia

Masyarakat pada zaman ini telah mula mengukir pada batu bagi merakamkan peristiwa yang berlaku.



Tulisan epik *Enuma Elish* yang menceritakan kisah Apsu dan Tiamat, iaitu kisah epik orang Babylon.

Tamadun Indus

Masyarakat pada zaman Tamadun Indus menghasilkan kerja logam terutamanya tembaga, gangsa dan batu permata. Ahli seni Tamadun Indus menghasilkan patung yang diperbuat daripada batu dan logam.



Penduduk zaman ini mempunyai kemahiran membuat patung.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 21)

Tamadun Mesir Purba

Masyarakat Mesir Purba mempunyai kebolehan menghasilkan hasil seni berbentuk lukisan yang terkenal di dunia. Lukisan terdapat pada dinding-dinding bangunan serta kuil.



Lukisan dinding yang menunjukkan raja Mesir sedang disapa oleh dewa wanita.

Tamadun Huang He

Masyarakat Tamadun Huang He juga berjaya mencipta puisi yang romantik dan lirik dalam pelbagai bentuk tradisi masyarakat. Kemahiran utama masyarakat Huang He ialah penghasilan tembikar.



Semasa kerajaan Dinasti Shang masyarakatnya telah menghasilkan hasil cipta yang diperbuat daripada tembaga.


(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 25)



Sumbangan tamadun awal memperlihatkan kemampuan manusia meningkatkan kemajuan dalam kehidupan. Perkembangan aktiviti pertanian di kawasan lembah sungai membawa kepada pembentukan bandar dan negara-kota yang lebih tersusun dan sistematik. Perkembangan ini menyumbang kepada kemajuan sistem pemerintahan, kegiatan ekonomi, teknologi, kesenian dan kesusasteraan termasuklah pembinaan monumen. Perkembangan tamadun awal ini mempengaruhi kehidupan manusia sehingga hari ini.



Kesimpulan



Kedudukan empat tamadun awal.

Membandingkan sumbangan tamadun awal dan sumbangan kepada kehidupan masyarakat hari ini

Perbandingan tamadun awal dunia dapat dilihat dari sudut pemerintahan dan pentadbiran, kegiatan ekonomi, teknologi, kesenian dan kesusteraan, serta binaan bangunan dan kemudahan. Setiap tamadun mempunyai keunikan dan sumbangan masing-masing.



Zigurat



Piramid



Ukiran gelas

Mengetahui Lokasi dan Perkembangan Tamadun Awal

Lokasi empat tamadun awal mempunyai persamaan, iaitu terletak di lembangan sungai. Tamadun Mesopotamia terletak di antara Sungai Tigris dan Sungai Euphrates. Tamadun Mesir Purba terletak di lembah Sungai Nil. Tamadun Indus pula berada di kawasan Sungai Indus, manakala Tamadun Huang He berada di Sungai Kuning.



Bab ini telah menjelaskan tentang lokasi empat tamadun awal yang memberikan sumbangan kepada tamadun dunia ini menunjukkan kepentingan alam sekitar dengan kehidupan manusia. Hal ini menjelaskan perlunya kita menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh masyarakat dahulu, khususnya dari segi menghargai sungai dan sumber alam. Sumbangan tamadun awal dunia ini menjadi inspirasi kepada perkembangan dan peningkatan tamadun manusia pada hari ini. Bab seterusnya akan membincangkan tentang peningkatan tamadun Yunani, Rom, India dan China.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Sungai Tigris Sungai Euphrates

1. Kedua-dua sungai di atas merujuk kepada tamadun
 - A. Mesopotamia
 - B. Mesir Purba
 - C. Indus
 - D. Huang He
2. Apakah kepentingan Sungai Nil kepada tamadun awal Mesir Purba?
 - I. Pelancongan
 - II. Pengangkutan
 - III. Sumber makanan
 - IV. Perluasan kuasa
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
3. Sumbangan terbesar Tamadun Indus kepada dunia ialah
 - A. roda
 - B. sistem tulisan
 - C. sistem kalender
 - D. perancangan bandar
4. Apakah kepentingan kepimpinan dalam pembinaan sesuatu tamadun?
5. Bincangkan sumbangan Tamadun Indus dalam aspek perancangan bandar.
6. Sejauh manakah tamadun awal di dunia memberikan sumbangan kepada kita dalam bidang teknologi?



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Ilustrasi berikut menggambarkan bandar terancang Mohenjo-Daro yang tersusun kemas.



Petunjuk

- | | | | |
|-----------------|-------------|-----------------|---------|
| 1 Sekolah | 2 Bilik air | 3 Stor simpanan | 4 Dewan |
| 5 Tempat Ibadat | 6 Tembok | 7 Terusan | |

7. Berdasarkan ilustrasi di atas:
 - (i) Bincangkan ciri-ciri penting bandar terancang Mohenjo-Daro.
 - (ii) Bincangkan sumbangan lain Tamadun Indus.
8. Bagaimanakah pembinaan terusan membantu kemajuan kegiatan pertanian Tamadun Huang He?
9. Bincangkan perkembangan kewujudan bandar semasa zaman tamadun awal dunia.



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Dengan mempelajari tamadun awal dunia, kita perlu sentiasa bersifat tabah dan berdaya tahan dalam menghadapi setiap cabaran untuk meneruskan kehidupan masa depan.
- Pengetahuan tentang kemunculan tamadun awal dunia mendidik kita supaya berbangga dengan tradisi dan budaya bangsa.
- Penghayatan terhadap warisan dan budaya kebangsaan akan membentuk sikap patriotisme dan sikap berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Diri dan Keluarga

Sentiasa meningkatkan pengetahuan dan keterampilan diri sebagai persediaan menghadapi cabaran yang mungkin datang. Antaranya termasuklah menambah baik kemahiran kendiri seperti kemahiran komunikasi.

Negara

Pengetahuan dan keterampilan diri amat penting untuk menjalinkan hubungan sosial dengan pelbagai pihak sama ada pada peringkat tempatan maupun antarabangsa. Sifat berdaya tahan dan berdaya saing akan dapat memastikan sumbangan kita kepada negara pada masa depan.



Penglibatan dalam Program Latihan Khidmat Negara dapat membentuk sifat daya tahan, daya saing dan daya juang yang tinggi untuk mempertahankan negara.

(Sumber: Jabatan Latihan Khidmat Negara)

Peningkatan Tamadun Yunani dan Rom



Sinopsis

Dalam bab terdahulu, kita telah membincangkan kemunculan dan perkembangan beberapa tamadun awal. Peningkatan pesat telah berlaku dalam pelbagai bidang dalam Tamadun Yunani dan Tamadun Rom. Kedua-dua tamadun ini mencapai pencapaian yang sangat baik dan cemerlang. Peningkatan ini berlaku dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran dalam Tamadun Yunani dan peningkatan bidang seni bina dalam Tamadun Rom.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Mengenal lokasi Tamadun Yunani dan Tamadun Rom yang menunjukkan peningkatan yang tinggi dalam pelbagai bidang.
2. Memahami peningkatan Tamadun Yunani dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran.
3. Memahami peningkatan tamadun Rom dalam aspek seni bina.



Colosseum, Rom, Itali.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menjelaskan kepentingan menghargai asas-asas amalan demokrasi.
2. Menerangkan kepentingan seni bina sebagai simbol kemajuan.
3. Menghuraikan kepentingan kerjasama masyarakat dalam pembinaan sesebuah tamadun.



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi tentang kewujudan Tamadun Yunani dan Tamadun Rom.
2. Meneroka bukti kecemerlangan Tamadun Yunani dan Tamadun Rom.
3. Membuat imaginasi tentang kreativiti dalam masyarakat Yunani dan Rom.
4. Membuat tafsiran tentang sumbangan Tamadun Yunani dan Tamadun Rom terhadap tamadun sejagat.
5. Membuat rasionalisasi terhadap peningkatan Tamadun Yunani dan Tamadun Rom berasaskan bukti sejarah.

Pengenalan

Tamadun Yunani yang berkembang antara tahun 1,000 SM hingga 800 SM merupakan pencetus kepada perkembangan tamadun Eropah. Zaman ini dilihat oleh masyarakat Eropah moden sebagai zaman yang memberikan inspirasi dan panduan kepada kehidupan manusia yang lebih baik menerusi pelbagai pencapaian dalam pemerintahan dan bidang pentadbiran melalui pengenalan sistem demokrasi, ekonomi, sains dan teknologi, kesusasteraan serta falsafah dan pendidikan.

Lokasi dan Perkembangannya

Tamadun Yunani berkembang di Semenanjung Greece dan pulau-pulau yang bertaburan di Laut Aegean serta Laut Mediterranean. Cuaca yang sederhana telah membolehkan kegiatan di luar rumah seperti perdebatan dan sukan giat dijalankan di Yunani. Selain itu, kedudukannya yang berhampiran dengan laut menyebabkan orang Yunani dikenali sebagai pelayar yang handal.

Tamadun Yunani terkenal dengan negara-kota atau *polis* yang merupakan gabungan tiga komponen, iaitu bandar utama, bandar kecil dan kawasan kampung. *Polis* bukan sahaja menjadi ibu kota tetapi menjadi pusat tumpuan masyarakat.

Di tengah-tengah *polis*, terdapat *acropolis*, iaitu pusat komuniti yang dilindungi oleh kubu. *Acropolis* merupakan lokasi yang paling strategik dari segi keselamatan, pentadbiran dan komunikasi yang dilengkapi dengan rumah ibadat, bangunan kerajaan, istana dan rumah golongan bangsawan. Terdapat juga kawasan lapang yang dikenali sebagai *agora* yang digunakan sebagai tempat pertemuan dan pasar awam.



Peta kedudukan negara-kota dalam Tamadun Yunani.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 151)



Acropolis di Athens.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 116)

Keadaan ini menyebabkan penduduk yang tinggal berhampiran dengan *acropolis* lebih aktif terlibat dalam urusan negara jika dibandingkan dengan penduduk yang tinggal jauh dari *acropolis*. Di luar kawasan *acropolis*, terdapat penduduk di kawasan kampung yang menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan.

Terdapat tiga *polis* yang terkenal dalam Tamadun Yunani, iaitu Athens, Sparta dan Corinth. Athens merupakan negara-kota yang paling ramai penduduk, manakala Sparta merupakan negara-kota yang paling luas.

Dua ciri utama *polis* ialah jumlah penduduk yang ramai dan keluasan wilayah. Penduduk Athens dianggarkan seramai 40,000 orang, Sparta 16,000 orang dan Corinth, 10,000 orang. Selain itu, terdapat perbezaan keluasan *polis*, seperti Sparta yang mempunyai keluasan 8,400 kilometer persegi, Athens seluas 2,650 kilometer persegi, dan Corinth seluas 880 kilometer persegi.

Bagi penduduk Yunani, setiap *polis* merupakan tanah suci kurniaan Dewa. Oleh itu, setiap warganegara mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menjaga kepentingannya. Sikap ini mendorong jalinan hubungan yang sangat rapat dalam kalangan setiap warganegara dan membangkitkan rasa kekitaan untuk mempertahankan negara-kota ini.



Agora di Corinth.



Cerna Minda

Nyatakan kepentingan *polis* kepada Tamadun Yunani.



Apakah perbezaan pembinaan pusat pentadbiran kerajaan pada masa kini dengan *polis* dalam Tamadun Yunani?

Peningkatan Pemerintahan dan Pentadbiran Tamadun Yunani

Demokrasi

- Demokrasi ialah pemerintahan yang dipilih oleh rakyat melalui pengundian.

Tirani

- Tirani ialah pemerintahan yang dikuasai oleh golongan yang zalim dan menindas rakyat.

Aristokrasi

- Aristokrasi ialah pemerintahan yang dikuasai oleh golongan bangsawan.

Oligarki

- Oligarki ialah pemerintahan yang dikuasai oleh sebahagian kecil golongan yang berkuasa.

Monarki

- Monarki ialah sistem beraja yang berdasarkan keturunan.
- Raja pula dibantu oleh Konsul yang terdiri daripada golongan bijak pandai.

Dalam Tamadun Yunani, aspek pemerintahan dan pentadbiran merupakan sumbangan terpenting dalam perkembangan sejarah dan tamadun manusia. Hal ini demikian kerana aspek ini diwarisi oleh generasi selepas Tamadun Yunani dan kekal sehingga kini. Terdapat lima sistem pemerintahan yang diamalkan di kebanyakan *polis*, iaitu monarki, oligarki, aristokrasi, tirani dan demokrasi. Setiap sistem mempunyai ciri tertentu dan berbeza antara satu sama lain.

Perkembangan Sistem Demokrasi di Athens

Bagi masyarakat di Athens, perkembangan sistem pemerintahan dan pentadbiran berlaku melalui perubahan yang dilaksanakan bagi memantapkan aspek tersebut. Tindakan ini telah memperlihatkan kemajuan politik penduduk Athens yang kemudiannya memilih sistem demokrasi sebagai sistem pemerintahan dan pentadbirannya. Amalan demokrasi di Athens menjadi ikutan dan diamalkan oleh kebanyakan negara moden hingga kini.


Sistem demokrasi di Athens melalui beberapa tahap perkembangan. Sebelum sistem ini diasaskan oleh Solon pada tahun 594 SM, Athens telah melalui sistem pemerintahan bercorak monarki, oligarki, aristokrasi dan tirani.

Sistem demokrasi yang diamalkan di Athens merupakan demokrasi langsung. Demokrasi langsung bermaksud setiap warganegara Athens terlibat secara langsung dalam perbincangan dan perdebatan bagi menentukan sesuatu dasar dan peraturan yang berkaitan dengan Athens,

termasuklah hal ehwal ekonomi, sosial dan politik.

Pada zaman pemerintahan Pericles (495-429 SM), penekanan diberikan kepada kuasa rakyat bagi memantapkan sistem demokrasi. Walau bagaimanapun, demokrasi menjadi lemah dan terhapus pada zaman Raja Philip yang menguasai Yunani pada tahun 338 SM.

Di Malaysia, sistem demokrasi dilaksanakan melalui pilihan raya yang memilih wakil-wakil rakyat. Sistem pilihan raya di Malaysia bermula pada tahun 1951 dan diamalkan sehingga kini.



Solon

(Sumber: Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, *Tamadun Greek*, Shah Alam: Karisma Pub., 2008, hlm. 14)



Pericles

(Sumber: Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, *Tamadun Greek*, Shah Alam: Karisma Pub., 2008, hlm. 12)



Amalan demokrasi di Athens.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 80)

Ciri-ciri Demokrasi di Athens

Dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran di Athens, badan tertinggi ialah Dewan Perhimpunan. Di bawahnya pula terdapat Majlis, Majistret dan Juri.




Keanggotaan dan fungsi badan pemerintahan dan pentadbiran di Athens

Dewan Perhimpunan yang diwujudkan di Athens merupakan badan pentadbiran yang paling tinggi. Di dalam dewan ini, setiap warganegara Athens boleh mengemukakan sebarang pandangan mereka berkaitan dasar-dasar pentadbiran yang dijalankan oleh pemerintah. Hal ini menimbulkan perasaan kebersamaan dalam kalangan warganegara Athens sehingga mereka sanggup mengorbangkan diri demi Athens.

Dewan Perhimpunan mempunyai kuasa kawalan terhadap pentadbiran dan menetapkan dasar-dasar yang akan dilaksanakan. Dewan Perhimpunan juga mempunyai kuasa untuk memutus dan mengeluarkan deklarasi peperangan. Tanpa deklarasi ini, Athens tidak akan terlibat dalam mana-mana peperangan.

Selain itu, Dewan Perhimpunan berfungsi sebagai mahkamah orang awam. Keadaan ini menyebabkan setiap warganegara yang mempunyai masalah boleh membuat aduan kepada Dewan Perhimpunan terutamanya kes-kes besar yang tidak dapat diselesaikan oleh badan pentadbiran yang lain.



Dewan Perhimpunan

Keanggotaan Dewan Perhimpunan:

1. Anggotanya terdiri daripada semua warganegara lelaki Athens.
2. Setiap warganegara berpeluang memegang jawatan selama enam bulan hingga setahun.
3. Bersidang sekurang-kurangnya tiga kali sebulan.
4. Semua warganegara dibenarkan menghadiri perhimpunan.

Aktiviti: Simulasi

1. Pilih seorang murid untuk menjadi pengurus bagi Dewan Perhimpunan.
2. Lakonkan situasi seperti perbahasan di dalam Dewan Perhimpunan.
3. Bahaskan tajuk, "Berperang dengan Sparta dapat mempertahankan kebebasan dan kedaulatan Athens".



4

Perjanjian dengan negara lain bagi melicinkan hubungan antarabangsa kedua-dua belah pihak.

5

Membincangkan hal kewangan dan percuakan bagi mengukuhkan ekonomi Athens.

6

Menerima duta dari negara asing bagi mengukuhkan hubungan antara kedua-dua pihak.


Majlis

Majlis merupakan jawatankuasa yang mengendalikan urusan dan perbincangan hal-hal penting yang berkaitan pemerintahan dan pentadbiran. Badan ini kadangkala dikenali sebagai Majlis 500.

Keanggotaan:

1. Ahli dilantik oleh Dewan Perhimpunan.
2. Ahli terdiri daripada 500 orang dengan keahlian selama dua tahun.
3. Ahli sebanyak 500 orang ini kemudiannya akan dipecahkan kepada 10 jawatankuasa (*Prytany*) yang setiap satu dianggotai oleh 50 orang.
4. Pemilihan pengurus dilakukan pada setiap kali persidangan diadakan.

Fungsi Majlis




Majistret

Majistret merupakan badan yang melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan. Majistret sama dengan perkhidmatan awam dalam sistem pentadbiran hari ini.

Keanggotaan:

1. Warganegara Athens.
2. Dianggotai 6,000 orang ahli.
3. Sebanyak 200 hingga 500 orang merupakan hakim.
4. Sebanyak 10 orang jeneral tentera menganggotai badan ini.

Fungsi Majistret



Juri

Juri merupakan badan yang bertanggungjawab dalam hal yang berkaitan dengan keadilan.

Keanggotaan:

1. Dianggotai oleh 101 hingga 1001 orang berdasarkan keseriusan kes yang sedang dibicarakan.
2. Perbicaraan diketuai oleh pengurus.

Fungsi Juri

Juri menjadi pemutus kepada sesuatu kes.

Pesalah akan merayu terus kepada warganegara.

Kuasa pengadilan terletak dalam tangan warganegara.

Tahukah Anda?

Pada zaman Athens, pengadilan terletak di tangan warganegara. Pesalah akan merayu secara terus kepada warganegara dan kes-kes kecil akan diselesaikan di mahkamah tempatan. Kes yang lebih besar akan diselesaikan di Mahkamah Athens.



Bandingkan sistem demokrasi di Athens dengan sistem demokrasi di Malaysia.

Pemerintahan dan Pentadbiran Sparta

Di Sparta, sistem pemerintahan dan pentadbiran bersifat monarki terhad. Terdapat dua orang raja yang memerintah Sparta bersama-sama bagi mengelakkan seorang daripada raja bertindak kejam. Kedua-dua raja datang daripada keluarga Euryponids dan Agiads.

Urusan pentadbiran raja dibantu oleh sebuah Dewan Perhimpunan dan Majlis. Dewan Perhimpunan mempunyai 10,000 orang ahli dan lima orang pegawai dilantik sebagai *ephors* yang berfungsi memastikan raja tidak memerintah secara mutlak. Majlis pula mempunyai 28 orang dewasa dan berusia melebihi 60 tahun. Keahlian Majlis seumur hidup.




Peta kedudukan Sparta.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 151)

Sebagaimana di Athens, kaum wanita di Sparta juga tidak terlibat dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan. Kehidupan masyarakat di Sparta berbeza daripada kebanyakan *polis* di Yunani. Di Sparta, penekanan diberikan kepada disiplin ketenteraan. Kanak-kanak seawal usia tujuh tahun dan kaum wanita akan dilatih menjadi anggota tentera. Kaum wanita turut menjalani latihan fizikal dan diajar berlari, bertinju, menari dan menyanyi di hadapan khalayak ramai. Malahan kaum wanita di Sparta tidak terkecuali daripada tugas mempertahankan negara. Dalam hal ini, Sparta boleh dikategorikan sebagai kerajaan ketenteraan.

Penekanan terhadap aspek disiplin dan taat setia kepada negara-kota menjadi asas perkembangan Sparta, malahan aspek ini tertanam kukuh dalam kalangan warganegara Sparta. Mereka sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatannya. Hal ini dibuktikan melalui siri perperangan antara Sparta dengan Persia antara tahun 490 SM hingga 449 SM. Pada tahun 480 SM, Sparta berjaya mengalahkan Persia dalam pertempuran di Salamis.

Penekanan kepada disiplin dan taat setia seperti ini boleh menjadi contoh kepada pembinaan negara Malaysia yang lebih cemerlang.



Tentera Sparta sedang berperang.



Disiplin ketenteraan amat penting di Sparta.

Sumbangan tamadun Yunani terutamanya dalam sistem demokrasi akan terus kekal dalam sejarah dan tamadun manusia. Sebagai pengasas demokrasi, kehidupan di Athens menekankan aspek kebebasan, hak warganegara dan pemikiran terbuka. Selain itu, negara-kota Sparta turut memberikan penekanan kepada disiplin ketenteraan dan semangat patriotik setiap warganegara, sama ada lelaki atau wanita dalam mempertahankan kedaulatan negara.



Cerna Minda

Apakah bukti masyarakat Sparta mementingkan disiplin ketenteraan kepada rakyatnya?


Pengenalan

Tamatun Rom merupakan kesinambungan daripada Tamadun Yunani kerana kedua-dua zaman ini sering kali dirujuk sebagai zaman klasik dalam sejarah Eropah. Beberapa ciri Tamadun Yunani seperti kebebasan pemikiran dan sikap ingin tahu menjadi asas yang penting dalam pembinaan Tamadun Rom dan Tamadun Eropah. Tamadun Rom muncul sebagai sebuah kuasa paling kuat di Mediterranean apabila berjaya mengalahkan pesaing-pesaing yang wujud, termasuklah Etruscan, Macedonia, Seleucid dan Mesir. Keadaan ini menyebabkan Rom berjaya membentuk sebuah empayar yang luas berpusat di Rom, Itali.

Lokasi dan Perkembangannya

Tamatun Rom terletak di Lembah Latium, berhampiran dengan Sungai Tiber. Lembah Latium merupakan kawasan subur yang membolehkan aktiviti pertanian giat dijalankan. Sungai Tiber pula menjadi sumber air utama kepada penduduk dan menjadi laluan utama untuk berlayar ke laut. Tamadun Rom boleh dibahagikan kepada tiga zaman, iaitu Zaman Beraja (753 – 509 SM), Zaman Republik (509 – 27 SM), dan Zaman Empayar (27 SM – 476 M). Tamadun Rom mencapai tahap kegemilangannya pada era Pax Romana (27 SM – 180 M). Pax Romana begitu penting kerana selama 200 tahun keamanan wujud dalam Tamadun Rom yang berkembang meliputi tiga buah benua, iaitu Asia, Afrika, dan Eropah.

Masyarakat dalam Tamadun Rom terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu kalangan *Patrician* atau atasan, *Plebian* yang terdiri daripada petani, artisan, peniaga dan golongan hamba. Tamadun ini mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang, seperti politik, ekonomi, sains dan teknologi, falsafah, dan pendidikan.



Peta Empayar Rom.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 165)

Peningkatan Seni Bina dalam Tamadun Rom

Pepatah ada menyebut:
“Rom tidak dibina dalam sehari”.

Rom mengalami perkembangan yang panjang sebelum mencapai kegemilangannya dalam berbagai-bagai bidang. Tamadun ini telah membuktikan keupayaan manusia untuk melahirkan ciptaan yang mengagumkan. Sumbangan yang ditinggalkan oleh tamadun ini bukan sahaja diwarisi oleh Tamadun Eropah tetapi oleh tamadun dunia yang lain.

Jika Tamadun Yunani terkenal dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran bercorak demokrasi, Tamadun Rom pula terkenal dengan kepakaran dalam bidang seni bina. Orang Rom bukan sahaja membina bangunan bersaiz besar dan mempunyai nilai estetika, tetapi setiap binaan mempunyai kegunaan yang khusus. Perkembangan bidang seni bina melibatkan bangunan, jalan raya, saliran air dan tempat mandi awam.

Binaan-binaan ini juga mempunyai ketahanan tinggi yang masih kekal hingga kini dan menjadi warisan sejarah yang tidak ternilai harganya. Kemajuan seni bina Rom didorong oleh pelbagai faktor seperti kepakaran, pendidikan, dasar pemerintahan, kewangan, teknologi, sumber alam dan buruh. Kemunculan arkitek, seperti Marco Vitruvius yang mengarang buku terkenal tentang seni bina, iaitu *On Architecture* pada tahun 46 SM membolehkan bidang seni bina Rom berkembang pesat. Sistem pendidikan yang praktikal dalam tamadun Rom turut memainkan peranan melahirkan golongan warganegara yang mahir dalam pelbagai bidang termasuklah seni bina.


Perkembangan pesat seni bina di Rom turut disokong oleh pihak pentadbir, seperti Marcus Visanius Agrippa (63-12 SM). Kerajaan juga memberikan bantuan kewangan agar projek yang dirancang dapat berjalan dengan lancar. Gabungan antara teknologi zaman Yunani dengan teknologi Rom, seperti penggunaan simen dan penekanan kepada aspek ketahanan dan nilai estetika, mempengaruhi bidang seni bina Rom.

Golongan buruh yang sebahagian besarnya terdiri daripada kalangan hamba juga memberikan sumbangan dalam perkembangan bidang seni bina di Rom.




Marco Vitruvius

Buku seni bina
On Architecture.




Marcus Visanius Agrippa



Tamadun Rom

Ciri-ciri Pembinaan Bangunan dalam Tamadun Rom

Seni bina Rom merupakan gabungan antara teknik seni bina yang diwarisi sejak zaman Yunani dengan inovasi yang dilakukan oleh orang Rom dengan menggunakan bahan binaan baharu serta reka bentuk yang kreatif. Gabungan ini membolehkan bangunan dan binaan dalam tamadun Rom mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang kekal sehingga kini. Seni bina Rom yang terkenal dan masih kekal hingga hari ini ialah Colosseum, Pantheon, amfiteater, akueduk, jalan raya, tembok pertahanan dan tempat mandi awam.



Keratan rentas Pantheon.

Colosseum

Colosseum merupakan binaan yang melambangkan keagungan Tamadun Rom yang dijadikan tempat mengadakan persembahan dan pertandingan bersaiz besar seperti acara gladiator. Struktur binaan Colosseum mempunyai ketinggian mencapai 50 meter panjang, lebar 156 meter dan luas keseluruhan bangunan kira-kira 2.5 hektar dengan kawasan arena seluas 85 meter x 54 meter yang mampu memuatkan 50,000 orang pada satu-satu masa. Colosseum mempunyai sistem pengurusan penonton yang setanding dengan stadium pada zaman moden. Terdapat 80 pintu masuk serta tempat duduk penonton yang dibina bertingkat-tingkat. Binaan ini dimulakan oleh Raja Vespius pada tahun 72 M dan diselesaikan oleh anaknya, Titus pada tahun 80 M.

Aktiviti



Colosseum

Layari laman web www.history.com/topics/ancienthistory/colosseum, jawab soalan yang berikut secara berkumpulan:

1. Jelaskan latar belakang pembinaan Colosseum.
2. Pada pendapat anda, mengapakah Colosseum mampu kekal hingga kini?

Pantheon

Binaan berkubah yang terbesar di dunia yang digunakan sebagai tempat penyembahan dewa-dewi masyarakat Rom. Pada awalnya, Pantheon dibina oleh Marcus Visanius Agrippa pada tahun 27 SM, namun musnah dalam kebakaran pada tahun 80 M. Pantheon dibangunkan semula oleh Maharaja Hadrian pada tahun 125 M.

Pantheon dibina dengan mengambil gaya binaan zaman Yunani terutama di bahagian hadapan yang mempunyai tiang yang kukuh. Atap Pantheon pula merupakan kubah bersaiz besar dengan diameter 43 meter. Dinding Pantheon pula dibina daripada batu-bata yang dilepa dengan simen. Puncak Pantheon mempunyai ruang terbuka yang dikenali sebagai *Oculus* berukuran 13 meter lebar yang membolehkan cahaya masuk menyinari ruangan dalam binaan ini.



Pantheon

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 76)

Tahukah Anda?

Simen merupakan bahan asas binaan dalam seni bina Rom yang diperbuat daripada campuran air, kapur dan abu gunung berapi yang dikenali sebagai *pozzolana*.



Cerna Minda



Gladiator

Nyatakan kemahiran yang diperlukan untuk menghasilkan seni bina yang mengagumkan.

Amfiteater

Binaan ini merupakan Colosseum mini atau sebuah gelanggang terbuka yang digunakan untuk membuat persembahan seni, pertunjukan dan gladiator. Amfiteater ini berbentuk lingkaran. Terdapat kira-kira 230 amfiteater yang dibina di seluruh empayar Rom dengan mempunyai pelbagai saiz dan kapasiti penonton yang berbeza. Amfiteater yang terkenal termasuklah amfiteater di El Djem, Tunisia yang boleh memuatkan 16,000 orang dan di Arles, Perancis yang boleh memuatkan 20,000 orang. Kewujudan binaan amfiteater di seluruh wilayah Rom menjadi bukti nyata tentang pengaruh dan cara hidup masyarakat zaman ini yang menggemari aktiviti di luar rumah.



Amfiteater

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 73)



Akueduk

Sistem perancangan dan pengawalan air yang sistematik yang melambangkan teknologi dan kejuruteraan Rom. Akueduk berfungsi membekalkan air ke rumah kediaman di sekitar bandar dalam empayar Rom. Air dari akueduk juga disalurkan ke tempat mandi awam dan binaan-binaan utama di Rom termasuklah ke Colosseum sewaktu acara *gladiator* diadakan. Akueduk pertama dibina di Aqua Appia pada tahun 312 SM dengan panjangnya 16 kilometer. Marcus Agrippa merupakan antara jurutera Rom yang bertanggungjawab membina akueduk, seperti Aqua Virgo yang dibina pada tahun 19 SM. Akueduk dibina berdasarkan kajian mendalam terhadap aspek mutu sumber air yang ada, aliran air dan lokasinya. Akueduk yang termasyhur ialah Pont du Gard di Perancis yang mempunyai tiga tingkat.



Akueduk

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 74)



Lakaran fungsi akueduk.

(Sumber: Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, *Tamadun Rom*, Shah Alam: Karisma Pub., 2008, hlm. 57)



Jalan raya Rom.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 78)

Jalan Raya Rom

Jalan raya mula dibina pada tahun 500 SM dengan tujuan untuk menghubungkan bandar-bandar utama bagi memudahkan pergerakan tentera serta sebagai sistem pengangkutan. Oleh sebab matlamat asas adalah untuk kegunaan tentera, jalan raya tersebut dibina secara berlapis-lapis dengan menggunakan batu besar, batu kecil dan batu kerikil supaya tahan dan kuat menahan beban serta pergerakan pasukan tentera. Luas jalan raya ini biasanya empat kaki (1.3 meter) tebal dan 20 kaki (6.7 meter) lebar. Terdapat batu tanda bagi menunjukkan jarak satu kawasan dengan kawasan lain. Di tepi jalan raya dibina longkang bagi mengalirkan air agar tidak bertakung di atas jalan raya.



Cuba Buat

Membina model jalan raya

Jalan raya di Rom dibina berlapis-lapis dan dapat bertahan selama ratusan tahun. Matlamat projek ini adalah untuk membina model jalan raya di Rom dan menunjukkan kepada murid lapisan tersebut.

Keperluan

1. Penutup atas kotak kasut
2. Gam
3. Pasir
4. Batu akuarium
5. Tanah liat
6. Batu licin




Ratakan gam pada seluruh penutup kotak kasut dan letakkan pasir di atasnya. Biarkan selama kira-kira 30 minit.



Letakkan gam pada $\frac{3}{4}$ pasir dan letakkan batu akuarium (kelikir yang boleh dibeli di kedai akuarium). Kemudian, letakkan gam di atas batu akuarium tersebut, dan tinggalkan dalam tempoh beberapa ketika supaya batu akuarium betul-betul kering.



Gunakan tanah liat bagi mewakili konkrit. Gaul supaya sebatи dan kemudian tuangkan di atas batu akuarium tersebut.



Ketika masih lembut, letakkan batu licin dan susun batu tersebut rapat-rapat.

Tembok Pertahanan

Pembinaan tembok pertahanan bertujuan untuk melindungi Tamadun Rom daripada serangan musuh. Tembok ini juga menjadi pemisah antara kawasan yang terletak di bawah kekuasaan Rom dengan kawasan yang bukan wilayah Rom. Seni membina tembok pertahanan telah bermula pada tahun 100 M dengan menggunakan batu yang disusun memanjang serta mencapai ketinggian sehingga lima meter. Selain itu, terdapat beberapa kubu kecil yang dikenali sebagai *milecastel* dalam jarak sebatu (1.6 kilometer) setiap satu. Kubu kecil ini menempatkan tentera yang mengawal tembok tersebut. Tembok yang terkenal ialah tembok Hadrian di Britain yang dibina pada tahun 122 M oleh Maharaja Hadrian. Panjang tembok ini ialah 117 kilometer dan setinggi lima meter.



Tembok Hadrian.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 78)

Tempat Mandi Awam

Orang Rom percaya mandi penting untuk kebersihan dan kesihatan serta melambangkan kehidupan bertamadun. Bagi memenuhi tuntutan tersebut, orang Rom membina tempat mandi awam yang boleh digunakan oleh setiap orang. Mereka yang hendak menggunakan akan dikenakan bayaran tertentu. Tempat mandi awam ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk tandas, ruang mandi, ruang untuk mengurut, perpustakaan, bilik berehat dan bersenam. Ruang mandi pula mempunyai bahagian yang berasingan, iaitu mandi air panas, sejuk, suam serta berwap. Antara tempat mandi awam yang terkenal termasuklah Caracalla di Rom yang didirikan pada abad ketiga Masihi oleh Maharaja Caracalla. Tempat mandi ini boleh memuatkan sehingga 1500 orang pada satu-satu masa.



Tempat mandi awam.

(Sumber: Gloria K.Fiero, *Landmark in Humanities*, New York: McGrawHill, 2006, hlm. 78)

Peningkatan dalam seni bina menunjukkan kemampuan dan kebolehan orang Rom menghasilkan binaan yang menonjolkan kebijaksanaan mereka. Binaan-binaan ini juga menunjukkan kebesaran dan keagungan Tamadun Rom. Kecemerlangan Tamadun Rom bukan sahaja ditunjukkan dalam bidang seni bina tetapi dalam bidang lain, seperti pentadbiran dan pemerintahan, ekonomi, ketenteraan, pertahanan, perundangan, pendidikan, sains dan teknologi. Sehingga hari ini, sebahagian daripada kecemerlangan Tamadun Rom boleh terus dinikmati dan kekal menjadi warisan dunia. Memahami dan mengetahui ketinggian tamadun boleh menjadi inspirasi kepada peningkatan penciptaan dan kemajuan di negara kita.





Kesimpulan



Dewan Perhimpunan di Athens.

Tamadun Yunani

- Pembentukan *polis* atau negara-kota merupakan ciri utama tamadun ini.
- Tamadun ini mempunyai lima corak pemerintahan, iaitu monarki, oligarki, aristokrasi, tirani dan demokrasi.
- Sistem pemerintahan di Athens berdasarkan demokrasi melalui penubuhan Dewan Perhimpunan yang meliputi Majlis, Majistret dan Juri.
- Sparta pula menekankan disiplin ketenteraan dan taat setia warganegara.

Tamadun Rom

- Perkembangan seni bina yang hebat berlaku dalam tamadun ini.
- Faktor keunggulan seni bina yang kekal lama, tahan dan kuat.
- Binaan seni bina yang mengagumkan, antaranya termasuklah Colosseum, Pantheon, amfiteater, akueduk, jalan raya, tembok pertahanan dan tempat mandi awam.



Akueduk di Pont Du Gard, Perancis.

Bab ini telah menjelaskan tentang peningkatan Tamadun Yunani dan Tamadun Rom. Kedua-dua tamadun ini telah menunjukkan tahap peningkatan yang begitu tinggi mutunya sama ada dari sudut gagasan maupun binaan fizikal. Ciptaan ini sebahagiannya bukan sahaja dapat dilihat tetapi juga menjadi inspirasi kepada perkembangan seni bina hari ini. Bab seterusnya akan mengkaji tentang peningkatan Tamadun India dan Tamadun China.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis



Mengapa dalam Tamadun Yunani berlaku perubahan pentadbiran seperti dalam rajah di atas?

- A. Memenuhi tuntutan rakyat.
 - B. Memansuhkan sistem tradisional.
 - C. Mengukuhkan sistem pemerintahan.
 - D. Memperkenalkan kepelbagai bentuk pentadbiran.
2. Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri Dewan Perhimpunan di Athens?
- I. Dianggotai oleh kaum lelaki.
 - II. Terdiri daripada 10 orang jeneral tentera.
 - III. Terdapat juri sebagai pemutus sesuatu kes.
 - IV. Bersidang sekurang-kurangnya tiga kali sebulan.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
3. Apakah bukti masyarakat Sparta mementingkan latihan ketenteraan?
- A. Semua rakyat mesti berjiwa patriotik.
 - B. Pemerintahannya diketuai dua orang raja.
 - C. Kaum wanita tidak terlibat dalam ketenteraan.
 - D. Anak lelaki dilatih dari awal untuk menjadi tentera yang baik.
4. Masyarakat Rom berjaya mengembangkan seni bina dalam pelbagai rupa disebabkan oleh pelbagai faktor.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah iktibar yang diperoleh daripada kejayaan masyarakat Rom?

- I. Kebolehan membina bangunan yang tahan dan kuat.
 - II. Kepakaran membangunkan seni bina.
 - III. Kekuatan pasukan tentera.
 - IV. Kemajuan dalam kesusasteraan.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Dalam Tamadun Rom, akueduk berperanan untuk ...
 - A. pertandingan pahlawan
 - B. persembahan
 - C. pertahanan
 - D. pengairan
6. Berdasarkan pengetahuan anda, gambarkan keadaan sebuah *polis* dalam Tamadun Yunani.
7. (a) Terangkan lima tahap perubahan sistem pemerintahan yang wujud di Athens sehingga munculnya sistem demokrasi.
(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah masyarakat Athens memilih untuk melaksanakan sistem demokrasi berbanding dengan sistem lain?
8. Jika anda diberikan pilihan untuk tinggal di Athens atau Sparta, yang mana satukah pilihan anda? Berikan alasan anda.
9. “Rom tidak dibina dalam sehari”. Hubung kaitkan pepatah ini dengan kejayaan yang dicapai oleh sekolah anda.



Pantheon, Rom, Itali.



Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

10. (a) Merujuk kepada kedua-dua gambar bangunan di atas, jelaskan ciri yang terdapat pada binaan tersebut.
(b) Pada pendapat anda, mengapakah ciri kedua-dua bangunan tersebut berbeza?



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Mempelajari kejayaan dan kemajuan Tamadun Yunani dan Tamadun Rom mendorong kita supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang demi kesejahteraan masyarakat dan negara.
- Nilai-nilai demokrasi yang diasaskan sejak zaman Tamadun Yunani mendidik kita agar menjunjung tinggi dan sanggup mempertahankan nilai tersebut yang menjadi asas penting dalam pembentukan negara kita.
- Mempelajari Tamadun Yunani dan Tamadun Rom boleh melahirkan semangat patriotisme untuk membangunkan negara Malaysia.

Diri dan Keluarga

Kita perlu memahami bahawa kejayaan diri dan keluarga hanya akan dapat dicapai dengan usaha dan kerajinan yang bersungguh-sungguh.

Negara

Kemajuan dan kesejahteraan negara hanya akan dapat dicapai sekiranya setiap warganegara menjunjung tinggi adat resam, demokrasi dan menghormati undang-undang negara.



Parlimen merupakan tempat persidangan ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Negara bagi menyusun atur strategi membangunkan negara.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)



Hidup harmoni pelbagai kaum dalam suasana yang aman dan sejahtera dapat dinikmati dalam sebuah negara demokrasi.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)

Peningkatan Tamadun India dan China



Sinopsis

Selain Tamadun Yunani dan Tamadun Rom, dua lagi tamadun utama ialah Tamadun India dan Tamadun China. Kedua-dua tamadun ini juga telah mencapai tahap kegembilan yang tinggi dalam pelbagai bidang. Dalam Tamadun India, peningkatan tamadunnya ketara dalam aspek penyebaran kuasa dan agama. Kemunculan Dinasti Nanda, Maurya dan Gupta dalam Tamadun India membuktikan bahawa dasar pemerintahan yang baik bukan sahaja akan membentuk kerajaan yang luas, malahan menjadi asas kepada keagungan sesebuah tamadun. Dalam Tamadun China, peningkatan dalam bidang pendidikan telah menjadi warisan kekal tamadun tersebut. Dinasti Qin dan Dinasti Han menjadi penggerak utama kegembilan Tamadun China yang dipengaruhi oleh dasar pentadbiran yang berkesan. Pencapaian tinggi oleh kedua-dua tamadun ini terus menjadi warisan sehingga kini.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Mengenal lokasi peningkatan Tamadun India dan Tamadun China.
2. Memahami peningkatan Tamadun India dalam aspek perluasan kuasa.
3. Memahami peningkatan Tamadun China dalam aspek pendidikan.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapat?

1. Merumuskan kepentingan pendidikan sebagai agen perubahan kepada kemajuan negara.
2. Menghuraikan kepentingan kerjasama dalam pembinaan sesuatu tamadun.
3. Menjelaskan kepentingan pemerintah yang baik sebagai satu cara peningkatan tamadun.

Tiang Asoka dalam Tamadun India.



Sistem peperiksaan awam dalam Tamadun China.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 230)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapat:

1. Memahami kronologi dan peristiwa sejarah yang berlaku dalam Tamadun India dan Tamadun China.
2. Meneroka bukti tentang keunggulan Tamadun India dan Tamadun China berdasarkan peningkatan tamadun mereka.
3. Membuat interpretasi tentang aspek perluasan kuasa dalam Tamadun India dan aspek pendidikan dalam Tamadun China.
4. Membuat imaginasi tentang kehidupan masyarakat dalam Tamadun India dan Tamadun China.
5. Membuat rasionalisasi terhadap tindakan pemerintah India dan pemerintah China dalam usaha meningkatkan kemajuan tamadun mereka.

Pengenalan

Tamadun India merupakan tamadun yang setanding dengan Tamadun Mesopotamia, Tamadun Mesir dan Tamadun China. Tamadun India telah mengalami peningkatan yang sangat mengagumkan dalam pelbagai bidang seperti pemerintahan, perluasan kuasa, ekonomi, kebudayaan, teknologi dan keagamaan. Pencapaian inilah yang meletakkan Tamadun India antara tamadun terunggul di dunia.

Lokasi dan Perkembangannya


Selepas Tamadun Indus berakhir, berlaku perubahan dalam perkembangan Tamadun India. Perkembangan ini berlaku apabila pusat tamadun beralih ke Lembah Ganges. Peralihan ini menandakan bermulanya tahap baharu dalam Tamadun India yang sebelumnya berpusat di Lembah Indus. Perubahan ini merupakan tahap kedua dalam Tamadun India dan menjadi asas penting kepada perkembangan dalam tamadun tersebut.

Perkembangan yang berlaku di sekitar Lembah Ganges membawa kepada kemunculan kerajaan-kerajaan kecil yang dikenali sebagai *janapada*. Kerajaan-kerajaan ini kemudian membentuk kewujudan kerajaan yang lebih besar yang dikenali sebagai *mahajanapada*.


Magadha yang terletak di timur laut India muncul sebagai kuasa penting yang berjaya menguasai kerajaan lain di India, antara tahun 540 – 490 SM. Kejayaan ini dikaitkan dengan kedudukan Magadha yang strategik di Lembah Ganges yang membolehkannya mengawal laluan perdagangan utama di Sungai Ganges.

Kemunculan Magadha memainkan peranan penting dalam tahap perubahan sistem politik di India melalui perluasan kuasa dan menjadi asas kepada kewujudan kerajaan-kerajaan lain, seperti Dinasti Nanda, Maurya dan Gupta.

Ketiga-tiga dinasti ini berjaya menonjolkan kehebatan memperluas kuasa sehingga membentuk kerajaan dan empayar yang luas.



Peta menunjukkan kerajaan-kerajaan *Mahajanapada*.



Peta Magadha.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 212)




Pada pandangan anda, mengapakah Lembah Ganges memainkan peranan penting dalam perkembangan Tamadun India?

Perluasan Kuasa dalam Tamadun India

Kemunculan pelbagai kerajaan dalam Tamadun India menyebabkan wujudnya persaingan antara kerajaan untuk memperluas kuasa masing-masing. Perluasan kuasa bermaksud usaha yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan atau raja bagi menguasai dan memperluas pengaruh di sesebuah kawasan atau usaha untuk mengatasi pihak lain. Pada permulaannya, perluasan kuasa dilakukan secara fizikal. Namun begitu, cara perluasan kuasa ini telah berubah kepada perluasan secara keagamaan demi memastikan kesejahteraan dan perdamaian wujud dalam Tamadun India.

Faktor Perluasan Kuasa

Terdapat pelbagai faktor perluasan kuasa yang saling berkait. Faktor tersebut termasuklah kekuatan ketenteraan, dasar pemerintahan, sumber manusia, diplomasi keagamaan dan kewangan.



Bentuk Perluasan Kuasa


Terdapat dua bentuk perluasan kuasa dalam Tamadun India, iaitu perluasan fizikal dan perluasan keagamaan.

1. Fizikal

Perluasan fizikal bermakna perluasan kuasa yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan dengan menguasai wilayah-wilayah lain. Sebuah kerajaan mampu membentuk sebuah empayar dengan menguasai kerajaan-kerajaan lain. Selain itu, perluasan kuasa dapat dilaksanakan apabila sesebuah kerajaan mengakui taklukan dan akan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan yang menang dan lebih berkuasa.

Dalam aspek ini, kekuatan ketenteraan dan disiplin pasukan tentera merupakan syarat yang paling penting. Selain itu, dasar yang diambil oleh seseorang raja menjadi faktor perluasan kuasa ini dilaksanakan.

Dalam Tamadun India, perluasan fizikal dapat disaksikan dalam perkembangan Dinasti Nanda (345 SM – 321 SM), Dinasti Maurya (322 SM – 185 SM) dan Dinasti Gupta (320 M – 550 M). Ketiga-tiga dinasti ini merupakan pemerintahan yang telah mencapai tahap tinggi dalam perluasan kuasa ini. Gabungan antara kekuatan ketenteraan dan dasar pemerintah membolehkan ketiga-tiga dinasti membentuk sebuah empayar yang luas di India.



Peta Dinasti Nanda.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 212)

Ketika zaman Dinasti Nanda, perluasan kuasa dilakukan dengan kekuatan ketenteraan. Pasukan tentera zaman ini mempunyai 20,000 kavalri, 200,000 infantri dan 3,000 tentera bergajah.

Empayar Nanda menganjur dari wilayah Bengal di sebelah timur India hingga ke Punjab di sebelah barat serta wilayah Deccan. Pataliputra (Patna hari ini) merupakan pusat pemerintahan empayar ini.



Glosari

Dinasti: pemerintahan raja yang berasal daripada satu keturunan.

Empayar: wilayah yang luas yang berada di bawah satu pemerintahan.

Infantri: tentera berjalan kaki.

Kavalri: tentera berkuda.



Tamadun
India

Kekuatan ketenteraan juga menjadi asas perluasan kuasa zaman Dinasti Maurya, terutamanya ketika zaman pemerintahan Chandragupta Maurya dan Asoka. Kedua-dua pemerintah ini berjaya membentuk sebuah empayar yang luas yang meliputi wilayah Bengal di sebelah timur hingga Hindu Kush di sebelah barat. Pusat pemerintahan juga terletak di Pataliputra.

Usaha perluasan kuasa pada zaman Chandragupta Maurya sangat bergantung pada kekuatan ketenteraannya dengan memiliki 9,000 tentera bergajah, 30,000 kavalri dan 600,000 infantri.



Peta Dinasti Maurya.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 212)



Chandragupta Maurya.

Setelah memegang kuasa, Asoka berusaha menguasai kawasan-kawasan yang belum lagi ditakluki di bawah kekuasaan Maurya. Antara kawasan yang masih belum dikuasai termasuklah Kalinga.

Kalinga berjaya dikuasai, namun jumlah nyawa yang terkorban begitu besar. Seramai 150,000 orang telah kehilangan harta benda dan 100,000 orang telah terbunuh. Keadaan ini telah memberikan kesedaran kepada Asoka. Pemerintahannya berubah menjadi lebih toleran dan bertanggungjawab.



Mengapakah kekuatan tentera menjadi ciri penting untuk meluaskan kuasa?

Perluasan kuasa pada zaman Gupta diterajui oleh Chandragupta I yang memerintah antara tahun 320 M – 335 M. Pataliputra turut dijadikan pusat pemerintahan dinasti ini.

Chandragupta I telah menjadikan ketenteraan sebagai kaedah untuk memperluas kuasa hingga mampu menguasai kawasan yang luas menganjur dari Punjab hingga Bengal.




Cerna Minda

Merujuk kepada peta zaman Dinasti Nanda, Maurya dan Gupta, mengapa Pataliputra dipilih sebagai pusat pemerintahan ketiga-tiga dinasti ini?

2. Keagamaan

Perluasan kuasa dengan menggunakan kaedah keagamaan dan kemanusiaan berbeza daripada fizikal kerana kaedah ini tidak bergantung pada sempadan wilayah yang tetap, sebaliknya merentas sempadan. Penekanan kepada aspek keagamaan membolehkan nama Dinasti Maurya terutamanya zaman Asoka begitu dikenali di serata dunia. Selepas Perang Kalinga, Asoka menghentikan sebarang usaha perluasan secara fizikal, sebaliknya menumpukan kepada pengembangan agama Buddha. Bagi mengukuhkan pembinaan negara, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dalam pemerintahannya telah diukir pada tiang batu yang diletakkan di kawasan strategik. Tiang ini dikenali sebagai Tiang Asoka.



Peta penyebaran agama Buddha.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 214)



Peta Dinasti Gupta.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 212)

Di bawah naungan Asoka, misi pengembangan agama Buddha telah giat dilakukan. Misi tersebut telah dihantar ke Tibet, Nepal, Alexandria, Antioch, Bactria dan Burma. Misi penyebaran agama Buddha ke Sri Lanka diketuai oleh Mahendra, sementara ke Asia Tenggara oleh Sona dan Uttara.

Ketika zaman Gupta pula penekanan diberikan kepada agama Hindu hingga agama ini mengalami perkembangan yang sangat pesat. Pemerintah Gupta menekankan hal-hal berkaitan kebudayaan, kesusasteraan, seni bina, perdagangan dan pemerintahan yang berasaskan kepada agama Hindu. Raja Samudragupta (335 M - 376 M) meminati puisi-puisi berbentuk keagamaan hingga menyebabkan beliau dikenali sebagai *Kaviraja* (raja penyair). Penekanan kepada agama Hindu dalam dinasti ini membolehkan zaman Gupta dikenali sebagai zaman keemasan dalam agama Hindu.

Tahukah Anda?

Perluasan kuasa secara fizikal dan keagamaan telah memasyhurkan lagi Tamadun India. Sungguhpun demikian, terdapat pelbagai aspek lain yang turut membolehkan Tamadun India menjadi antara tamadun terunggul di dunia ketika itu. Antaranya termasuklah:

- Buku *Arthashastra* ditulis oleh Kautilya yang berkaitan sistem pemerintahan dan ketenteraan zaman Maurya.
- Lukisan gua di Ajanta dan Ellora yang menunjukkan kepentingan kesenian dalam Tamadun India.
- Kepesatan perdagangan sama ada melalui laluan daratan mahupun laluan maritim menyebabkan Tamadun India berkembang.
- Penggunaan wang syiling emas ketika zaman Gupta menunjukkan kemewahan kerajaan tersebut.



Aktiviti



Berdasarkan gambar di sebelah, hasilkan poster yang mengandungi maklumat yang berikut:

1. Fungsi Tiang Asoka.
2. Tujuan Tiang Asoka diletakkan di kawasan tumpuan ramai.



Tamadun India



Aktiviti

Lakarkan peta minda yang menunjukkan cara pemerintah Tamadun India mengukuhkan tamadun mereka.



Glosari

Zaman keemasan: pencapaian atau kemajuan besar dan tertinggi dalam bidang tertentu yang dicapai oleh sesebuah pemerintahan.

Tamadun India berjaya menunjukkan peningkatan melalui perluasan kuasa secara fizikal dan keagamaan yang mempengaruhi kesinambungan pemerintahan untuk jangka masa yang lama. Kematian dan kemusnahan yang besar kesan daripada perluasan kuasa secara fizikal, menyebabkan pemerintah mengubah perluasan kuasa kepada penyebaran keagamaan. Jelaslah bahawa keamanan amat penting dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, kita hendaklah menanamkan sikap menghargai keamanan dan bekerjasama dalam pembinaan sesebuah tamadun.

Pengenalan

Sebelum ini, kita telah pun mempelajari peningkatan yang berlaku dalam Tamadun India melalui perluasan kuasa. Tamadun China juga telah menunjukkan peningkatan yang begitu mengagumkan dalam pelbagai bidang, iaitu pemerintahan dan pentadbiran, sistem ekonomi, teknologi, intelektual dan pendidikan. Aspek pendidikan mengalami peningkatan yang pesat semasa zaman pemerintahan Dinasti Qin dan Dinasti Han. Pendidikan menjadi asas penting dalam kemajuan yang dicapai oleh Tamadun China hingga membolehkannya menjadi antara tamadun teragung di dunia.

Lokasi dan Perkembangannya

Tamadun China pada era peningkatan ini masih lagi muncul di sekitar Lembah Sungai Huang He. Kawasan yang subur serta kedudukannya yang strategik menjadikan Lembah Sungai Huang He sebagai kawasan yang sesuai untuk dijadikan pusat kerajaan seperti pada zaman Dinasti Qin dan Dinasti Han.

Ketika ini, Dinasti Qin muncul sebagai kerajaan paling utama di China semasa pemerintahan Raja Zheng yang kemudiannya memakai gelaran Maharaja Shi Huangdi. Kerajaan ini berpusat di Xianyang. Dinasti ini wujud antara tahun 221 SM hingga tahun 206 SM dan mempunyai wilayah yang luas meliputi bahagian utara sehingga ke Gurun Gobi dan selatan China bersempadan dengan Vietnam.

Maharaja Shi Huangdi merupakan pemimpin Dinasti Qin yang bertanggungjawab menyatukan China. Kestabilan dalam bidang politik yang wujud pada zamannya telah membolehkan peningkatan berlaku dalam bidang ekonomi dan sosial.



Peta Empayar Dinasti Qin.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 224)



Ilustrasi Maharaja Shi Huangdi.



Shi Huangdi

Dinasti Qin digantikan oleh Dinasti Han antara tahun 206 SM hingga tahun 220 M. Dinasti ini diasaskan oleh Liu Bang yang kemudiannya memakai gelaran Maharaja Gaozu. Dinasti ini membentuk empayar yang luas meliputi utara China, sempadan Vietnam di selatan dan bahagian utara Korea di sebelah timur serta Turkestan di bahagian barat. Dinasti ini terbahagi kepada dua tahap, iaitu Han Awal antara tahun 206 SM hingga tahun 8 M dan Han Akhir antara tahun 25 M hingga tahun 220 M. Ketika zaman Han Awal, pusat pemerintahan terletak di Chang'an, manakala pada zaman Han Akhir, pusat pemerintahan terletak di Loyang.

Dinasti Han telah menunjukkan peningkatan dalam bidang perdagangan melalui pembukaan Laluan Sutera, bidang pentadbiran dan bidang sosial ketika zaman pemerintahan Maharaja Han Wu Di yang memerintah antara tahun 140 SM – 87 SM. Laluan Sutera merupakan laluan perdagangan daratan yang terpanjang di dunia melibatkan China hingga empayar Rom. Dinasti Han juga terkenal kerana melaksanakan sistem pemilihan pegawai perkhidmatan awam sebagai sebahagian daripada perkembangan dalam sistem pendidikan.



Ilustrasi Maharaja Han Wu Di.




Tamadun
China



Peta Empayar Dinasti Han.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 224)

Tahukah Anda?



Peta Laluan Sutera.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 223)

Perkembangan Pendidikan dalam Tamadun China

Pendidikan di China telah bermula sejak zaman Dinasti Shang dan berkembang ketika zaman Dinasti Zhou. Pada masa itu, terdapat ramai ahli falsafah seperti Konfusius yang menjadi perhatian masyarakat. Konfusius hidup dari tahun 551 SM hingga tahun 479 SM. Karya beliau yang paling terkenal ialah *Lun Yu* atau *Analects*. Ajaran Konfusianisme terus kekal sehingga hari ini.



Pendidikan dalam Tamadun China.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 230)



Konfusius

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 225)



Han Fei Zi

Pada zaman Dinasti Qin, pendidikan menekankan aspek pemahaman perundungan yang diasaskan oleh Han Fei Zi yang mengutamakan ketegasan undang-undang bagi mengawal tingkah laku manusia. Sistem pendidikan juga menjadi lebih tersusun apabila Maharaja Shi Huangdi menyeragamkan sistem tulisan.




Cai Lun

Pada zaman Dinasti Han, sistem pendidikan diperkuuh melalui penubuhan sekolah tinggi di Chang'an. Penekanan diberikan kepada pembelajaran ajaran Konfusianisme yang diikuti dengan penubuhan sekolah yang sama pada peringkat daerah dan wilayah.

Sistem pendidikan semakin bertambah baik dengan adanya teknologi pembuatan kertas daripada campuran kulit pokok, serpihan rami kain, dan jaring oleh Cai Lun. Kejayaan ini telah meningkatkan pendidikan di sekolah apabila kertas tersebut digunakan secara meluas.

Matlamat Sistem Pendidikan

Kepentingan pendidikan dalam Tamadun China menyebabkan perkembangan yang pesat dalam sistem pendidikan negara. Melalui pendidikan, negara boleh ditadbir dengan cekap dan berkesan. Dari segi kedudukan sosial, seseorang yang terpelajar akan berada pada hierarki teratas dalam masyarakat di China, diikuti oleh golongan petani, artisan dan pedagang.



Tahap Sistem Pendidikan

Sistem pendidikan dalam Tamadun China mempunyai tiga peringkat, iaitu pendidikan pada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Dalam ketiga-tiga peringkat pendidikan ini, kemahiran kendiri diukur berdasarkan kemampuan menghafal, memahami, menulis dan menterjemah.

Pendidikan Rendah
Tumpuan kepada menghafal tulisan serta buku suci tanpa perlu memahami maknanya.

Pendidikan Menengah
Tumpuan kepada aspek menulis karangan dan sajak.

Pendidikan Tinggi
Menterjemahkan dan menginterpretasikan buku suci serta pelajaran berkaitan etika upacara, adat istiadat dan tanggungjawab rakyat kepada raja dan negara.



Cerna Minda

Nyatakan tiga tahap sistem pendidikan Tamadun China.

Peperiksaan

Peperiksaan perkhidmatan awam merupakan komponen paling penting dalam sistem pendidikan dan kehidupan masyarakat China. Peperiksaan membolehkan seseorang menerima penghormatan dan meningkatkan taraf sosial ke arah kehidupan yang lebih baik. Sistem peperiksaan yang awal mula diperkenalkan ketika pemerintahan Maharaja Wu dalam Dinasti Han pada tahun 29 SM dan kekal hingga tahun 1905 apabila dimansuhkan oleh Maharani Dowager Cixi.



Aktiviti



Buat pembentangan berkumpulan dengan menjawab soalan di bawah:

1. Apakah yang dapat anda nyatakan daripada gambar di sebelah?
2. Pendidikan merupakan elemen penting untuk membangunkan sesebuah negara. Bahaskan.
3. Hubung kaitkan antara pendidikan dengan pembentukan sahsiah diri.



Aktiviti: TMK



Maharani Dowager Cixi memerintah China dari tahun 1861 hingga tahun 1908. Beliau merupakan pemerintah yang sangat berpengaruh. Layari laman web atau gunakan sumber-sumber yang bersesuaian, buat tugas berkumpulan tentang biografi Maharani Dowager Cixi.

Maharani Dowager Cixi.

Ciri-ciri sistem peperiksaan perkhidmatan awam

- Peperiksaan yang sangat kompetitif.
- Hanya lelaki dibenarkan menduduki peperiksaan tanpa mengira latar belakang dan status sosial.
- Mengekalkan tradisi dan budaya China terutamanya ajaran Konfusianisme.
- Larangan terhadap sebarang bentuk perubahan bagi mengekalkan keaslian tradisi China.

Lulus dalam peperiksaan merupakan matlamat utama pendidikan bagi seorang anak lelaki. Seseorang calon yang berpotensi akan menerima tajaan daripada penduduk kampung dengan harapan calon yang dipilih itu akan berjaya dalam peperiksaan, seterusnya menaikkan nama, keluarga, kaum dan kampung tersebut.

Sistem peperiksaan ini dikawal dengan ketat. Sistem yang sama dilaksanakan di seluruh empayar dan mereka yang didapati meniru akan dikenakan hukuman. Bagi mengelakkan penipuan, calon akan dikurung sebelum peperiksaan berlangsung. Disebabkan sistem peperiksaan yang ketat dan kompleks, hanya mereka yang lulus dengan cemerlang akan diserapkan ke dalam sistem perkhidmatan kerajaan. Peperiksaan berkisar pada kandungan buku *Empat Buku* (*The Four Books*) dan *Lima Kitab* (*The Five Classics*) yang dikenali sebagai Sembilan Buku Suci.



Tahukah Anda?

Senarai lengkap sembilan buku suci:

The Four Books

The Analects of Confucius (lún yú 论语),
The Mencius (mèng zǐ 孟子),
The Great Learning (dà xué 大学)
The Doctrine of the Mean (zhōng yǒng 中庸)

The Five Classics

The Book of Songs (shī jīng 诗经),
The Book of History (shàng shū 尚书),
The Book of Rites (lì jí 礼记),
The Book of Changes (I Ching / zhōu yì 周易),
The Spring and Autumn Annals (chūn qiū 春秋),



Cerna Minda

Nyatakan persiapan calon pada zaman Tamadun China untuk menghadapi peperiksaan perkhidmatan awam.



Adakah pencapaian dalam peperiksaan menjadi kriteria terbaik untuk mengukur kebolehan seseorang?

Terdapat tiga tahap peperiksaan perkhidmatan awam, iaitu:

Tahap pertama (Xucai)

- Dijalankan pada peringkat daerah.
- Terbuka kepada semua orang.
- Diadakan dua kali setiap tiga tahun.
- Tempoh peperiksaan ialah sehari.
- Bilangan calon antara 500 - 2,000 orang.
- Kadar kelulusan, 1: 35.

Tahap kedua (Juren)

- Dijalankan di ibu kota kerajaan.
- Hanya terbuka kepada calon yang telah lulus tahap pertama.
- Diadakan tiga tahun sekali.
- Tempoh peperiksaan tiga hari.
- Bilangan calon antara 4,800 - 10,000 orang.
- Kadar kelulusan, 1: 120.

Tahap tiga (Jinshi)

- Dijalankan di ibu kota kerajaan.
- Diadakan tiga tahun sekali.
- Tempoh peperiksaan selama 13 hari.

- Mereka yang lulus dalam peperiksaan ini akan diserapkan ke dalam perkhidmatan awam kerajaan serta memperoleh pelbagai keistimewaan berdasarkan tahap kelulusan mereka.
- Calon yang lulus peperiksaan tahap pertama akan memperoleh butang keemasan yang akan dilekatkan pada topi mereka, diterima sebagai kakitangan kerajaan peringkat rendah dan menyertai Majlis Santapan Diraja.
- Bagi calon yang lulus peperiksaan tahap kedua pula akan memperoleh butang keemasan dan mendapat jawatan dalam kerajaan. Selain itu, rumah mereka akan mempunyai tanda nama yang diletakkan di pintu masuk dan mempunyai kakitangan pengiring.
- Bagi calon yang lulus peringkat ketiga akan mendapat kedudukan dan pangkat tinggi dalam kerajaan dan memperoleh pelbagai keistimewaan yang lain, bukan sahaja untuk dirinya tetapi keluarga dan kampungnya.
- Sistem peperiksaan untuk memilih kakitangan kerajaan telah menjadi contoh kepada negara-negara di dunia dan diamalkan hingga hari ini. Sistem ini telah melahirkan banyak sarjana seperti Dong Zhongshu (179–104 SM) yang merupakan sarjana Konfusius terkemuka dan sejarawan China pertama Sima Qian (145–86 SM) yang menulis karya bertajuk *Shiji*. Karya ini mengisahkan tentang sejarah China hingga tahun 90 SM. Perkembangan dalam bidang sosial terutama pendidikan pada zaman Chin dan zaman Han sangat bergantung pada keamanan yang wujud dalam kerajaan tersebut.



Kajian Kes

Kumpulkan bahan daripada Internet atau perpustakaan, hasilkan folio secara berkumpulan tentang sejarawan pertama China, Si Ma Qian.

Proses membuat kertas



Langkah 1:
Mengumpulkan bahan kulit pokok,
serpihan rami kain dan jaring ikan.



Langkah 2:
Direndam di dalam air.



Langkah 3:
Persiapan untuk merebus.



Langkah 4:
Proses merebus.




Langkah 5:
Mengumpulkan rebusan
di dalam satu bekas.



Langkah 6:
Dikacau hingga menjadi cecair
yang pekat.



Langkah 7:
Dihamparkan pada tikar.



Langkah 8:
Dijemur pada panas matahari.



Langkah 9:
Kertas yang sudah siap disusun.

Sistem pendidikan merupakan asas penting yang membolehkan Tamadun China mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Melalui sistem pendidikan yang teratur serta penilaian yang kompleks membolehkan China melahirkan kalangan pelajar dan sarjana yang bertanggungjawab dan menjadi pentadbir dalam kerajaan. Sistem ini bertahan dan berterusan di China sebelum dimansuhkan pada awal abad ke-20. Maka, jelaslah bahawa pendidikan yang berkesan mampu menjadi agen perubahan dalam pembangunan negara seperti yang dilaksanakan di Malaysia.






Kesimpulan

Kecemerlangan dalam Tamadun India ditonjolkan melalui aspek perluasan kuasa yang dijalankan sama ada melalui kekuatan tentera atau keagamaan. Kedua-duanya memainkan peranan yang besar dalam melahirkan kegemilangan dan keagungan Tamadun India. Chandragupta Maurya dikenali sebagai tokoh penting dalam perluasan kuasa dengan menggunakan kekuatan tentera, Asoka pula dikenali kerana meluaskan pengaruh Tamadun India melalui kekuatan tentera dan keagamaan. Kepimpinan Asoka yang menekankan kepada sifat belas ihsan dan keadilan serta melayan rakyat dengan baik merupakan contoh pemimpin yang sangat penting sehingga beliau disayangi oleh rakyatnya dan dikagumi oleh orang asing yang melawat India.



Chandragupta Maurya



Stupa di Sanchi, India.

Tamadun China telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai bidang kehidupan. Sistem pendidikan telah melahirkan golongan pelajar dan pemimpin yang membentuk kecemerlangan Tamadun China. Kualiti pendidikan yang tinggi adalah penting untuk pembinaan sesebuah negara bangsa.



Penyeragaman tulisan ketika zaman Maharaja Shi Huangdi.



Peperiksaan perkhidmatan awam di China dijalankan secara ketat.

Bab ini telah menjelaskan peningkatan yang berlaku dalam Tamadun India dan Tamadun China sehingga membolehkan kedua-dua tamadun dikenali sebagai tamadun yang teragung di Asia khasnya dan dunia amnya. Bab seterusnya akan membincangkan satu lagi tamadun yang terkenal dan berpengaruh di dunia, iaitu Tamadun Islam.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Antara faktor kejayaan perluasan kuasa dalam Tamadun India termasuklah
 - I. dasar pembangunan negara
 - II. ketahanan binaan tembok
 - III. kekuatan tentera
 - IV. dasar pemerintahan
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
2. Apakah peristiwa yang mengubah dasar pemerintahan Asoka daripada perluasan secara ketenteraan kepada penyebaran agama?
 - A. Perang Kalinga.
 - B. Pembinaan kubu Pataliputra.
 - C. Penguasaan laluan utara dan selatan India.
 - D. Peruntukan kewangan kepada Maharaja Nanda.

- Menyatukan China.
 - Menyeragamkan unit timbang dan sukat.
 - Menyeragamkan sistem tulisan.
3. Senarai di atas merujuk kepada sumbangan
 - A. Cai Lun
 - B. Han Fei Zi
 - C. Konfusius
 - D. Maharaja Shi Huangdi
4. Masyarakat di China membenarkan berlakunya peningkatan taraf sosial. Bagaimanakah caranya?
 - A. Lulus peperiksaan.
 - B. Menyertai peperangan.
 - C. Mengisytiharkan diri sebagai pembesar.
 - D. Memperkenalkan ajaran baharu.
5. Mengapakah penaklukan Kalinga telah memberikan kesan kepada pemerintahan Asoka?
6. Sejauh manakah faktor keagamaan membantu perluasan kuasa dalam Tamadun India?



Pemahaman dan Pemikiran Kritis



7. Berdasarkan gambar di atas:
 - (i) Nyatakan matlamat pendidikan dalam Tamadun China.
 - (ii) Pada pandangan anda, mengapakah sistem peperiksaan perkhidmatan awam di China dikawal dengan ketat?
8. Buat pembahagian kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan brosur maklumat tentang sistem pendidikan di negara kita. Anda boleh mengkaji mengikut perkara yang disenaraikan di bawah:
 - (i) Latar belakang/Sejarah
 - (ii) Sistem pendidikan kini
 - (iii) Matlamat
 - (iv) Cabaran
 - (v) Harapan anda terhadap sistem pendidikan negara ini



Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Kekuatan kepimpinan dalam Tamadun India dan Tamadun China boleh menjadi panduan kepada pemerintah untuk membina negara.
- Idea-idea kenegaraan yang ditonjolkan oleh pemimpin Tamadun India dan Tamadun China boleh menjadi inspirasi kepada pemimpin muda kini.
- Kerjasama dan pematuhan kepada undang-undang seperti yang ditonjolkan dalam Tamadun India dan Tamadun China boleh meningkatkan kemajuan kehidupan masyarakat.

Diri dan Keluarga

Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan dapat menyemai semangat berani dan tabah. Pelbagai kegiatan yang dijalankan menguji ilmu dan kemahiran yang kita miliki. Kita akan bersaing secara sihat untuk mencapai kejayaan.

Negara

Kita perlu mananamkan rasa hormat kepada pemimpin. Mereka merupakan tonggak pemerintahan yang memacu kemajuan dan kemakmuran negara. Mereka juga akan memastikan negara dapat bersaing di pentas antarabangsa.



Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti bantuan kemanusiaan dapat memupuk sikap semangat bekerjasama.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)



Sambutan Hari Kebangsaan merupakan acara tahunan yang dapat memupuk semangat cinta akan negara.


(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)

Tamadun Islam dan Sumbangannya



Sinopsis

Zaman sebelum kedatangan Islam menampakkan corak hidup yang dibentuk tanpa kepimpinan nabi dan kitab suci sebagai petunjuk. Zaman ini dikenali sebagai Zaman Jahiliah. Zaman Jahiliah beransur-ansur berakhir dengan turunnya wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW dan bermulalah tamadun baharu yang gemilang. Tamadun Islam telah berkembang seterusnya pada zaman Khulafa al-Rasyidin dan kerajaan-kerajaan Islam lainnya, sehingga memberikan sumbangan besar dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Mengenal latar belakang masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.
2. Memahami kemunculan Tamadun Islam dan perkembangannya.
3. Memahami ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin yang unggul.
4. Memahami sumbangan Tamadun Islam dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.
5. Memahami sumbangan Tamadun Islam dalam bidang seni bina.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Merumuskan kepentingan menghargai sumbangan Tamadun Islam.
2. Menghuraikan nilai murni sejagat dalam Islam bagi memantapkan jati diri.
3. Membincangkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang boleh diteladani oleh masyarakat.
4. Menerangkan kepentingan ciri-ciri unik dalam seni bina Islam.

Masjidil Haram, Makkah.



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi urutan masa Zaman Jahiliah dan kemunculan Tamadun Islam.
2. Meneroka bukti sumbangan Tamadun Islam dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.
3. Membuat interpretasi sumbangan Tamadun Islam dalam bidang seni bina.
4. Membuat imaginasi kesungguhan Nabi Muhammad SAW menyampaikan dakwah Islam.
5. Membuat rasionalisasi perubahan amalan ekonomi masyarakat Arab sebelum Islam dan ketika Islam berkembang.

Latar Belakang Masyarakat Arab Sebelum Kedatangan Islam


Pengenalan

Secara umumnya, masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam mempunyai petempatan dan cara hidup yang berbeza dari segi pemerintahan, ekonomi dan sosial. Mereka tinggal di kawasan Semenanjung Tanah Arab yang dikelilingi oleh padang pasir Syam di sebelah utara, Laut Arab di selatan, Teluk Parsi di Timur dan Laut Merah di barat. Terdapat beberapa wilayah seperti Hijaz, Najd, Yaman, Hadramaut dan Oman. Di kawasan tengah atau wilayah Hijaz terdapat tiga ibu kota penting, iaitu Makkah, Madinah dan Taif. Ketiga-tiga ibu kota ini terletak pada kedudukan yang strategik yang membolehkannya berkembang dari segi perdagangan dan pertanian.



Empangan Maarib di Yaman.

(Sumber: Sami bin Abdullah Al-Maghluq, *Atlas Rasulullah SAW*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014, hlm. 18)



Semenanjung Tanah Arab pada abad keenam Masihi.
(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glencoe, 1999, hlm. 280)

Namun begitu, selepas keruntuhan Empangan Maarib sekitar tahun 300 M berlaku kemerosotan ekonomi dalam masyarakat Arab. Kehidupan sosial yang lemah menyebabkan masyarakat ketika itu tidak mewarisi ilmu dari zaman sebelumnya. Oleh sebab itulah mereka tidak mampu membina semula Empangan Maarib. Pada masa itu, masyarakat Arab mengalami zaman kegelapan yang dikenali sebagai Zaman Jahiliyah.

Jahiliyah berasal daripada perkataan Arab, *jahala* yang bermaksud jahil. Mereka tidak mempunyai nabi dan kitab suci sebagai petunjuk. Semasa Islam diperkenalkan, mereka juga menolak undang-undang Allah SWT dan nilai-nilai Islam sebagai panduan hidup.

Sistem Masyarakat Jahiliah

(a) Politik

Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam hidup dalam kelompok kumpulan kabilah, iaitu kaum Hadhari dan kaum Badwi.

- Kaum Hadhari tinggal di kota dengan menjalankan perniagaan dan memiliki binatang ternakan.
- Kaum Badwi pula hidup secara nomad dengan memelihara binatang ternakan.
- Mereka mengamalkan sistem kabilah yang diketuai oleh seorang syeikh. Seorang syeikh yang dilantik sebagai ketua mestilah disukai ahli kabilah, matang, berani, sanggup mempertahankan puaknya dan pandai berpidato.
- Penyatuan masyarakat berkabilah adalah berdasarkan keturunan yang diistilahkan sebagai semangat assabiyah. Mereka bermegah dengan kabilah masing-masing. Mereka juga sering berperang untuk merebut kuasa, pengaruh dan harta.
- Di kawasan Makkah terdapat kaum Arab Quraisy yang mentadbir dan memajukan perdagangan. Namun begitu, Makkah pernah diancam musuh. Contohnya, Abrahah, pemerintah Habsyah yang ingin menghancurkan Kaabah.
- Pentadbiran di Makkah diuruskan oleh badan atau jabatan yang mentadbir beberapa bidang dengan tugas tertentu seperti Darun-Nadwah.



Ilustrasi menunjukkan kehidupan berpuak-puak berdasarkan kabilah masing-masing.

(Sumber: *Ensiklopedia Islam untuk Pelajar Jilid 1*, Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd. dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2003, hlm. 69)



Glosari

Kabilah: suku bangsa, kaum.



Bincangkan kesan sekiranya semangat assabiyah diamalkan dalam masyarakat hari ini.

Kemunculan
Tamadun
Islam




Aktiviti: i-Think

Lakarkan peta pemikiran yang sesuai bagi menyatakan ciri-ciri seorang syeikh.

(b) Ekonomi

Masyarakat pada masa ini juga melakukan kegiatan ekonomi yang berbeza, khususnya di beberapa buah negeri dan kawasan di Tanah Arab. Kegiatan utama adalah dalam bidang pertanian dan perdagangan.

- Semenanjung Tanah Arab mempunyai tanah yang kurang subur untuk pertanian.
- Di Yaman pula terdapat tanaman gandum dan kopi yang amat bergantung pada hujan.
- Sekoi dan padi juga diusahaikan di beberapa tempat di Oman. Kemenyan pula merupakan tanaman berharga yang dihasilkan di Hadramaut dan Mahra.
- Dalam kalangan kaum Badwi, terdapat masyarakatnya yang menternak secara nomad. Antara binatang ternakan termasuklah unta, kambing dan biri-biri. Mereka berpindah-randah untuk mencari rumput dan air bagi binatang ternakan.
- Terdapat juga kaum Badwi yang mengamalkan sistem tukar barang. Mereka menukarkan binatang ternakan dan hasil ternakan dengan barang keperluan mereka, seperti pakaian dan kurma.
- Dalam kalangan kaum Hadhari pula terdapat sesetengah daripada mereka yang keluar berdagang secara kafilah.
- Pada peringkat awalnya, masyarakat Yaman memasarkan hasil dagangan dari Hadramaut dan India, serta membawanya juga ke Syam dan Mesir.
- Sejak abad keenam Masihi, masyarakat Hijaz pula menjadikan Makkah sebagai pusat dagangan yang baharu. Penduduk Hijaz pula membeli barang dari Yaman dan Habsyah lalu menjualkannya di Syam dan Mesir.
- Ketika itu, laluan perdagangan merentasi benua yang dikenali sebagai Laluan Sutera telah menghubungkan pedagang Arab dengan China, India dan Asia.
- Perniagaan masyarakat Arab Jahiliah hanya mementingkan keuntungan, mengamalkan riba dan menipu timbangan.



Ilustrasi kegiatan perdagangan di Semenanjung Tanah Arab.
(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 12)



Aktiviti

Secara berkumpulan, dapatkan maklumat tentang rombongan perdagangan kaifilah.



Glosari

Kafilah: rombongan pengembara atau pedagang yang membawa barang dagangan merentasi padang pasir.



Cerna Minda

Apakah kesan buruk jika hanya mengamalkan sikap mementingkan keuntungan semata-mata dalam perniagaan?

(c) Sosial

Kehidupan masyarakat Arab Jahiliah di Semenanjung Tanah Arab dapat dilihat dari dua sudut, iaitu agama dan kepercayaan, serta adat dan kehidupan sehari-hari mereka.

Agama dan kepercayaan

Wathani

- Mereka menyembah berhala. Antaranya termasuklah al-Latta, al-Uzza, al-Manat dan Hubal. Terdapat 360 buah berhala di sekeliling Kaabah.

Majusi

- Mereka menyembah api. Agama ini berasal dari negeri Parsi. Kebanyakan penganut agama ini tinggal di Yaman, Oman dan Bahrain kerana kawasan ini dipengaruhi oleh Parsi.

Yahudi

- Agama ini dianuti oleh Bani Israel yang tinggal di utara Semenanjung Tanah Arab.

Nasrani

- Agama ini juga dianuti oleh Bani Israel. Agama ini dikembangkan di utara Semenanjung Tanah Arab melalui penduduk Ghassan dan Hirah.

Animisme

- Terdapat juga masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animisme. Mereka percaya kepada roh dan kuasa ghaib.

Hunafa'

- Ketika ini juga masih terdapat penganut yang mengamalkan ajaran yang dibawa oleh Nabi Ibrahim AS.




Cerna Minda

Nyatakan agama dan kepercayaan yang terdapat dalam masyarakat Arab Jahiliah.

Adat dan kehidupan sehari-hari

- Terdapat masyarakat yang menilik nasib untuk meramal masa depan mereka. Sebelum melakukan sesuatu perjalanan atau pekerjaan, mereka akan memerhati keadaan sekeliling bagi menentukan nasib yang akan menimpa sama ada baik atau buruk.
- Mereka juga mempercayai ahli sihir dan kuasa azimat.
- Dalam kehidupan sehari-hari pula, mereka memandang rendah kepada kaum wanita dan memberikan penghormatan yang lebih kepada anak lelaki.
- Mereka hidup dalam kemaksiatan, seperti berjudi, berzina, meminum arak dan bersifat angkuh.

- Hamba juga dipandang hina dan mempunyai status terendah dalam kalangan masyarakat.
- Namun begitu, terdapat sikap yang baik dalam kalangan masyarakat Arab ketika ini, seperti sering memuliakan tetamu, menepati janji, menghormati tuan rumah dan menjaga kehormatan diri.
- Mereka sanggup menghadapi kesukaran dengan kegigihan. Malahan mereka sanggup mengorbankan kepentingan diri sendiri untuk tetamu, golongan miskin dan lemah. Contohnya, mereka akan memasang api di tempat tinggi bagi membantu pengembala yang sesat. Apabila seseorang itu meminta bantuan sesuatu kaum, maka menjadi tanggungjawab kaum tersebut melindunginya.
- Sebilangan kecil masyarakat Arab ketika itu tahu bersyair, bersajak dan berpidato. Karya yang dianggap bermutu akan dibaca dalam temasya-temasya tahunan di Pasar Ukaz dan digantung di Kaabah.



Ilustrasi masyarakat Arab bersyair di Pasar Ukaz.

(Sumber: *Ensiklopedia Islam untuk Pelajar Jilid 5*, Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd. dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2003, hlm. 74)

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab mengamalkan pelbagai corak kehidupan. Dari sudut politik, masyarakat Arab mempunyai sistem pemerintahan berasaskan sistem kabilah, manakala dari sudut ekonomi, kegiatan utama mereka ialah pertanian dan perdagangan. Dari aspek sosial pula mereka mengamalkan kepelbagaiam amalan dan adat yang diwarisi turun temurun. Zaman Jahiliah berakhir apabila tersebarnya agama Islam yang telah memberikan kesan bukan sahaja terhadap masyarakat setempat tetapi dunia seluruhnya.



Glosari

Wahyu: firman (kalam) Allah SWT yang dibacakan kepada Nabi dan Rasul-Nya yang disampaikan oleh malaikat (Jibril).



Apakah kesan terhadap masyarakat kini sekiranya amalan negatif masyarakat Jahiliah berterusan?



Aktiviti

Hasilkan peta minda untuk menggambarkan ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.

Kemunculan dan Perkembangan Tamadun Islam

Kelahiran Nabi Muhammad SAW telah membawa rahmat kepada seluruh alam terutama dalam membawa perubahan kepada masyarakat Arab dari sudut akhlak, akidah dan syariah. Baginda dilahirkan daripada keluarga ternama dalam masyarakat Quraisy pada 12 Rabiulawal Tahun Gajah bersamaan 20 April 570 M. Ayahanda baginda bernama Abdullah bin Abdul Muttalib, manakala ibunya bernama Aminah binti Wahab. Abdullah merupakan peniaga yang sering berulang alik dari Makkah ke Syam.

Abdullah meninggal dunia ketika Nabi Muhammad SAW masih di dalam kandungan ibunya. Ketika berusia enam tahun, baginda kematian ibunya dan dipelihara oleh datuknya, Abdul Muttalib.

Selepas dua tahun, datuknya meninggal dunia. Baginda dipelihara oleh Abu Talib, bapa saudaranya. Baginda juga pernah bermula sejauh ke Syam dan bermula di sekitar kota Makkah.

Baginda juga menjalankan perniagaan milik Siti Khadijah. Sifat amanah dan budi pekerti yang baik ketika berurus niaga telah menimbulkan rasa hormat Khadijah kepada baginda sehingga membawa kepada perkahwinan mereka.

Nabi Muhammad SAW sebagai Pemimpin Agama Islam

Detik permulaan Tamadun Islam dalam sejarah perkembangan tamadun manusia ialah peristiwa penerimaan wahyu pertama oleh Nabi Muhammad SAW di Gua Hira' pada hari Isnin, 17 Ramadan bersamaan 6 Ogos 610 M. Wahyu pertama daripada Surah al-Alaq (ayat 1 hingga 5) bermula dengan perkataan Iqra' (bacalah). Membaca dan menulis merupakan asas ilmu pengetahuan untuk melahirkan tamadun. Berbekalkan semangat "Iqra'" inilah Tamadun Islam berkembang dan maju.

Seterusnya, wahyu kedua, Surah al-Mudassir (ayat 1 hingga 7) diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang merupakan pengisytiharan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah SWT untuk menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh manusia.



Gua Hira', Makkah.

(Sumber: Sami bin Abdullah Al-Maghluq, *Atlas Rasulullah SAW*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014, hlm. 98)

Nabi
Muhammad
SAW



Glosari

Akhlik: budi pekerti.

Akidah: keimanan yang diyakini.

Syariah: hukum Islam.



Aktiviti: i-Think

Hasilkan peta alir tentang susur galur riwayat hidup Nabi Muhammad SAW bermula daripada kelahiran baginda sehingga baginda berhijrah ke Madinah.

Dakwah Nabi Muhammad SAW dilakukan dalam dua peringkat, iaitu secara rahsia dan terang-terangan.

Secara rahsia:


Berlaku selama tiga tahun. Individu awal yang memeluk Islam ialah Siti Khadijah, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harithah dan Abu Bakar al-Siddiq. Dakwah Islam juga disebarluaskan melalui sahabat baginda dan melalui dakwah di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam.

Secara terang-terangan:

Nabi Muhammad SAW telah memulakan dakwah secara terang-terangan ini kepada kaum keluarganya dengan mengadakan pertemuan di Bukit Safa. Namun begitu, baginda ditentang hebat oleh bapa saudara baginda, iaitu Abu Lahab. Baginda begitu tabah menghadapi tentangan dan cabaran daripada masyarakat Arab Quraisy yang enggan menerima Islam pada awalnya.

Bagi tujuan penyebaran Islam, Nabi Muhammad SAW kemudiannya berhijrah ke Madinah. Baginda diterima dan diangkat sebagai pemimpin di sana. Baginda berjaya merangka Piagam Madinah, iaitu perlembagaan untuk membentuk sebuah negara Islam yang adil dan maju di Madinah. Melalui sifat terpuji, iaitu siddiq (benar), amanah, tabligh (menyampaikan ajaran Islam) dan fatanah (bijaksana), baginda berjaya membuktikan kepada dunia bahawa Islam ialah cara hidup yang merangkumi setiap aspek kehidupan.

Dari segi dakwah, Islam telah berkembang dengan pesatnya di Tanah Arab dan di luar Tanah Arab. Islam telah disebarluaskan melalui utusan ke Rom, Parsi, Mesir dan Habsyah. Nabi Muhammad SAW tidak memaksa mereka memeluk Islam tetapi menggunakan cara diplomasi dalam berdakwah. Islam juga disebarluaskan melalui para pendakwah yang berdagang.



Ilustrasi penyebaran risalah Islam kepada ketua-ketua kerajaan.

(Sumber: *Ensiklopedia Islam untuk Pelajar Jilid 4*, Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd. dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2003, hlm. 71)

Penyebaran Islam pada Zaman Khulafa al-Rasyidin

Penyebaran Islam ini diteruskan setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW. Pemerintahan seterusnya dilakukan oleh para sahabat Nabi Muhammad SAW yang dinamakan Khulafa al-Rasyidin. Penyebaran Islam semasa zaman Khulafa al-Rasyidin bukan sahaja berkembang di Makkah dan Madinah, malahan telah sampai ke utara Semenanjung Tanah Arab meliputi Iraq, Syam dan Mesir.



Khulafa
al-Rasyidin

Penyebaran Islam pada zaman Khulafa al-Rasyidin.

ZAMAN KHULAFAA AL-RASYIDIN

- Abu Bakar al-Siddiq
- Umar bin al-Khattab
- Uthman bin Affan
- Ali bin Abi Talib

1

Abu Bakar al-Siddiq

Baginda mengetuai perperangan al-Riddah yakni memerangi golongan murtad (keluar daripada agama Islam) kerana enggan membayar zakat. Tentera Islam telah menang dan semakin ramai yang memeluk Islam.

2

Umar bin al-Khattab

Semasa pentadbiran baginda, golongan peneroka telah dihantar untuk membuka wilayah baharu di utara Semenanjung Tanah Arab seperti Iraq, Syam (Syria) dan Mesir. Wilayah Islam yang luas ketika itu telah dibahagikan kepada beberapa bahagian bagi memudahkan pentadbiran.

3

Uthman bin Affan

Baginda mentadbir wilayah Islam yang luas merangkumi kerajaan Parsi dan beberapa bahagian kerajaan Byzantium di Laut Mediterranean. Baginda juga melantik gabenor bagi mengetuai pentadbiran di wilayah Islam yang semakin meluas.

4

Ali bin Abi Talib

Pada masa ini, agama Islam semakin mantap dan wilayah-wilayah Islam bertambah luas dan makmur.

Penyebaran Islam pada Zaman Kerajaan-kerajaan Islam

Kerajaan Bani Umayyah

- Perkembangan Islam semakin ketara terutama selepas pentadbiran diteruskan oleh kerajaan Bani Umayyah yang berpusat di Damsyik (661 M hingga 750 M) dan Bani Umayyah yang berpusat di Cordoba, Sepanyol (756 M hingga 1,031 M).
- Islam bertapak di India dan Asia Tengah, seperti Bukhara, Samarqand dan Khawarizimi.
- Utusan persahabatan juga telah sampai ke China.
- Islam juga telah sampai ke Afrika Utara dan turut tersebar ke Eropah. Andalusia (Sepanyol) menjadi pintu masuk ke benua Eropah.


Kerajaan Bani Abbasiyah

- Kerajaan ini berpusat di Baghdad dan memerintah selama lima abad (750 M hingga 1,258M).
- Kerajaan Bani Abbasiyah meneruskan kegemilangan tamadun Islam dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat sehingga berkembang ke Eropah.
- Islam juga telah berkembang ke Samaniyah di Transoxania hingga ke barat India.

Kerajaan Turki Uthmaniyah

- Kerajaan Turki Uthmaniyah berpusat di Anatolia.
- Perkembangan Islam seterusnya juga telah meluas hingga ke rantau Balkan, Eropah Timur, sempadan Rusia dan sekitar Laut Hitam, di samping mengekalkan kekuasaan di Asia Barat.
- Pengaruh Turki Uthmaniyah juga telah sampai ke Alam Melayu.

Kerajaan-kerajaan Islam



Petunjuk

- Zaman Nabi Muhammad SAW
- Zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq
- Zaman Khalifah Umar al-Khattab
- Zaman Khalifah Uthman bin Affan

- Zaman Kerajaan Umayyah (Islam tersebar hingga ke Sepanyol)
- Zaman Kerajaan Abbasiyah (Islam tersebar hingga ke Transoxania)
- Zaman Kerajaan Turki Uthmaniyah (Islam tersebar hingga ke Eropah)

Peta perluasan dakwah Islam pada zaman Khulafa al-Rasyidin dan kerajaan Islam.

(Sumber: Farah dan Karls, *World History Human Experience*, New York: Glenceo, 1999, hlm. 280)

Kerajaan-kerajaan Islam



Faktor-faktor Penyebaran Islam

Agama Islam mudah disebarluaskan dan diterima oleh masyarakat disebabkan beberapa faktor. Antaranya termasuklah:

Kesyumulan Islam

- Keseimbangan rohani dan jasmani menjadikan Tamadun Islam berjaya membentuk masyarakat yang maju.
- Islam tidak menolak kemajuan di dunia dari segi pembangunan ekonomi, di samping mendidik akhlak yang baik.

Prinsip keterbukaan

- Prinsip keterbukaan dan toleransi membolehkan Tamadun Islam diterima umum.

Prinsip kesaksamaan

- Tamadun Islam berdiri atas prinsip kesaksamaan dan keadilan.
- Kewujudan pelbagai bangsa dan bahasa di dunia berjaya membentuk ummah yang bersaudara.

Dakwah

- Pendekatan berdakwah secara bijaksana dan berdiplomasi telah berjaya menarik masyarakat lain untuk memeluk Islam.

Hubungan diplomatik

- Hubungan diplomatik antara kerajaan Islam dengan negara-negara lain, seperti di Eropah telah menarik minat orang Eropah untuk mengikuti perkembangan Islam.

Perdagangan

- Kegiatan perdagangan dan hubungan yang baik antara pedagang Arab dengan pedagang negara luar di Asia dan Afrika, menyebabkan Islam mudah diterima di negara tersebut.

Pembukaan wilayah baharu

- Sejak zaman Khulafa al-Rasyidin berlaku pembukaan wilayah baharu yang menyebabkan agama Islam semakin tersebar. Contohnya, Iraq, Syam (Syria) dan Mesir.

Jelaslah bahawa peranan Nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan Islam yang diteruskan oleh Khulafa al-Rasyidin menyebabkan Islam mulai meninari dunia. Kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan Turki Uthmaniyah pula telah menyemarakkan lagi Tamadun Islam sehingga sampai ke benua Eropah, Afrika dan Asia.

Ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai Pemimpin

Nabi Muhammad SAW diiktiraf sebagai Rasulullah dan pemimpin yang unggul. Kejayaan baginda memainkan peranan yang besar sebagai pemimpin negara, pemimpin masyarakat, pembangun ekonomi dan pemimpin tentera seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis.

Pemimpin Negara

Tempatan

Ketokohan Nabi Muhammad SAW terserlah apabila baginda berjaya merangka perlembagaan atau Piagam Madinah yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Dalam piagam ini, orang bukan Islam diberikan kebebasan untuk mengamalkan agama dan adat masing-masing. Baginda juga mempersaudarkan masyarakat Islam dan menyatukan masyarakat Islam dengan bukan Islam.

Antarabangsa

Ketokohan baginda juga terbukti pada peringkat antarabangsa. Baginda berjaya menghantar perwakilan atau misi dakwahnya ke luar negara seperti ke Habsyah, Mesir, Byzantium dan Parsi.



Surat Rasulullah SAW kepada pembesar Oman, Jaifar dan Abd. al-Jalandi.

(Sumber: Sami bin Abdullah Al-Maghluq, *Atlas Rasulullah SAW*, Selangor: PTS Islamiqa Sdn. Bhd., 2014, hlm. 290)



Glosari

Al-Quran: kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk panduan hidup manusia.

Hadis: perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya.

Rasulullah: Utusan Allah atau Pesuruh Allah.



Cerna Minda

Apakah kesan kandungan Piagam Madinah terhadap masyarakat bukan Islam di Madinah?

Pemimpin Masyarakat

Ketika di Makkah sebelum berhijrah ke Madinah, Nabi Muhammad SAW menekankan aspek akhlak, akidah dan syariah.

Selepas berhijrah ke Madinah, Nabi Muhammad SAW menekankan konsep syura atau perundingan, keadilan, persamaan dan kebebasan melalui Piagam Madinah.

Baginda menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar. Baginda juga berusaha menjadikan Islam sebagai satu cara hidup dengan menerapkan nilai toleransi, hormat menghormati dan mengutamakan keadilan dalam kalangan masyarakat.

Pembangun Ekonomi

Perdagangan dan Hubungan Luar

- Nabi Muhammad SAW menggalakkan hubungan perdagangan antara negara Islam Madinah dengan kawasan lain.
- Kedudukan Madinah yang terletak di laluan di antara Yaman dan Syam menjadikan aktiviti perdagangan bertambah maju.
- Pedagang dari arah selatan menjadikan jalan ini sebagai jalan utama aktiviti perdagangan.
- Menggalakkan hubungan luar dengan semua negara.

Pertanian

- Nabi Muhammad SAW menggalakkan masyarakat bekerja keras dan aktif dalam perniagaan dan pertanian berdasarkan prinsip ekonomi Islam, seperti bekerja bersungguh-sungguh, mencari rezeki yang halal, larangan penindasan dan riba.

Pengurusan tanah

- Nabi Muhammad SAW sendiri membangunkan ekonomi dengan menggalakkan pembangunan semula tanah terbiar serta menebus semula tanah yang tergadai kepada kaum Yahudi.

Pembangunan pasar Suq al-Ansar

- Nabi Muhammad SAW mencadangkan agar Abdul Rahman bin Auf membangunkan sebuah tempat berjual beli bagi membangunkan ekonomi umat Islam. Pasar Suq al-Ansar telah didirikan dan berjaya membangunkan ekonomi umat Islam tanpa menyisihkan pesaing mereka, iaitu orang Yahudi.



Aktiviti

Adakan pertandingan pidato berdasarkan tajuk, "Perpaduan Ummah Teras Kejayaan Islam".



Tahukah Anda?

Abdul Rahman bin Auf merupakan sahabat Nabi Muhammad SAW yang terkaya. Beliau banyak menyumbangkan kekayaannya untuk perkembangan agama Islam.

Pemimpin Tentera


Nabi Muhammad SAW pernah menjadi pemimpin tentera yang berjaya berdasarkan konsep jihad. Konsep jihad ini merupakan perjuangan menegakkan agama Islam yang suci, mempertahankan bangsa dan tanah air. Satu unsur yang sangat penting dalam jihad ialah kesungguhan dan berdedikasi melaksanakan sesuatu usaha. Oleh sebab itu, setiap umat Islam digesa supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu, mempertahankan maruah diri dan kesucian agama Islam.

Dalam Islam, peperangan tidak diizinkan melainkan setelah orang Islam diancam, demi mempertahankan agama, umat dan negara. Hal ini bagi menjaga kesucian agama dan kesejahteraan manusia sejagat. Nabi Muhammad SAW sendiri pernah mengetuai siri peperangan menentang musuh Islam, seperti Perang Badar, Perang Uhud dan Perang Khandak. Ketika berperang, baginda menunjukkan sifat kepimpinan dan akhlak yang mulia. Tentera Islam dilarang membunuh sesuka hati dan memusnahkan tumbuhan atau tanam-tanaman. Nabi Muhammad SAW juga mendengar pandangan orang lain dalam mengatur strategi peperangan.

Aktiviti

Bentuk kumpulan dan bincangkan soalan di bawah:

1. Berdasarkan pelan Perang Khandak ini, apakah strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW?
2. Bincangkan kekuatan strategi tersebut.
3. Mengapakah perancangan strategi perang yang berkesan diperlukan dalam menghadapi musuh?



Strategi bertahan dengan menggali parit dalam Perang Khandak.

(Sumber: Ensiklopedia Islam untuk Pelajar Jilid 3, Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd. dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2003, hlm. 94)

Semasa Nabi Muhammad SAW dan umat Islam berada di Madinah dan ingin membuka semula kota Makkah, baginda telah mengatur strategi yang berkesan dengan membahagikan pasukannya kepada beberapa pemimpin tentera seperti lakaran di sebelah.

Hasilnya, kota Makkah berjaya dikuasai oleh umat Islam. Makkah terus berkembang maju dan menjadi kota suci umat Islam sehingga kini.




Aktiviti



Berdasarkan gambar di atas, secara berkumpulan, bincangkan cara umat Islam boleh mewujudkan perpaduan dengan mengunjungi Kaabah.

Pembukaan Kota Makkah yang dipimpin oleh pasukan Nabi Muhammad SAW, pasukan Khalid al Walid, Pasukan Qais bin Saad bin Ubaidah, pasukan Zubair bin Awwam dan pasukan Abu Ubaidah bin Jarrah.



Pembukaan semula kota Makkah.

(Sumber: Sami bin Abdullah Al-Maghluq, *Atlas Rasulullah SAW*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2014, hlm. 337)



Aktiviti: i-Think

Lakarkan peta pemikiran yang sesuai bagi menggambarkan ciri-ciri kepimpinan Nabi Muhammad SAW.



Bagaimanakah kepimpinan yang berwibawa mampu menggemarkan sesebuah tamadun?

Kita telah pun mengetahui keagungan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin negara dan masyarakat yang telah berjaya membawa negara Islam Madinah mencapai kesejahteraan. Piagam Madinah berjaya mewujudkan kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan kehidupan yang aman antara kaum. Baginda bukan sahaja menumpukan hal akidah, tetapi hal ehwal kehidupan duniawi. Kita haruslah mencontohi akhlak mulia baginda dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Kepimpinan baginda boleh menjadi teladan bagi memantapkan jati diri.

Sumbangan Tamadun Islam kepada Dunia

Tamadun Islam memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan tamadun dunia. Hal ini demikian kerana Tamadun Islam menekankan keseimbangan kemajuan kebendaan dan kerohanian yang meninggalkan kesan pembangunan fizikal dan insaniah sehingga kini baik dari segi politik, ekonomi maupun sosial.

Politik

Dalam bidang politik, Islam mementingkan corak hidup yang sejahtera dan makmur. Islam juga mementingkan kehidupan bernegara, pemerintahan dan cara hidup berteraskan keadilan, konsep ummah dan sistem syura.

Kehidupan bernegara

- Semasa pemerintahan Nabi Muhammad SAW, baginda merupakan ketua negara yang bertanggungjawab menjaga Madinah dan menyelesaikan masalah rakyat melalui perlembagaan.
- Jawatan khalifah selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW juga berperanan untuk menegakkan agama dan mentadbir mengikut hukum syariah.
- Kerjasama antarabangsa dijalankan bagi tujuan dakwah dan silaturahim.
- Penerokaan wilayah baharu telah menaikkan lagi imej Islam.

Pemerintahan dan cara hidup berteraskan keadilan

- Cara pemerintahan yang adil kepada semua penduduk meskipun berbeza agama dan keturunan.
- Keadilan dan toleransi antara kaum membawa kedamaian kepada negara.



Perpaduan membentuk kemajuan ummah.

(Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)

Konsep ummah

- Tamadun Islam mewujudkan konsep masyarakat yang lebih dikenali sebagai ummah.
- Melalui konsep ummah ini, masyarakat disatukan tanpa mengira agama dan keturunan.
- Setiap anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab yang sama, iaitu bekerjasama bagi memajukan negara.

Sistem syura

- Syura ialah mesyuarat yang diadakan untuk mencapai keputusan mengikut suara ahli yang terbanyak.
- Diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan diteruskan oleh kepimpinan Islam selepasnya.
- Syura juga diamalkan bagi mencapai keputusan secara muafakat.



Kerjasama antarabangsa dalam melaksanakan tanggungjawab dakwah dan pengurusan hal ehwal Islam kepada umat Islam seluruh dunia.

(Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)



Aktiviti

Secara berkumpulan, jawab soalan di bawah:

1. Apakah maksud sistem syura?
2. Mengapa pemimpin perlu mengamalkan sistem syura?



Bincangkan kebaikan konsep syura kepada masyarakat.

Ekonomi

Sumbangan Tamadun Islam juga dapat dilihat dari segi ekonomi. Contohnya, memperkenalkan amalan ekonomi Islam, pengenalan Baitulmal, menggalakkan perniagaan dan perdagangan serta memperluas pembinaan empangan dan kemudahan asas lain.

Amalan ekonomi Islam

Islam menekankan beberapa amalan dalam sistem ekonomi bagi mendidik jiwa manusia agar berdisiplin, amanah dan berjiwa bersih.

- Mengadakan sistem zakat dan sistem wakaf untuk pembangunan umat Islam.
- Mengadakan sistem mata wang dirham dan perak untuk menjalankan aktiviti ekonomi.
- Mengadakan kutipan sistem cukai, iaitu bayaran dalam bentuk wang oleh sesebuah kerajaan atau negara bagi individu atau syarikat yang tujuan asalnya adalah untuk membiayai segala keperluan negara. Sistem cukai yang pernah dilaksanakan di negara Islam ialah cukai tanah (al-Kharaj), cukai perlindungan (suh al-Jizyah), cukai diri (jizyah al-Ru'us) dan cukai perdagangan (al-'Usyr).
- Melarang amalan riba kerana boleh menghancurkan konsep keadilan dalam masyarakat.
- Menegah penindasan dan penipuan semasa berniaga, seperti mengurangkan timbangan, boros, kedekut, membazir, mengambil keuntungan berlipat kali ganda dan tidak amanah.
- Menggalakkan manusia menghasilkan produk yang bermutu dan melakukan penyelidikan dalam membangunkan ekonomi, contohnya dalam bidang pertanian.
- Tidak menyekat umatnya daripada menjalankan perdagangan selagi mengikut hukum syarak, seperti mengeluarkan zakat dan menjaga kebaikan masyarakat.
- Menyeru kita menghulurkan bantuan dan bersedekah di samping mengamalkan sikap berjimat cermat.



Glosari

Halal: dibenarkan menurut hukum Islam.

Riba: faedah berganda yang membebankan dan diharamkan oleh Islam.



Amalan bersedekah mampu membentuk masyarakat yang sejahtera. Bincangkan.



Berzakat merupakan kewajipan dalam kalangan penganut agama Islam.

Institusi Baitulmal (Institusi Kewangan)

- Fungsinya seperti perbendaharaan negara yang mengurus kewangan untuk pembangunan negara.
- Sistem ini telah diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan diteruskan oleh pemimpin-pemimpin lain sehingga kini.

Sumber Baitulmal

Harta melalui zakat masyarakat, contohnya:

- zakat fitrah, zakat harta, ternakan, pertanian, emas, perak
- barang perdagangan
- wang simpanan

Harta hak milik umat Islam yang tidak jelas penggunaannya, contohnya:

- sedekah, wakaf dan wasiat

Pelaburan dan saham yang dijual kepada umat Islam melalui institusi yang ditubuhkan oleh Baitulmal.

Harta negara, contohnya:

- cukai perdagangan
- sumber kekayaan alam
- cukai harta
- harta tanpa waris


Harta daripada perang, contohnya:

- jizyah, ghanimah dan kharaj

Segala harta warisan yang tidak dapat dihabiskan oleh waris atau tidak berwaris.

Memusatkan gedung-gedung perniagaan

- Kedatangan Islam ke Sepanyol telah menyebabkan terbinanya gedung-gedung perniagaan yang beroperasi mengimport barang-barang dari seluruh pelosok dunia.



Kepesatan dalam perniagaan membawa kemakmuran ekonomi.


(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 36)



Seandainya anda berada pada zaman kemajuan Tamadun Islam, apakah inovasi yang ingin anda hasilkan bagi memajukan perdagangan?

Menyediakan kemudahan asas

- Dalam bidang pertanian pula, orang Islam telah memperluas pembinaan sistem saliran. Sistem pengairan telah diperbaik untuk meningkatkan hasil pertanian. Contohnya, sistem pengairan Naurah di Syria.
- Kemudahan jambatan dan jalan raya yang lebih baik juga dibina seperti di Sepanyol.



Sistem pengairan.

(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 28)



Aktiviti: Simulasi

Lakonkan satu situasi di bazar perniagaan dengan mengaplikasikan sistem ekonomi Islam.

Sosial


Sumbangan Tamadun Islam dalam bidang sosial adalah luas dan kekal hingga sekarang. Hal ini terbukti dalam pelbagai aspek seperti mengangkat kedudukan wanita, memajukan penyelidikan saintifik, memusatkan kegiatan intelektual dan kemunculan ilmuan Islam.

Islam mengangkat kedudukan dan maruah wanita

Kedatangan Islam telah mengangkat martabat dan memuliakan kedudukan wanita. Wanita mempunyai peluang untuk mendapat pendidikan dan menghadiri majlis ilmu. Siti ‘Aisyah binti Abu Bakar as-Siddiq, merupakan contoh wanita yang luas ilmunya sehingga menjadi periwati hadis serta tempat bertanya kaum wanita serta para sahabat tentang permasalahan hukum agama. Begitu juga dengan Shafiah binti Abdul Muthalib yang keluar berperang bersama-sama kaum wanita Madinah untuk membantu memberikan minuman dan merawat tentera yang tercedera dalam Perang Uhud.


Teknik penyelidikan saintifik

Perkembangan penyelidikan bidang sains dan teknologi dalam Tamadun Islam telah membantu perkembangan industri pengeluaran barang, seperti industri kertas yang kemudiannya diperkenalkan di Itali, Perancis dan negara Eropah lain. Begitu juga dalam kaedah penyelidikan pertanian, seperti sistem pengairan, pemilihan benih dan baja yang bermutu telah membawa kemajuan dalam Tamadun Islam. Penyelidikan saintifik juga berlaku dalam bidang astronomi, fizik, perubatan dan kimia.



Teknik cantuman untuk menghasilkan pelbagai bunga dan buah.

(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 29)



Teknik membuat kertas dengan menggunakan campuran kain linen, pisang tali (hem) dan kapas.

(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 55)



Cerna Minda

Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat Islam ketika itu memberikan tumpuan dalam penyelidikan bidang pertanian?


Kewujudan Pusat Kegiatan Intelektual

Kewujudan pusat pendidikan

Tamadun Islam telah mengembangkan kegiatan keilmuan dengan pesatnya. Semasa pemerintahan kerajaan Bani Umayyah, banyak masjid dijadikan institusi pendidikan, seperti di Damsyik, Kufah dan Basrah. Istana khalifah turut dijadikan pusat kegiatan pendidikan, iaitu tempat belajar dan perpustakaan.

Pusat intelektual di Cordoba dan Toledo, Sepanyol

- Para pengkaji atau pelajar dari pelbagai pelosok Eropah telah datang belajar di universiti-universiti Islam di sini terutama dalam bidang sains dan falsafah.
- Para sarjana Islam ketika melakukan penterjemahan telah meningkatkan lagi pengetahuan tentang falsafah dan sains dari zaman Yunani.
- Semasa Tamadun Islam pesat berkembang di Sepanyol, hubungan orang Islam, Yahudi dan Kristian telah mewujudkan budaya ilmu yang memberangsangkan.



Kegiatan keilmuan di Sepanyol.

(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 54)



Tahukah Anda?


Terdapat orang Kristian di Sepanyol yang terpengaruh dengan cara hidup masyarakat Arab, seperti dalam berpakaian, makanan dan hubungan sosial. Mereka digelar Musta'rab (yang menjadi Arab) atau Mozarab. Melalui golongan inilah Tamadun Islam dan Arab tersebar kepada masyarakat Eropah, terutama dari segi hubungan sosial.

Kemunculan Ilmuan Islam		
Bidang	Tokoh	Sumbangan
Ilmu Sains dan Kimia	Jabir bin Hayyan (Geber)	 <p>Menghasilkan sebanyak 80 buah karya berkaitan perubatan dan kimia. Himpunan hasil penulisannya dikenali sebagai korpus Jabir. Kebanyakan karyanya diterjemahkan ke dalam bahasa Latin.</p>
Perubatan	Ibn Sina (Avicenna)	 <p>Merupakan tokoh perubatan dan ahli falsafah yang masyhur dengan bukunya <i>al-Qanun fi al-Tib</i>. Ahli falsafah Barat, Albert the Great telah dipengaruhi oleh karya Ibn Sina.</p> 
Falsafah	Al-Kindi	 <p>Menghasilkan lebih daripada 270 buah karya mencakupi pelbagai bidang, seperti logik, muzik dan perubatan. Tokoh ilmuan atau pengkaji Eropah seperti Roger Bacon dan Descartes terpengaruh dengan idea Al-Kindi.</p>
Astronomi dan falak	Al-Battani (Albategnius)	 <p>Beliau memperkenalkan asas ilmu trigonometri, menulis buku astronomi dan mencipta alat ukuran masa.</p> 

(Sumber: Mokhtar Moktefi, *The Rise of Islam*, Paris: Silver Burdett Press, 1985, hlm. 9 – 56)

Sumbangan
Tamadun
Islam



Geografi	Al-Biruni 	Kajian utama beliau dalam bidang kartografi (peta) dan geografi. Kebanyakan orang Eropah telah berasiar dengan menggunakan peta yang dicipta oleh tokoh ini.  Rajah tentang gerhana bulan yang dihasilkan oleh Al-Biruni.
Matematik	Al-Khawarizmi 	<ul style="list-style-type: none"> Pengasas ilmu algebra. Pengasas kitab <i>Hisab al-Jabr wa al-Muqabalah</i> yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Terjemahan ke dalam bahasa Latin dilakukan oleh Gerald of Cremona dan dijadikan teks asas di universiti-universiti di Barat.
Pelayaran	Ibn Battuta 	<ul style="list-style-type: none"> Pernah berlayar sampai ke India dan Alam Melayu. Buku pelayaran beliau digunakan oleh pelayar lain selepas itu.

Secara keseluruhannya, Tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang besar dalam peradaban dunia. Tamadun Islam telah membuka minda masyarakat untuk mengkaji corak hidup yang sejahtera, di samping memajukan pelbagai bidang sama ada politik, ekonomi maupun sosial. Masyarakat kini perlu menghargai sumbangan yang bermanfaat dalam pelbagai bidang khususnya keilmuan kerana ilmu tersebut berterusan dikaji hingga kini.



Bagaimanakah tokoh ilmuan Islam memberikan sumbangan dalam meningkatkan tamadun dunia?



Aktiviti: Inkuiiri

Ilmuan Islam telah memberikan sumbangan dalam bidang agama, sains dan teknologi. Secara berkumpulan, kaji tentang tokoh Islam tersebut. Bentangkan hasil dapatkan kajian dalam bentuk persembahan multimedia.

Sumbangan Tamadun Islam dalam Bidang Seni Bina

Seni bina bermaksud bidang seni untuk mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak yang dibina oleh manusia. Seni bina bangunan Islam boleh dilihat pada masjid dan beberapa bangunan bercorak Islam dengan mempunyai ciri-ciri tertentu.

Dari sudut sejarahnya, seni bina Islam bermula dengan pembinaan Masjid Quba' pada zaman Nabi Muhammad SAW. Pada zaman baginda, masjid berfungsi sebagai tempat beribadat dan menyampaikan segala maklumat. Masjid tertua ini menjadi model pembinaan masjid yang lain sehingga kini.



Pembinaan menara, mihrab dan mimbar

- Seni bina Islam telah memperluas seni bina menara. Menara dibina dalam bentuk tirus dan memuncak tinggi. Hal ini bertujuan untuk memastikan laungan azan didengari dari jarak yang jauh.
- Mihrab juga dibina berfungsi sebagai penanda arah kiblat dan menjadi satu daripada elemen terpenting di dalam sesebuah masjid.
- Terdapat juga mimbar yang digunakan oleh imam untuk membaca khutbah atau syarahan.



Mihrab dan mimbar di Masjid Sultan Hassan, Madrasa, Kaherah.

Menggalakkan perhiasan yang indah


- Tamadun Islam juga menghasilkan bentuk bangunan yang indah, kubah yang menarik, arca yang mempesonakan dan seni khat serta ukiran yang menakjubkan.
- Ukiran menjadi lebih berseni apabila dihiasi kaca bertatah batu permata. Fungsinya untuk mewujudkan rasa tenang, sebagai pelengkap binaan dan memperlihatkan keunikan seni bina Islam.



Hiasan dalaman Masjid Putra, Putrajaya, Malaysia.


Menghasilkan keunikan reka bentuk

- Reka bentuk pintu berbentuk melengkung yang melambangkan perasaan hormat dan tunduk menjemput masuk ke dalam masjid atau institusi itu.
- Identiti unik yang ketara ialah aspek penggunaan air dan cahaya yang berfungsi untuk menimbulkan kesan dari segi penampilan ruang.



Istana al-Hambra, Sepanyol.

(Sumber: Kedutaan Sepanyol di Malaysia)



Masjid Cordoba, Sepanyol.

(Sumber: Kedutaan Sepanyol di Malaysia)



Aktiviti: Lawatan

Bersama-sama rakan kumpulan, buat lawatan ke masjid berdekatan untuk melihat seni bina masjid. Anda boleh melihat dari sudut pengaruh Islam dan unsur tempatan pada binaan tersebut. Laporkan dapatan anda di dalam kelas.

Mempunyai elemen estetika
Seni bina Islam turut menggalakkan penghayatan nilai estetika. Binaan bangunan diperindah dengan ukiran arabes, motif kaligrafi, geometri dan cakerawala yang berfungsi untuk memberikan keselesaan dan ketenangan.



Motif geometri di siling Masjid Abu Dhabi.

Menyesuaikan reka bentuk dengan iklim setempat

Seni bina Islam juga menerima budaya setempat dan disesuaikan dengan faktor geografi terutamanya dalam aspek bentuk muka bumi, cuaca, keadaan angin dan suhu. Seni bina di Nusantara mempunyai tingkap yang tersusun dengan jumlah yang banyak. Keadaan ini disebabkan oleh iklim Nusantara yang panas dan lembap berserta hujan yang kerap. Fungsi tingkap yang banyak adalah untuk penyejukan dan pengudaraan. Contohnya, pada Masjid Tengkera, Melaka.



Masjid Tengkera, Melaka.



Glosari

Arabes: Corak hiasan pada catan, ukiran kayu dan seumpamanya yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan, haiwan atau manusia yang disusun dengan garisan bersegi, bergeometri atau berlengkok-lengkok, awan larat.
Cakerawala: bintang-bintang di langit, seperti bulan dan matahari.

Kaligrafi: seni menulis dengan indah; seni khat.



Nyatakan kepentingan nilai estetika pada seni bina bangunan di negara kita.



Aktiviti: TMK

1. Lakukan lawatan ke Muzium Kesenian Islam atau layari laman web berikut <http://www.iamm.org.my>.
2. Hasilkan folio berkaitan artifak atau model masjid yang terdapat di dalam muzium tersebut.

Menyesuaikan seni bina dengan budaya setempat

Terdapat juga seni bina dan elemen estetika yang mengikut kesesuaian budaya dan seni bina tempatan. Contohnya, masjid di China yang mengambil inspirasi rumah tradisional, kuil dan istana. Hal ini dapat dilihat pada Masjid Huang Sheng Si di Guangzhou, Masjid Niu Jie, Beijing dan Masjid Zhen-Jiao Si di Hangzhou.



Masjid Huang Sheng Si, Guangzhou, China.



Masjid Sultan Ahmet, Turki.

Penggunaan kubah sebagai struktur utama bumbung dapat ditemui di masjid-masjid pada zaman Turki Uthmaniyah. Contohnya, Masjid Sultan Ahmet (Masjid Biru) yang mempunyai ruang solat utama yang ditutupi kubah setengah lingkaran dan mempunyai banyak menara di sisi masjid. Fungsinya untuk keselamatan dengan memperkuat sistem struktur daripada rentangnya yang lebar.



Masjid Moti, India.

Masjid di India juga mempunyai keunikannya dengan binaan pintu gerbang yang besar berfungsi sebagai pintu masuk utama. Ciri masjid di India juga dapat dikenali dengan mudah kerana menggunakan bumbung berbentuk bawang dan lengkung yang menirus.



Sumbangan Tamadun Islam dalam bidang seni bina dapat dibuktikan melalui ciri-ciri seni bina yang unik dengan fungsinya yang pelbagai. Sehingga kini, seni bina menjadi simbol kegemilangan Tamadun Islam untuk dihayati oleh generasi seterusnya.




Kesimpulan



Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam dikenal sebagai masyarakat Jahiliah. Mereka mengamalkan pelbagai corak hidup, seperti mengamalkan riba, tilik nasib dan perjudian.

Penyebaran Islam bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW dan seterusnya berkembang pada zaman Khulafa al-Rasyidin, Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan beberapa kerajaan Islam lain termasuklah Turki Uthmaniyah. Agama Islam menekankan keimanan kepada Allah SWT dan kehidupan berharmoni.



Kepimpinan Nabi Muhammad SAW dalam penyebaran agama Islam, pembinaan negara, pemerintahan yang adil dan mewujudkan masyarakat yang harmoni patutlah dicontohi bagi membentuk masyarakat dan kehidupan yang sejahtera.

Tamadun Islam telah menyinari dunia dalam pelbagai aspek sama ada politik, ekonomi maupun sosial.



Islam memberikan sumbangan yang besar dalam bidang seni bina yang menjadi warisan dunia sehingga hari ini.

Tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang besar dalam membentuk kehidupan manusia yang lebih baik dan berkualiti.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Apakah kesan semangat assabiyah dalam kalangan masyarakat Arab sebelum Islam?
 - A. Keruntuhan akhlak.
 - B. Kemerosotan perdagangan.
 - C. Kerap berlaku peperangan.
 - D. Kemunculan pelbagai kepercayaan.
2. Apakah kepentingan wahyu pertama yang diturunkan pada tahun 610 M?
 - A. Penyebaran Islam secara terbuka.
 - B. Pembukaan semula kota Makkah.
 - C. Berakhirnya sistem kabilah.
 - D. Bermulanya Tamadun Islam.
3. Al-Biruni memberikan sumbangan yang besar dalam bidang
 - I. geografi
 - II. kartografi
 - III. algebra
 - IV. perubatan
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV
4. Jelaskan kegiatan ekonomi masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.
5. Nyatakan pusat-pusat pemerintahan bagi kerajaan-kerajaan Islam di bawah:

Kerajaan Islam	Pusat pemerintahan
Bani Umayyah	i. ii.
Bani Abbasiyah	
Turki Uthmaniyyah	



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Terangkan ketokohan Nabi Muhammad SAW dalam aspek yang berikut:


Pemimpin masyarakat	
Pembangun ekonomi	
Mempertahankan agama Islam	

7. Labelkan gambar di bawah.





8. Berdasarkan gambar di bawah, jelaskan pengaruh Islam pada seni bina Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.





Arif dan Peka Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Apabila mempelajari bab Tamadun Islam dan sumbangannya, kita dapat meneladani bahawa berganding bahu membangunkan negara sehingga mampu membentuk peradaban yang tinggi merupakan tanggungjawab semua warganegara.
- Tamadun Islam mendorong sikap bertanggungjawab kepada bangsa dan negara.
- Sumbangan Tamadun Islam telah menjadikan kita bersyukur, bersifat terbuka, amanah dan berakhhlak mulia dalam kalangan warganegara.

Diri dan Keluarga

Kita akan lebih mengenali corak hidup masyarakat yang bertamadun. Hal ini mendorong kita membentuk keluarga dan masyarakat yang lebih terarah dan gemilang.

Negara

Kita akan lebih bersifat terbuka setelah mengetahui dan memahami sumbangan tamadun-tamadun di dunia. Hal ini membantu kita menjadi warganegara yang lebih menghargai, berbangga dan mencintai negara.

Menghasilkan anyaman bermotif geometri, tumbuh-tumbuhan dan awan larat ini amat bernilai dan memerlukan kreativiti kita.



Ya. Penghasilan anyaman begini menjadikan kita lebih menghargai seni dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.

Bibliografi

Buku dan Jurnal

- Abdullah Azmi Abdul Khalid, Loh Wei Leng dan Thami Munisah Mohd Yusoff, 1993. *Atlas Sejarah Malaysia dan Dunia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1994. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail, 2001. *China: Pensejarahan dan Pembinaan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 2002. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Ackermann, Marsha E., M J, Schroeder, J.J. Terry, Jiu-Hwa Lo Upshur, Mark F. Whitters, 2008. *Encyclopedia of World History: The Ancient World Prehistoric Eras to 600 C.E, Vol.I*, Facts on File.
- Adi Haji Taha, Mohd Kamaruzaman A. Rahman dan Mohd Supian Sabtu (peny.), 2013. *Kamus Arkeologi Data Arkeologi dan Teknik Arkeologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adler, Philip J. dan Randall L. Powells, 2012. *World Civilizations* (Sixth Edition). Boston: Wadsworth.
- Ahmad Jelani Halimi, 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Ahmad Kamal Abdullah, 1990. *Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmat Adam, 2016. *Antara Sejarah dan Mitos*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Ali, K., 1980. *A Study of Islamic History*. India: Idarah-I Adabiyat-I-Delhi.
- Apidah Othman, 2011. *Batuan dan Tulang*. Terjemahan. Selangor: Orbit Buku Sdn. Bhd.
- Arba'iyah Mohd Noor, 2002. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atlas of World History* (Second Edition), 2012. New York: The Nystrom.
- Azam Hamzah dan Zulekha Yusoff, 1990. *Tamadun Islam: Konsep dan Pencapaiannya*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Azharudin Mohamed Dali, 2015. *Tamadun India*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bangunan Warisan Malaysia*, Al Bukhary Series VI, 2013. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Bellwood, Peter, 1997. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. Honolulu: University of Hawai Press.
- Braidwood, Robert J., 1964. *Prehistoric Men*. Atlanta: Scott, Foresman and Company.
- Dalal, Roshen, 2010. *The Compact Timeline History of the World*. Cambridge: Worth Press.
- Davison, Michael Worth (ed.), 2000. *Reader's Digest When, Where, Why & How it Happened*. London: Reader's Digest Assoc. Ltd.
- Ensiklopedia Islam untuk Pelajar Jilid 1,3,4,5,6 dan 9*, 2003. Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd. dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Fagan, Brian, 1987. *New Treasures of the Past*. London: Guild Publication.
- Fiero, Gloria K., 2005. *Landmarks in Humanities*. New York: McGraw Hill.
- Gerald A. Danzer, 2002. *Atlas of World History*. London: Laurence King Pub.
- Hall, Robert dan Christopher K. Morley, 2004. *Sundaland Basins*. New York: American Geophysical Union.
- Hanif Yahya et.al., 2004. *Perjalanan Hidup Rasulullah yang Agung*. Terjemahan. Jakarta: Pustaka Al Sofwa.
- Hasan Hamzah et.al., 1997. *Siri Ensiklopedia Remaja: Apa dan Mengapa*. Shah Alam: Piramid Perdana.
- Hitti, Phillip K., 1970. *History of The Arabs*. New York: St.Martin's Press.
- Howell, F. Clark, 1966. *Early Man*. Netherland: Time-Life International.
- Ibn Khaldun, 1995. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Zakaria, 2012. *Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Noor, 1999. *Prophet Muhammad's Leadership*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamara, Peter, 1996. *Ancient Roman Mythology*. London: Chartwell Books.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kister, M.J., 1980. *Studies in Jahiliyya and Early Islam*. London: Variorum Reprints.
- Lok Chong Hoe, 1998. *Tamadun Cina: Falsafah, Pandangan Hidup dan Aspek-Aspek Kesenian*. Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan dan Pendidikan Komuniti.
- MacArdle, Meredith, 2008. *The Timeline History of China*. California: Thunder Bay Press.
- Mahayudin Hj. Yahaya, 2001. *Tamadun Islam*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, 2000. *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matthews, Rupert, 2007. *Ancient World*. Essex: Miles Kelly Publication.

- Michaelson, Carol (ed.), 1996. *Ancient China*. London: Time Life Books.
- Mohd Alpian, 2013. *Penjelak Sejarah Ahli Arkeologi*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd Radzi Haji Othman, Hussin Che Pa dan Meor Othman Hamzah, 1989. *Beberapa Aspek Tamadun Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press dan Universiti Sains Malaysia.
- Mokhtar Moktefi, 1985. *The Rise of Islam*. Paris: Silver Burdett Press.
- Muhd Yusof Ibrahim, 1986. *Pengertian Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim, 1997. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Hj. Daud, 1999. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nangkula Utaberta dan Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi, 2013. *Pemikiran Seni Bina Islam Moden di Dunia dan Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Neil Kagan (ed.), 2013. *Concise History of the World*. Washington: National Geographic Society.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 1998. *The Encyclopedia of Malaysia: Early History*. Singapura: Archipelago Press.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad, 2012. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Raes, Niels, Charles H. Cannon, R.J. Hijmans et.al., 2014. "Historical Distribution of Sundaland's Diptrecarp Rainforests at Quaternary Glacial Maxima", PNAS, Nov. 25, vol 111, no 47, 16790-16795.
- Sami bin Abdullah al Maghluts, 2014. *Al Atlas At Tarikh li Sirati Ar-Rasul SAW*. Terjemahan. Arab Saudi: Obeikan Publishing.
- Sami bin Abdullah Al-Maghluks, 2014. *Atlas Rasulullah SAW*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Schmidt, Karl J., 1995. *An Atlas and Survey of South Asian History*. Armonk: M. E. Sharpe.
- Brandon, S. G. F. (ed.), 1973. *Ancient Empires*. New York: Reader's Digest Association.
- Sivachandralingam Sundara Raja, 1996. *Tamadun Eropah*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, 1999. *Tamadun Dunia*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, 2008. *Tamadun Greek*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, 2008. *Tamadun Rom*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, 2009. *Tamadun Mesir Purba*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Skinner, Brian J., S C Porter, dan J. Park, 2013. *Dynamic Earth* (Fifth Edition). London: John Wiley & Sons.
- Stanley, Steven M., 2009. *Earth System History* (Third Edition). New York: W.H Freeman and Company.
- Suffian Mansor, 2003. *Tamadun China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Susan Elizabeth Ramirez, Peter Stearns, dan Sam Wineburg, 2008. *The World History Human Legacy*. North Carolina: Holt, Rinehart and Winston.
- Syed Muhammad Naquib Al Attas, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Toynbee, Arnold J., 1972. *A Study of History*. London: Oxford University Press.
- Voris, Harold K., 2008. "Maps of Pleistocene Sea Levels in Southeast Asia: Shorelines, River Systems and Time Durations", dlm. *Journal of Biogeography*, hlm. 27, 1153-1167.
- Wan Abdul Rahman et.al., 1996. *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Kamariah Leman, Mazlah Yaacob, 1997. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Shah Alam: Institut Teknologi MARA.
- Warisan Arkeologi Malaysia*, Al Bukhary Series VIII, 2013. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Watson, William, 1966. *Early Civilization in China*. New York: McGraw Hill Book.
- Woollacott, Angela, 2012. *Overview: The Ancient to the Modern World (c. 650ce-1750)*. London: Cambridge University Press.
- World Heritage Malaysia*. Al Bukhary Series IX, 2013. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- World History: The Ancient World 40,000-500 BC*, 1997. London: Kingfisher.
- Wright, Esmond (ed.), 1979. *The Ancient World*. London: Hamlyn.
- Zulkarnain Abdul Rahman, 2002. *Tamadun Eropah Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laman Web

"Civil Service Examinations", <https://www.princeton.edu>. Dicapai pada 15 Februari 2016.

Ichisada Miyazaki, "The Chinese Civil Service Exam System", <http://www.gcisd-k12.org>. Dicapai pada 3 Mac 2016.

"Kenali Manuskrip Melayu", *Utusan Online*, www.utusan.com.my. Dicapai pada 7 Disember 2015.

Mark Cartwright, "Colloseum", <http://www.ancient.eu>. Dicapai pada 3 Februari 2016.

Indeks

- acropolis* 119
Akta Warisan Kebangsaan 2005 15, 23
akuaduk 131
amanah 165-166
amfiteater 129, 131
animisme 59
Ansar 171
Arab Badwi 161, 162, 164
Arab Hadhari 162
Arab Quraisy 161
arkeologi bawah air 14, 15
Arnold Toynbee 79
artifak 15, 48
artisan 82
Aryan 101
Asia Tenggara 177
Asoka 143-145
Assabiyah 161
Athens 120, 122
- Babylon 96, 97
Bahasa Melayu 38
baitulmal 177
Bandar Harrapa 101
bangsawan 81
Bani Abbasiyah 168
Bani Umaiyyah 168, 179
batu bersurat 11
beliung 47
berhala 163
bison 26
Bukit Safa 166
- Cai Lun 148
Colosseum 130
- demokrasi 122, 124, 126
Dinasti Chin 153, 118
Dinasti Gupta 141, 145
Dinasti Han 118, 147, 153
Dinasti Maurya 141-144
Dinasti Ming 62
Dinasti Nanda 140, 142
Dinasti Qin 146
Dinasti Xing 111
Dinasti Zhou 148
dinosuar 28
- E.H. Carr 2, 5
ekofak 48, 49
ekskavasi 13, 14, 15
Empangan Maarib 160
epigrafi 10
epi-paleolitik 64
estetika 58, 184
- fatanah 168
Firaun 99
fosil 8, 50
- geologi 26
glasier 30, 31, 36, 40
- Habsyah 162
hadari 76
hadharah 76
Hammurabi 108
Han Fei Zi 148
Han Wu Di 147
Herodotus 2, 5
Hieroglif 84, 110
Historia 4
Hoabinhian 50, 64, 68
Holosen 30, 37, 40
Huang He 90, 92, 102, 103, 105, 109, 118
- Ibn Khaldun 3, 5, 78
ideofak 63
- jahiliyah 161
janapada 140
- kabilah 161
kaedah arkeologi 10, 13
kaedah bertulis 10
kaedah lisan 10, 12
Khulafa al-Rasyidin 167
Konfusius 148
Kota Akkad 94
Kota Nubia 100
kuneiform 10, 11, 31, 84
- Laluan Sutera 147
lapisan ais 30
Lembah Ganges 142
Lembah Indus 90, 92, 102, 113, 120, 121
Lembah Nil 98
logam 47, 52 - 58
- madaniyyah 78
mahajanapada 140
Maharaja Caracalla 133
Maharani Dowager Cixi 150
mamot 27, 30
Masjid Quba' 180
Memphis 99
Mesir Purba 82, 90, 92, 98
Mesolitik 47, 52 - 58
Mesopotamia 10, 90, 92, 94, 96
mikrolit 53
Miosen 30, 40
Mohenjo-Daro 81, 101
Muhammadiyah 171
Muhsin Yusof Ibrahim 2, 5
- Nabi Muhammad SAW 165, 166, 169, 171-173
Nasrani 163
Neolitik 47, 52 - 58
nomad 55, 56
- orang sumber 12
- paleografi 10
Paleolitik 48, 50, 52 - 58, 68
paleontologi 26
Pantheon 130
Parsi 170
Pentas Sunda 30, 38, 39, 40
peradaban 76
Perak Man 50
Perang Khandak 172
piktograf 84
pleistosen 32, 36, 38, 40
pliosen 31, 40
polis 126
prasasti 11
- radiasi 37
Raja Mennes 99
realisme 58
Rom 127-129
- sejarawan 4, 6, 7, 16
Sepanyol 168
Shi Huangdi 146, 148
siddiq 166
simbolisme 59
Sistem Syura 174
Sparta 125
sumber kedua 8
sumber pertama 8
Sumer 94, 96,
Sungai Euphrates 80, 94, 95, 97
Sungai Ganges 140
Sungai Huang He 80
Sungai Indus 80
Sungai Nil 80, 100
Sungai Tigris 80, 94
syajaratun 4
Syam 160
- tabligh 166
Tamatun India 140
Tamatun Indus 100
Tamatun China 146
Tamatun Huang He 102
Tamatun Mesir Purba 98
Tamatun Mesopotamia 94
Tamatun Rom 127
Tamatun Yunani 117
tamadun 74
Taman Tergantung Babylon 85, 105
Tanah Arab 160
Turki Uthmaniyah 168
- ummah 174
- Zaman Air Batu 24, 30, 40
Zaman Batu 46, 70
Zaman Jahiliyah 160, 161
Zaman Logam 47, 70
Zaman Prasejarah 44, 46, 47, 48, 49, 76, 84
zigurat 105

Dengan ini SAYA BERJANJI akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL			